



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGALIAN
Second Session

Jilid II Bil. 7

Hari Rabu

3hb Jun, 1992

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTAHYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan)(No.2)	(Ruangan 35)
Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia	(Ruangan 5i)
Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan)	(Ruangan 113)
Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan)	(Ruangan 117)
Rang Undang-undang Lembaga Pelababan Bintulu (Pindaan)	(Ruangan 1230)
Rang Undang-undang Pencen (Pindaan)	(Ruangan 132)
Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan)	(Ruangan 142)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 101)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 3hb Jun, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

BELIA - BANTUAN KEPADA PERTUBUHAN

1. **Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah bantuan Kerajaan yang diberikan kepada persatuan dan pertubuhan belia seluruh negara dan apakah nama persatuan belia yang mendapat bantuan dan daripada jumlah itu, berapakah yang diberikan kepada persatuan belia mengikut pecahan kaum.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan ada menyediakan kemudahan bantuan pentadbiran dan projek kepada persatuan dan pertubuhan belia. Bantuan pentadbiran hanya diberikan kepada majlis-majlis belia dan pertubuhan-pertubuhan induk belia di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Bagi tahun 1990 Kerajaan telah mengeluarkan bantuan sebanyak \$1,093,067; bagi tahun 1991 jumlah bantuan yang diberikan ialah sebanyak \$362,000. Sementara bantuan bagi tahun 1992, ianya masih lagi di peringkat pertimbangan Kementerian. Bantuan yang diberikuitu adalah berasaskan kepada program dan aktiviti yang memberi faedah kepada pembangunan masyarakat belia tanpa mengira kaum.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat. Saya ingin mendapat penjelasan, bagaimanakah peruntukan-peruntukan kewangan itu disalurkan kepada persatuan-persatuan belia di peringkat-peringkat daerah dan di kampung-kampung melalui Majlis Belia Negeri. Adakah hanya ahli yang bergabung dengan Majlis Belia sahaja mendapat peruntukan?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, kaedah yang Kementerian Belia dan Sukan amalkan untuk memberi bantuan kepada pertubuhan belia adalah berdasarkan kepada permohonan dan juga kepada kemampuan kewangan tahunan- Kementerian pada tahun yang berkenaan.

Berkenaan cara bantuan ini disalurkan kepada badan-badan yang bergabung dengan Majlis Belia sama ada di peringkat daerah ataupun negeri adalah terserah kepada badan induk yang berkenaan untuk menentukannya. Kementerian Belia dan Sukan tidak campur tangan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar kurangnya sambutan belia dari keturunan India dan Cina di dalam penglibatan keahlian di dalam persatuan-persatuan belia?

Soalan yang kedua, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian Belia dan Sukan di dalam mengintegrasikan belia-belia di dalam tanahair kita?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yaag di-Pertua, kedua-dua soalan Yang Berhormat itu adalah merupakan soalan yang lain, tetapi walau macam manapun izinkan saya menjawab dakwaan Yang Berhormat mengenai

sambutan belia-belia kepada kegiatan belia daripada kaum bukan bumiputera tidak menggalakkan adalah tidak begitu tepat.

Mengenai masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, saya rasa tidak ada masalah yang besar yang dihadapi oleh ahli-ahli belia yang terdiri daripada berbagai kaum di negara kita ini dan masalah-masalah ini dapat diselesaikan dengan cara baik di peringkat ahli-ahli persatuan belia.

Tuan Dahalan bin Haji Embun; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa sebuah pertubuhan belia yang besar telah berpecah dua. Satu pihak dikendalikan oleh penyokong Kerajaan dan satu pihak lagi oleh pembangkang. Saya ingin tahu apakah sikap Kerajaan dan apakah nasib masa hadapan untuk pertubuhan ini, dan juga bagaimanakah peruntukan yang disebutkan tadi akan diberikan?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa ada satu pertubuhan belia mempunyai dua presiden pada hari ini, seolah-olah sebuah kapal ada mempunyai dua nakhoda. Tetapi sikap Kerajaan atau sikap Kementerian ialah kita hanya mengiktitaikan kepimpinan Belia 4B yang menyokong Kerajaan, oleh kerana cara kepimpinan ini dipilih ialah mengikut lunas-lunas demokrasi.

Dan untuk itu Kementerian Belia dan Sukan telahpun menyediakan suatu peruntukan sebanyak \$30,000 bagi membantu persatuan Belia 48 yang dipimpin oleh pengerusinya yang menyokong Kerajaan.

KAKITANGAN SYARIKAT INSURANS - KOMPOSISI KAUM

2. **Tuan C'. Krishnan** minta Menteri Kewangan menyatakan benarkah daripada 68 syarikat insurans, 60 syarikat insurans tidak mencerminkan komposisi kaum dalam pengambiln kakitangan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, setakac 31hb Disember, 1991 sebanyak 16 buah daripada sejumlah 58 buah syarikat insurans yang didaftarkan di bawah Akta Insurans 1983 masih lagi belum mematuhi Dasar Pembangunan Nasional yang menghendaki supaya mereka mengambil sekurang-kurangnya 30% kakitangan bumiputera.

Walau bagaimanapun, kebanyakan syarikat terbabit telah sedia mempunyai sekurang-kurangnya 25% kakitangan bumiputera pada keseluruhannya. Dan Bank Negara dari semasa ke semasa terus menggesa syarikat-syarikat insurans berkenaan agar mematuhi Dasar Pembangunan Nasional dari segi gunatenaga mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada akhir tahun 1991 penyertaan kaum bumiputera di dalam industri insurans secara keseluruhannya adalah seramai 4,917 orang ataupun 40.7% dan di peringkat pengurusan pula terdapat sebanyak 24.8% penyertaan kakitangan bumiputera.

PERDAGANGAN DUA HALA MALAYSIA - AUSTRALIA

3. **Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian. untuk menentukan bahawa 'volume' perdagangan di antara Malaysia dan Australia tidak terjejas kerana tindakan penyiaran. filem "Turtle Beach" oleh produser filem Australia. Atau adakah usaha-usaha untuk mengimport barangan yang sama umpamanya daripada New Zealand dan negara-aegara lain tanpa memberi keutamaan kepada barangan Australia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan. S. S.Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, penyiaran. filem "Turtle Beach" oleh penerbit filem Australia tidak menjejaskan hubungan perdagangan di antara Malaysia dengan Australia. Filem tersebut juga kurang mendapat sambutan di kalangan rakyat Australia. Di samping itu Kerajaan Australia juga telah membuat kenyataan di Parlimen Australia bahawa pihaknya tidak ada kena-mengena dengan penerbitan dan penyiaran tersebut.

Dalam pada itu perdagangan dua hala telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 13% pada tahun 1991 di mana jumlah nilai perdagangan dua hala telah meningkat dari \$4,260 juta kepada \$4,844 juta. Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan hubungan perdagangan dengan rakan-rakan perdagangannya termasuk AusCralia.

Untuk makluman Yang Berhormat, MITI akan menganjur satu rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ke Australia pada bulan Julai tahun ini. Di samping itu MITI juga akan menyertai pameran Australian International Food Exhibitions, dengan izin, di Melbourne, Australia pada 6hb hingga 9hb September 1992. Kerajaan mengamalkan satu sistem perdagangan yang bebas dan terbuka dan amalan diskriminasi dalam dagangan eksport dan import tidak dipraktikkan oleh Kerajaan,

HUKUMAN MATI - JUMLAH PESALAH

4 Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali bin Dato' Mohd Seth minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah pesalah-pesalah yang dihukum gantung sampai mati berpandukan peruntukan. Akta Dadah Berbahaya 1985 dan adakah peratusnya kurang sebelum Akta ini dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pesalah-pesalah yang dihukum mati di bawah Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1983 sehingga kini ialah seramai 327 orang. Berdasarkan kepada perangkaan itu kes-kes hukuman mati mandatori tidak berkurangan. Ini adalah disebabkan antara lain, mereka yang ditangkap mengedar dadah hanya "couriers" atau orang upahan sahaja. Apabila mereka di tangkap, orang upahan ini senang ditukar ganti. Ketua-ketua sindiket yang bertanggungjawab ke atas kemasukan bekalan dadah dan para pembiayanya tidak langsung menanggung risiko kerana mereka tidak pernah membawa dadah sendiri! Ganjaran lumayan yang diperolehi dari kegiatan pengedaran dadah juga merupakan satu faktor tarikan dan dorongan kepada mereka yang ingin kekayaan dengan cepat tanpa memikirkan risiko yang mereka tanggung nanti.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jumlah 300 lebih yang telah dihukum gantung, berapa daripada mereka terdiri daripada warganegara luar iaitu bukan warganegara Malaysia? Dan soalan yang kedua, jika sekiranya yang digantung itu adalah orang yang bukan warganegara

Malaysia, adakah tiap-tiap kali kita hendak gantung bukan warganegara Malaysia ini kerajaan daripada mana orang hendak kena gantung itu adakah mereka selalu menghantar perutusan ataupun rayuan untuk meringankan hukuman ini? Jikalau ada, saya ingin tahu betapa daripada rayuan ini diterima ataupun berapa yang ditolak..

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, di antara 327 orang yang dikenakan hukuman mati itu termasuklah kebanyakannya rakyat negara ini dan sebahagian lagi adalah terdiri dari orang luar. Angka tepat saya kena minta notis.

Pada mulanya Kerajaan kita kuatkuasakan Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) ini memang ada terdapat negara asing membuat sesuatu rayuan. Tetapi setakat beberapa tahun kebelakangan ini Kerajaan telahpun melalui saluran yang sesuai menerangkan undang-undang kita kepada mereka, maka kebelakangan ini lebihlah mereka mematuhi undang-undang negara Malaysia. Sebenarnya apabila seseorang daripada luar kalau dia bawa masuk dadah mereka itu semua sudah cukup diberi amaran. Sebelum dia sampai ke negara ini di lapangan terbang pun sudah diingatkan. Begitu juga kita punya sebaran sudah sampai ke luar negeri. Jadi semua mereka yang hendak masuk ke negara kita ini sudah tahu. Bila sudah tahu yang negara kita mempunyai undang-undang yang ketat dia buat juga, tidak boleh salahkan negara kita lagi. Itulah dari segi persediaan Kerajaan memang sudah cukup dan rayuan kalau ada pun adalah tertakluk kepada undang-undang. Kita tidak timbang atas sebab-sebab politik ataupun atas sebab-sebab kemanusiaan ataupun apa-apa. Semuanya kita ikut undang-undang.

Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali bin Dato Mohd Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah hukum bunuh dijatuhkan adakah Kementerian berkenaan siarkan dengan luas kepada masyarakat melalui mass-media dengan kata-kata, dengan izin, "crime does not pay". Maksud saya di sini ialah ini boleh diibaratkan. sebagai deterrent. Kalau tidak, buat masa sekarang siaran itu keluar "hidup mati, hidup mati" jadi tidak mengingatkan. kepada orang-orang yang jahat.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan kita selama ini telah buat banyak usaha untuk menyiarkan melalui iklan-iklan ataupun melalui sebaran am, TV ataupun melalui signboard-di mana-mana kita sentiasa memperingatkan siapa-siapa sahaja iaitu "Dadah Membawa Maut" - sama ada maut dari segi mangsa ataupun dari segi pengedar. Saya rasa dari segi mass-media memang sudah banyak kita buat dan juga suratkhbar tiap-tiap kali kalau ada kes belum sampai hukuman dijatuhkan, pada masa ditangkap, didakwa, mass media sudah memperbesarkan dengan mengatakan ini adalah mandatory death". Jadi saya rasa cukuplah sebaran itu setakat ini.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Yang Berhormat, saya ingin mendapat penjelasan di antara 327 orang pesalah-pesalah yang dihukum gantung sampai mati itu, di antara berapa ke berapakah umur mereka itu dan berapakah pula bilangan wanita.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta maaf kerana tidak dapat memenuhi semua angka-angka ini di sini tetapi saya mohon notis. Walau bagaimaimapun saya boleh beritahu bahawa kebanyakan yang mengedar dadah ini adalah kaum lelaki lebih daripada kaum wanita.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada undang-undang yang dibuat ini nampaknya pengedar dadah ini kurang takut. Tidakkah ada cadangan Kerajaan supaya pembunuhan ini dilakukan di tempat umum, misal kata di Stadium Merdeka dan sebagainya? [Ketawa]

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit penjelasan walaupun nampaknya angka ini sudah naik tetapi ianya tidak bermakna mereka ini kurang takut. Kalau kita kaji secara mendalam sebenarnya kita banding secara angka absolute-sahaja, kita tidak banding secara relatif selama ini negara kita ekonomi sudah besar dan bilangan penduduknya pun sudah bertambah, kegiatan sosial pun sudah lebih, tekanan sosial pun sudah lebih. Kalau dari segi itu sebenarnya angka sahaja yang naik dan ini tidak bermakna mereka ini kurang takut, lebih-lebih lagi kalau sekiranya tidak ada undang-undang yang begitu menakutkan mungkin angka ini meningkat beberapa kali ganda. Jadi itulah satu kenyataan saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini.

Tuan Mustafa bin Awang: Penjelasan,

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh minta pejelasan pada masa soal jawab.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita mendengar yang mati terbunuh dan dihukum gantung hanya orang-orang upahan. Jadi tentulah ada kepala dia atau "Draco" dia. Jadi adakah Kerajaan mengenalpasti ketua sindiket mengedar dadah dan apakah ikhtiar Kerajaan untuk menghancurkan ketua sindiket yang tidak mati itu?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Keerajaan ada strategi dan langkah-langkah untuk ketua sindiket kalau sekiranya kita dapat maklumat yang cukup jelas dan konkrit yang menunjukkan bahawa seseorang itu adalah memang ketua sindiket, walaupun dia ada bawa dadah. Walaupun kita tidak dapat tangkap orang itu dengan dadah ada padanya, tetapi kita masih ada suatu Akta yang bersiap sedia bila-bila masa untuk golongang. itu iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas), 1985. Kita boleh tangkap ketua-ketua sindiket ini masuk ke dalam Pulau Jerjak dan masuk ke dalam tempat-tempat tahanan tanpa pergi ke rnahkamah, Jadi, mereka tidak boleh dilepaskan walaupun tidak mati, tetapi dia tidak boleh dibebaskan. Itulah satu langkah yang kita buat sekarang.

INDUSTRI TEMBAKAU TEMPATAN - LANGKAH MENGURANGKAN IMPORT ROKOK

5. **Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil langkah bagi mengurangkan import tembakau daripada luar negeri untuk melindungi industri tempatan; Sila beritahu jumlah import tembakau dan rokok dari luar negeri yang diluluskan oleh Kerajaan setiap tahun.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memutuskan bahawa mulai tahun 1992 import tembakau Virginia dikesan dan dikawal selia dengan menggunakan lesen import atau Approved. Permit (A.P.) dengan izin, di bawah Seksyen 31 Akta Kastam 1967. Tujuannya ialah untuk menentukan bahawa pengilang-pengilang rokok di negara ini menggunakan lebih banyak tembakau Virginia tempatan supaya dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi penanam-penanam tembakau terutama di negeri-negeri yang kurang maju seperti. Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah import tempatan Virginia yang telah diluluskan bagi tahun 1992 adalah sebanyak 1.5 juta kg, Ketika ini Kementerian saya sedang mengkaji semula keperluan penggunaan tembakau Virginia import oleh kilang-kilang rokok bagi tahun 1992.

Mengenai import rokok, Kerajaan tidak menghadkan jumlah rokok yang boleh diimport. Untuk makluman, jumlah import rokok bagi tahun 1991 adalah sebanyak 2,218,300 kg dengan nilai sebanyak \$93,654,517.00

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu berapa banyakkah jumlah hasil yang didapati oleh Kerajaan daripada industri tembakau negara pada masa sekarang?

Keduanya, apakah asas-asas pemberian kuota tembakau kepada penanam-penanam tembakau yang diamalkan sekarang?

Ketiga, adakah benar ada tuduhan-tuduhan yang mengatakan berlakunya penyelewengan di dalam pemberian kuota tembakau?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, tentang pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan, saya tidak ada angka-angka. Saya minta notis.

Tentang asas pembahagian kuota, ini adalah berdasarkan kepada pengawit-pengawit. Oleh itu pengawit-pengawit yang telah memperolehi kuota akan dikaji apakah kuota mereka ini dipenuhi atau tidak; apakah mereka mematuhi segala peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh LPN atau tidak dan kalau sekiranya mereka tidak mematuhi, maka tindakan untuk memotong akan dibuat.

Mengenai dengan penyelewengan, saya rasa sehingga kini kita tidak dapat apa-apa laporan yang berkaitan dengan penyelewengan, tetapi apa yang kita dapati ialah pemotongan kuota secara umum adalah disebabkan oleh keseluruhan kuota-kuota di negara kita ini terpaksa dikurangkan oleh kerana permintaan rokok kita bertambah. Misalnya, kalau tahun 1990, kilang rokok telah mengeluarkan sebanyak 18.428 billion batang, tahun 1991 kita dapat keluarkan hanya 18.160 bilion batang, manakala pasaran pula pada tahun 1990 ialah sebanyak 18.628 bilion batang tetapi pada tahun 1991 menurun kepada 17.984 bilion batang.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedangkan kita menggalakkan petani-petani menanam tembakau kerana hasilnya besar, kita juga tidak mahu orang mati kerana tembakau. Jadi, ingin saya bertanya sama ada diwujudkan pihak-pihak yang membuat penyelidikan untuk mengeluarkan jenis tembakau yang kurang nicotine content supaya selamat dihisap. Sekian.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang didapati tidak seorang pun lagi yang mati kerana rokok. Jadi, sebab itu kita akan menunggu ada sesuatu gantian untuk menggantikan rokok. Jadi kalau ada, maka kajian yang menyeluruh baharulah kita buat, Oleh kerana tidak ada orang yang mati, maka kajian itu tidak perlu, kerana ini memerlukan wang.

SALAHGUNA KUASA AGENSI KERAJAAN - LANGKAH MEMBANTERAS

6. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan telah mengambil langkah bagi mengawal dan seterusnya membanteras kemungkinan berlaku penipuan dalam agensi Kerajaan dan apakah langkah-langkah itu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman btn Abdul]: Tuan Yatig di-Pertua, dalam konteks pencegahan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, Badan Pencegah Rasuah dan Badan-badan Kerajaan telah daa sedang mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mengawal dan membanteras gejala-gejala diatas. Di antara langkah-langkah yang diambil itu ialah:-

- (1) menganjurkan program-program pendidikan agama dan moral seperti mengadakan ceramah, dialog, seminar, bengkel, forum dan lain-lain;
- (2) menerapkan nilai-nilai murni ke dalam budaya kerja kakitangan Kerajaan seperti penerapan nilai-nilai Islam;
- (3) melancarkan operasi-operasi mengejut di jabatan-jabatan Kerajaan;
- (4) mengadakan perbincangan-perbincangan dengan ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai tentang usahasama dalam pencegahan rasuah dan penyelewengan;
- (5) mengedarkan bahan-bahan penerangan dan bacaan yang bertemakan pencegahan rasuah kepada kakitangan Kerajaan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bila disebut tadi Badan Pencegah Rasuah, setiap hari kita dengar rakyat menyatakan bahawa Badan Pencegah Rasuah ini suka mengambil tindakan kepada orang-orang yang kecil atau 'ikan bilis', kena kepada 'jerung besar' dia pun takut kepada 'jerung' itu. Benarkah perkataan itu?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar, kerana dalam Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed sekarang, semuanya akan kena, jerungkah, ikan biliskah, yang bersalah tetap akan didakwa.

Tuan RahIm bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, menurut Setiausaha Parlimen tadi, banyak penerangan-penerangan dan kursus-kursus telahpun dijalankan. Apakah pada pandangan Setiausaha Parlimen setelah kursus-kursus dan juga penecangan-penerangan dijalankan, rasuah telahpun berkurangan di negara ini kalau dibandingkan dengan masa-masa yang lalu?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, kita menjalankan kegiatan-kegiatan ini untuk menyedarkan pegawai-pegawai Kerajaan dan kakitangan Kerajaan tentang betapa jujuknya menerima rasuah dari seragamnya daripada angka-angka yang telahpun kita dapati, memang keadaannya itu telahpun menurun dan kesedaran di kalangan kakitangan Kerajaan kita adalah memang cukup tinggi tentang soal ini. Dengan sebab itulah kita dapat melihat bahawa usaha pencegahan itu dijalankan dengan sebaik mungkin untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan, rasuah dan sebagainya.

Tuan Haji Mohamed Nasri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, rasuah ini adalah satu jenayah yang unik yang mana kedua-dua pelakon itu bersalah, bukan sahaja penerima, yang memberi itu pun juga bersalah. Jadi, langkah yang telah diambil seperti yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi banyak dilakukan ke arah untuk mengingatkan bakal-bakal yang mungkin mempunyai the potential, dengan izin, penerimanya. Apakah langkah-langkah yang harus dilakukan kepada orang luar yang hendak merasuahkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan ini? Saya ingatkan tidak cukup untuk kita memberikan penecangan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan sahaja, pihak di luar itu pun perlu diberi penerangan. Jadi, apakah langkah Kerajaan?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, kita melakukan proses pencegahan ini kita memang sedar bahawa kedua-dua pihak yang memberi dan menerima itu adalah bersalah di bawah Akta Rasuah yang telahpun dijalankan oleh Kerajaan. Sebab itu, kita agak sukar untuk mengenali ataupun orang-orang yang bakal memberi rasuah. Oleh itu kita memberikan ceramah, dialog, pendidikan ini kepada orang-orang yang kita fikirkan boleh dengan mudah untuk menerima rasuah, untuk mencegah mereka supaya tidak menerima rasuah, Dan sudah pasti dalam masyarakat ramai pun kita menganjurkan supaya jangan memberi rasuah. Ini kita edarkan berbagai-bagai risalah seperti di kalendar yang kita letakkan di atas meja pegawai/kakitangan Kerajaan. "Jangan Memberi Rasuah". Ini bermakna kita mengingatkan orang yang berurusan dengan kakitangan Kerajaan supaya mereka juga menyedari tentang hakikat ini.

Saya yakin memang ini merupakan satu perkara yang agak sukar, tetapi kita menjalankan usaha sekuat dan sebaik mungkin untuk kedua-dua- belah pihak menyedari tentang hakikat bahawa memberi dan menerima itu adalah suatu perbuatan yang tidak boleh diterima oleh masyarakat dan Kerajaan.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Parlimen tadi menyebut mengenai pegawai Kerajaan. Tidakkah ada pegawai-pegawai lain, yang bukan dinamakan pegawai Kerajaan yang menerima rasuah, Apa yang kita dan rakyat seluruhnya faham selama

ini, kalau 31,000 atau \$5.000 ke bawah - rasuah. Kalau \$1 juta ke atas 'ra' apa pula? [Ketawa]

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada terima yang laitu, sama ada \$1 juta ataupun \$10, semuanya dikira rasuah. Sebenarnya kita dalam konteks ini kita bercakap soal pentadbiran Kerajaan yang 'Bersih, Cekap dan Amanah'. Sebab, itu saya bercakap menjawab dalam konteks 'Bersih, Cekap dan Amanah' kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk David Yeoh Eng Hock.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

LARANGAN MEROKOK - PELAKSANAAN

7. **Puan Law Jack Yoon** [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk melarang orang ramai merokok di tempat-tempat tertentu dan amaran bahawa merokok merabahayaakan kesihatan, telah mengurangkan bilangan perokok yang telah meningkat 1.7 juta orang.

Menteri Kesihatan [Dato' Lee Kim Sai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah pencegahan seperti larangan merokok di tempat-tempat tertentu serta tanda amaran merupakan strategi jangka panjang. Kesan daripada langkah-langkah tersebut di dalam mengubah tabiat masyarakat hanya dapat dilihat dengan jelas pada jangkamasa yang latna.

Walau bagaimanapun, keputusan analisa awal kajian yang dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan bagi mengkaji kesan,

perlaksanaan larangan merokok di semua kemudahan parubatan dan kesihatan di bawah Kementerian ini menunjukkan kesan positif.

Kajian tersebut menunjukkan kira-kira 14% daripada kakitangan yang telah berhenti merokok adalah akibat langsung daripada langkah-langkah Kementerian ini melaksanakan larangan merokok tersebut. Ini menunjukkan bahawa tabiat ini boleh dibendung dengan melaksanakan langkah-langkah yang sedemikian.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mengukuhkan semangat 'Kepimpiaan Melalui Teladan' dan memandangkan Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat/Dewan Negara adalah pemimpin di kalangan rakyat, maka bilakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan mengumumkan bahawa di Parlimen ini akan dijadikan kawasan larangan merokok? [Ketawa]

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan hanya boleh meminta kerjasama daripada agensi-agensi" Kerajaan ataupun mana-mana tuan punya bangunan. ataupun tempat-tempat perniagaan. dan sebagainya untuk menentukan sama ada bangunan atau pejabat itu dilarang merokok.

Berdasarkan kepada dasar ini, Parlimen diminta untuk menjalankan satu survey, satu makluman balas sama ada Ahli-ahli Parlimen kedua-dua Dewan ini bersetuju supaya kawasan Parlimen ini dilarang merokok. Dengan makluman balas yang praliminary didapati agaknya majoriti boleh bersetuju tetapi sama ada kawasan Parlimen ini dilarang merokok, itu terpulang kepada Yang di-Pertua kedua-dua Dewan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah mendengar tadi jawapan daripada Yang

Berhormat Menteri Kesihatan, kajian yang dibuat adalah positif. Tetapi tadi jawapan daripada Kementerian Perusahaan Utama mengatakan tidak ada orang mati kerana merokok. Jadi, di antara kedua-dua Kementerian ini di manakah logiknya rakyat hendak terima, kalau ditahan merokok, penanam tembakau akan hilang mata pencarian, kalau tidak akibat rokok akan menjejaskan kesihatan rakyat. Jadi, saya hendak mendapat penjelasan, di mana sebenarnya kedudukan dasar sekarang?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, memang benar belum ada kes pesakit mati kerana talah memakan tembakau atau menghisap rokok. [Ketawa]. Saya katakan yang "mati" terus.

Tetapi mengikut pengalaman Pegawai Perubatan ataupun Kementerian Kesihatan, kalau dibandingkan mereka yang merokok dengan mereka yang tidak merokok, kes-kes ataupun kemungkinan-kemungkinan peratusan yang tinggi menghidapi sakit jantung ataupun lung-cancer dan beberapa penyakit didapati orang yang merokok menghidapi penyakit-penyakit ini mempunyai percentage yang lebih tinggi daripada mereka yang tidak merokok.

Selain dari segi kesihatan diri sendiri bagi seseorang perokok itu, environment - tempat untuk orang ramai - bagi mereka yang tidak merokok itu patut diberi perhitungan. Maka ada setengah tempat boleh dikuatkuasakan dengan cara penguatkuasaan undang-undang. Tetapi banyak tempat dilarang merokok mengikut cara atau proses penggalakan.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selaku seorang yang menghisap rokok begitu kuat sejak tahun 1950, saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri, apakah priority kalau dibandingkan dari segi mengambil tindakan oleh Kerajaan, pencegahan menghisap rokok,

menahan supaya orang tidak menghisap rokok ataupun dadah ataupun crimes dan segalagalanya. Kalaulah priorities ini tidak begitu tinggi, jadi biarlah orang hisap rokok itu hisap, asalkan jangan dia memujuk orang lain menghisap rokok, [Ketawa]

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang priority di antara crime, lebih-lebih lagi white collar crime seperti kejadian baru-baru ini atau dadah trafficking dan kesan-kesan merokok. Walau bagaimanapun, bagi menjalankan penguatkuasaan undang-undang untuk melarang orang merokok di merata tempat, maka hendaklah ditentukan tempat-tempat yang tertentu sahaja setakat ini dikuatkuasakan dengan undang-undang seperti di dalam lift ataupun di tempat-tempat panggung wayang dan sebagainya.

Selain daripada itu, ada juga dicadangkan supaya dikuatkuasakan undang-undang bahawa semua air-cond restaurant dilarang merokok. Tetapi setelah dikaji semula, cadangan itu diberi compromised, bahawa restoran-restoran yang berkenaan digalakkan untuk membuat 'smoking zone' atau tempat untuk merokok, tempat untuk tidak merokok, supaya kedua-dua pihak diberi perlindungan ataupun protection.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Menteri Kesihatan dan juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama tadi tidak ada bukti berlakunya kematian kerana merokok. Jadi, sebagai Menteri Kesihatan, saya ingin bertanya adakah orang yang mati kerana tidak menghisap rokok? [Ketawa]

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, boleh jelaskan lagi?

Tuan Rahim bin Baba: Maksud saya, kerana Kementerian Kesihatan banyak hendak menghalang orang daripada menghisap rokok ataupun sebagainya adakah kes-kes berlakunya kematian kerana tidak menghisap rokok?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, tugas ataupun tanggungjawab Kementerian Kesihatan untuk menjaga kesihatan orang ramai ataupun individual bukan sahaja hanya berdasarkan kepada seseorang pesakit mati kerana sesuatu tetapi lebih mementingkan long term effect, dengan izin, secara jangka panjang. Jadi sebagaimana yang saya sebutkan. tadi, kalau mereka menghisap rokok dibandingkan dengan mereka yang tidak menghisap rokok, kemungkinan menghadapi penyakit-penyakit seperti lung cancer dan sebagainya mempunyai peratus yang lebih tinggi. Itulah untuk masa jangka panjang ada faedah untuk kita tidak merokok.

JABATAN KERJA RAYA - PENSWASTAAN

3. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Kerja Raya menyatakan. apakah Jabatan Kerja Raya (JKR) akan diswastakan dan bilakah ianya bermula dari bahagian. apakah sekarang ini telah dilaksanakan dan syarikat manakah yang telah ditubuhkan bagi pengendaliannya. Bilakah pula penjualan saham untuk projek swasta ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman- Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja- Raya telahpun membuat tinjauan, awalan antuk mengkaji kemungkinan sama ada Jabatan ini boleh. diperbadankan atau diswastakan. Setakat ini, Kementerian Kerja Raya belum ada apa-apa cadangan untuk menswastakan atau memperbadankan JKR.

BANK SIMPANAN NASIONAL JUMLAH WANG SIMPANAN MURID SEKOLAH

9. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sehingga sekarang berapa murid-murid di sekolah rendah dan menengah .yang menyimpan wang dalam bank-bank swasta serta Bank Simpanan. Nasional;
- (b) berapa jumlah simpanan untuk:
 - (i) murid-murid sekolah rendah;
 - (ii) murid-murid sekolah menengah; dan
- (c) adakah bilangan penyimpan yang terdiri daripada murid-murid bertambah selaras dengan penambahan jumlah murid-murid.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr Fong Chan Ong]: Tuan. Yang di-Pertua,

- (a) dan (b) bilangan murid-murid sekolah rendah dan menengah yang menyimpan wang dalam Bank Simpanan Nasional ialah seramai 86,482 orang. Jumlah wang simpanan murid-murid sekolah rendah dan menengah di Bank Simpanan Nasional pada tahun 1990 adalah \$6,200,000.

Kementerian Pendidikan tidak mempunyai maklumat tentang bilangan murid atau jumlah wang yang disimpan oleh murid-murid di bank-bank swasta.

- (c) Bilangan murid yang menyimpan wang di Bank Simpanan Nasional sejak tahun 1986 hingga kini telah menurun.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Kementerian Pendidikan, adakah Kementerian akan bercadang mengadakan satu program untuk menggalakkan lebih ramai murid-murid sekolah untuk berjimat-cermat dan meningkatkan bilangan menyimpan dalam bank?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan ada skim-skim khas untuk menggalakkan murid-murid atau pelajar-pelajar sekolah untuk menyimpan wang khususnya di Bank Simpanan Nasional. Tetapi hingga masa sekarang oleh kerana munculnya persaingan dari bank-bank swasta, kita nampak bilangan murid dan jumlah wang yang disimpan oleh murid-murid di Bank Simpanan Nasional telah menurun. Ini bukan kerana murid-murid tak simpan wang, tetapi kebanyakan mereka ditarik perhatian ke bank-bank swasta di mana mereka juga adakan skim-skim khas untuk menggalakkan pelajar-pelajar tertentu untuk menyimpan wang di sana.

Untuk makluman. Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1982 sebanyak 1,345 sekolah telah mengambil bahagian dalam skim khas untuk simpanan pelajar-pelajar di Bank Simpanan Nasional, tetapi atas persaingan yang dihadapi oleh Bank Simpanan Nasional tersebut, bilangan sekolah yang mengambil bahagian dalam skim galakan khas untuk Bank Simpanan Nasional telah menurun,. Sehingga pada tahun 1990 hanya 718 sekolah sahaja yang masih terlibat dalam skim tersebut..

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah program-program yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan lebih pelajar menyimpan wang?

Dr Fong Chan Onn Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pendidikan selalu menggalakkan pelajar-pelajar untuk menyimpan wang, bukan sahaja di Bank Simpanan Nasional tetapi juga di bank-bank swasta. Salah satu rancangan khas ialah melalui aktiviti-aktiviti koperatif sekolah-sekolah tersebut di mana kita galakkan pelajar-pelajar kutip wang melalui simpanan di koperatif tersebut dan koperatif juga menyimpan kutipan mereka sama ada di Bank Simpanan Nasional atau di bank-bank tertentu. Selain daripada itu juga, aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan juga dalam matapelajaran tertentu, guru-guru juga telah terangkan faedahnya pelajar-pelajar mereka menyimpan wang dalam sistem kewangan kita di mana mereka boleh mendapat faedah tertentu dan juga seterusnya menyambung usaha mereka kepada pembangunan nasional.

AIDS/HIV - KEBERKESANAN PROGRAM PENCEGAHAN

10. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) .sejauhmana perkembangan. penyakit AIDS dan Virus HIV buat masa ini; dan.
- (b) sejauhmana keberkesanan dalam beberapa langkah Kerajaan untuk mencegah wabak yang merbahaya ini merebak kepada orang ramai.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30.4.1992 ini sebanyak 47 kes AIDS dan 3,227 pembawa kuman AIDS telah dikenalpasti di negara ini.
- (b) Adalah sukar bagi Kerajaan untuk mengukur dengan cepat keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil melalui peraturan pengawasan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, tidak boleh dinafikan tahap kesedaran orang ramai terhadap bahaya penyakit AIDS ini adalah tinggi. Dalam hubungan ini, Kerajaan sedang menjalankan satu kajian pengetahuan, sikap dan tabiat (knowledge, attitude and behaviour) untuk mengukur keberkesanan program yang telah dijalankan,

Tuan Mustafa bin. Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.. Kalau kita kira kematian kerana penyakit AIDS ini mana lebih ramai dengan kematian bersabit jalan raya?

Tuan Yang di—Pertua: Ini soalan tambahankah?

Tuan Mustafa bin Awang : Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan penjelasan.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan. Yang di-Pertua, kematian jalan raya bukan dalam potfolio Kementerian saya. Boleh beritahu berapa ramai telah mati kerana.....

Tuan Mustafa bin Awang: Saya minta penjelasan daripada Menteri, bilangan yang mati kerana sakit AIDS ini dengan bilangan yang mati kerana kemalangan jalan raya, mana lebih ramai?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya tak ada bilangan orang mati kerana lalulintas. Jadi boleh minta bantuan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan..
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Lee Kim Sai: Pada keseluruhannya, orang mati kerana kemalangan (accident), mati sakit jantung dan. cancer adalah yang paling tinggi kalau dibandingkan bilangannya. Tetapi oleh kerana saya tidak ada angka (figure) orang mati kemalangan lalulintas, maka tidak dapat saya bandingkan, minta maaf.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Kalau boleh sentuh bilangan yang mati kerana penyakit AIDS berapa orang, jadi kita boleh bandinglah dengan yang mati akibat kemalangan jalan raya.

Tuan **Yang di-Pertua**: Tadi sudah sebutkan. Yang Berhormat:,
bilangan yang mati.....

Dato' Lee Kim Sai: Tidak, belum sebut bilangan yang mati.
kerana AIDS.

Tuan Yang di-Pertua : Oh, belum?

Dato' Lee Kim Sai: Bilangan yang mati kerana AIDS itu 34 dari
47 yang mengidap AIDS.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua,
dahulu zaman boleh dikatakan zaman bodoh, belum ada kemajuan negara
ini, tidak ada bunyi langsung pasal AIDS atau virus HIV, tetapi bila
negara kita sudah cukup maju sekarang, tiba-tiba datang AIDS datang
kuman virus HIV, siapa pembawanya? Kalau kita kenal kenapa kita
tidak membunuh pembawanya itu? [Ketawa]

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, siapa yang sebenarnya
pembawa. HIV atau AIDS itu barangkali susah dikesan, tetapi sebab-
sebab yang menyebabkan AIDS itu disebarkan bagi negara kita,- kes
AIDS dikesan hanya mulai pada tahun 1985 di mana penyakit itu
disebabkan diberi suntikan darah ataupun diberi ubat pengeluaran
darah - blood product, Jadi, itulah salah satu yang dikesan
daripada mereka yang boleh dikatakan pembawa AIDS itu daripada luar
negeri, tetapi pembawa AIDS itu boleh dikatakan dengan
berbagai-bagai cara, tetapi kuman yang boleh dijangkiti daripada
satu orang kepada satu orang berdasarkan kepada beberapa saluran;
melalui suntikan. darah, melalui intercourse yakni sexual activities
dan didapati baru-baru ini kalau ibu yang ada mempunyai kuman AIDS
itu kemungkinan menjangkiti kepada bayi yang akan dilahirkan.

Puan Hajah Zaleha binti Husain:Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah penerangan bahaya AIDS ini telah diperluaskan ke sekolah-sekolah dan juga ke pusat-pusat pengajian tinggi?

Yang kedua, adakah benar peratusan yang tinggi pengidap-pengidap AIDS ini adalah terdiri daripada penagih dadah?

Dato' Lee Kim Sai:Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi program Kementerian Kesihatan untuk menyebarkan information berkenaan AIDS itu kepada semua golongan ataupun kepada seluruh masyarakat khususnya kepada pelajar-pelajar dan kumpulan-kumpulan yang menjadi target. Jadi, betul, didapati 80% pembawa HIV daripada penagih dadah.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz :Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa AIDS ini, sumber orang mendapat AIDS ini ialah kerana mungkin dadah, iaitu menggunakan jarum yang sama iaitu jarum yang kotor; kedua, jangkitan hubungan jenis; dan ketiga jangkitan hubungan jenis sejenis, maknanya gay people. Jadi, baru-baru ini saya tengok dalam suratkhbar ada satu kumpulan wanita kononnya untuk membanteraskan AIDS telah sama-sama mengadakan satu projek menjahit selimut atau tags blanket. Saya ingin mengingatkan bahawa orang yang menjahit: selimut sebagai ingatan kepada orang yang mati kerana AIDS, itu adalah budaya yang datang daripada San Francisco. San Francisco ini semua gay, maknanya orang yang suka sama jenis; lelaki suka lelaki dan perempuan suka perempuan, Jadi, saya bimbang seolah-olah kalau kita menggalakkan wanita ini untuk mengadakan projek sebagai hendak membanteraskan AIDS dengan menjahit selimut, maka ini seolah-olah memberi isyarat bahawa kita membenarkan

hubungan jenis sejenis, seolah-olah kita memperingati orang yang mati AIDS ini daripada hubungan jenis sejenis ini diperingati oleh kita. Jadi, isyarat yang mungkin diberikan kepada orang ramai seolah-olah kita setuju hubungan jenis sejenis. Saya minta supaya kita berhati-hati dengan soal hendak membanteraskan AIDS ini.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalan?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, soalnya saya minta supaya Kerajaan jangan benarkan lagi projek seperti ini kerana ia memberikan isyarat. Jadi, soalan saya, apakah Kerajaan sedar?

Tuan Yang di-Pertua: Itu pandangan sahaja.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan pandangan, saya hendak tanya soalan, apakah Kerajaan sedar tentang perkara ini?

Dato' Lee Kim Sai: Pendirian Kementerian Kesihatan jelas tidak menggalakkan hubungan-hubungan seperti yang telah disebutkan sama ada sejenis ataupun hubungan seks yang tidak sihat dan sebagainya tetapi kerjasama daripada salah satu NGO yang disebutkan itu barangkali -mengikut pandangan atau fikiran itu, inilah cara yang boleh menolorig Kementerian Kesihatan mencegah AIDS daripada jangkitan di kalangan yang tertentu. Tetapi kalau cara yang disebutkan itu mungkin memberi satu signal yang tidak sihat ataupun salah faham, Kementerian akan memberi perhatian dan memberi nasihat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

LAPANGAN TERBANG SIBU - KELEWATAN PEMBINAAN

11. **Tuan Ding Seling [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan tentang langkah-langkah yang diambil untuk membantu kontraktor: pembinaan Lapangan Terbang Sibu yang baru bagi menyiapkan kerja mengikut jadual pada awal tahun depan; difahamkan bahawa pembinaan lapangan terbang itu kini agak jauh ketinggalan daripada jadual kerana menghadapi beberapa masalah.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua sehingga akhir April 1992, kerja-kerja pembinaan Lapangan Terbang Baru Sibu telah mencapai 28% siap. Walaupun projek ini mengalami kelewatan, usaha sedang dijalankan bagi mempercepatkan lagi pelaksanaan projek. Dalam hal ini, beberapa langkah tertentu telah diambil seperti mengarahkan kontraktor mengambil lebih ramai pekerja dan menambah lagi waktu bekerja atau working hour dengan izin dengan mengadakan syif kerja,

HOSPITAL BESAR KUANTAN - BANGUNAN GANTIAN

12. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Kesihatan menyatakan difahamkan timbulnya keraguan di kalangan penguasa Hospital Besar di negara kita memandangkan sebanyak 12 buah nukleus hospital baru yang mungkin akan siap dibina di beberapa daerah di seluruh negara dalam tahun 1993/1994. Keraguan tersebut: adalah mengenai pengisian keperluan kakitangan termasuk pengisiannya yang akan dihadapi oleh Hospital Besar Baru Kuantan. Blok Utama dijangka akan siap dibina dan bermula perkhidmatannya mungkin dalam 1993/94. Apakah jaminan yang boleh diberikan oleh Kementeriannya bahawa segala kesulitan yang akan dihadapi oleh Hospital Besar Kuantan dapat diatasi agar perkhidmatannya tidak terjejas sejajar dengan imej barunya.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang mengambil maklum akan projek menggantikan bangunan Hospital Besar Kuantan kepada bangunan baru 9 tingkat yang dijangka siap pada tahun 1993. Tindakan yang sewajarnya sedang diambil oleh Kementerian untuk mewujudkan jawatan-jawatan tambahan yang diperlukan bagi membolehkan hospital berkenaan berfungsi dengan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, seperti Yang Berhormat sedia maklum sebanyak 8 projek hospital baru bukan bangunan gantian dijangka siap dan mula beroperasi pada tahun 1993 nanti. Hospital-hospital baru ini sewajarnya diberi keutamaan. dari segi pewujudan dan pengisian jawatan kerana Kementerian menghadapi masalah kekurangan pengeluaran anggota Paramedik dan Profesional. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang berusaha dengan giatnya untuk mengatasi masalah ini melalui penambahan pengambilan bilangan pelatih dan pengambilan kakitangan secara kontrak.

**AMANAH SAHAM BUMIPUTERA - BANTUAN PERUNTUKAN KEPADA RAKYAT
TERMISKIN**

13. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai pinjaman Amanah Saham Bumiputera (ASB) di bawah skim bantuan pembangunan rakyat termiskin, bolehkah Menteri Kewangan menerangkan:-

- (a) berapa ramaikah golongan tersebut yang sudah dikenalpasti. Berapakah jumlah yang diperuntukkan serta berapa jumlah yang dicadangkan untuk diberikan kepada setiap orang; dan
- (b) bilakah skim tersebut akan dilaksanakan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini jumlah golongan termiskin yang dikenalpasti berjumlah 142,765 orang dan jumlah tersebut diambil dari Daftar Induk Program Pembangunan Rakyat Termiskin dan Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$500 juta untuk membantu rakyat termiskin melabur dalam skim Amanah Saham Bumiputera,

Peruntukan tersebut adalah dalam bentuk pinjaman tanpa faedah melalui Bank Negara Malaysia dan diuruskan oleh PNB, iaitu Permodalan Nasional Berhad. Setiap ketua keluarga yang layak akan diberi pinjaman sebanyak \$5,000.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Skim Pinjaman ASB di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin telah dilancarkan di semua negeri kecuali Wilayah Persekutuan. Bagi negeri-negari yang telah melancarkan Skim Pinjaman ASB (PPRT), borang pinjaman: sudah didedarkan kepada pemimjam-peminjam.

Tuan Ding Seling: Tuan Yaag di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan bilaagan orang miskin tadi, adakah merangkumi orang Penan yang berjumlah 10,000 orang?

Dato' Loke Yaen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti apa yaag disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat: itu termasuk dalam skim ini, tetapi mengikut syarat-syarat permohonan ini semua bumiputera termasuk Orang Asli, dan saya anggap kaum yang disebutkan oleh Ahli Yang. Berhormat itu termasuk dalam skim ini.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai dua soalan tambahan.

Pertamanya ialah di samping Kerajaan Pusat memperuntukkan S500 juta-untuk membantu rakyat termiskin membeli Amanah Saham Bumiputera, Kerajaan-kerajaaa Negeri juga mempunyai skim yang sama. Jadi apakah tidak berlaku pertindihan terhadap pemberian-pemberian ini?

Soalan saya yang kedua ialah tadi disebutkan bahawa 142,765 orang ini tidak termasuk penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan. Apakah tidak ada golongan miskin di Wilayah Persekutuan ini?

Dato' Loke Yuen Yow:Tuan Yang di-Pertua, skim-skim lain yang dilancarkan ataupun dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri mempunyai syarat-syarat masing-masing. Jadi, Kementerian atau kerajaan Pusat yakin bahawa skim-skim itu apabila dijalankan tidak akan memberi apa-apa masalah.

Mengenai Wilayah Persekutuan mengapa skim ini belum dilancarkan oleh Wilayah Persekutuan, ini adalah disebabkan oleh sebab-sebab yang tertentu.

Wilayah Persekutuan adalah sebagai satu tempat ataupun kawasan di mana skim ini. pada awalnya ataupun pada prinsipnya ialah untuk rakyat miskin yang kebanyakannya adalah di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, dari segi pentadbiran apabila menjalankan skim **ini**, Kerajaan menghadapi beberapa masalah, tetapi saya anggap bahawa masalah ini akan dapat diselesaikan dan akan dilancarkan secepat mungkin.

TV3 - PENERIMAAN SIARAN DI LABUAN

14. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah pihak Kementerian sedar bahawa penerimaan siaran TV3 di kawasan Labuan kurang jelas;
- (b) pihak RTM dalam penyiaran program-program siarannya kerap kali tidak menepati waktu yang telah ditetapkan dalam susunan rancangan, Salah satu contoh, Dunia Jam 10 yang sepatutnya disiarkan pada jam 10.00 selalunya dimulakan lama selepas jam 10,00; dan -

- (c) pihak RTM kerap kali. memberhentikan siaran untuk menayangkan iklan di. tengah-tengah ayat yang belum tamat dalam sesuatu dialog di mana menyebabkan "frustrasi" kepada penonton.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, TV3 adalah sebuah stesen televisyen swasta yang mempunyai dasar perniagaannya sendiri dan perancangan bagi penambahan liputan adalah tertakluk kepada dasar ini .

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat pihak TV3 sedang membuat kajian dan perancangan bagi memperbaiki dan memperluaskan liputan TV3 termasuk di kawasan Labuan.
- (b) Pihak RTM kadangkala mengubah masa siarannya setelah mengambil kira kepentingan para penonton. Di antara beberapa sebab perkara yang menyebabkan diubah masa .penyiaran adalah:
- (i.) program-program siaran langsung yang mengambil masa siaran melebihi dari anggaran.
- (ii) penyiaran rancangan-rancangan yaag tidak dijadualkan tetapi memberi manfaat kepada penonton, contoh berita kilat kebakaran Lapangan Terbang Subang.
- (c) Iklan .merupakan maklumat pada penonton dan di samping itu ianya adalah sumber pendapatan pada RTM. Pihak Kementerian akan mengkaji. dari masa ke semasa supaya iklan melalui televisyen akan disiarkan dengan penjejasan minimum bagi keselesaan para penonton.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat: masa untuk Jawab Mulut telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan akan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 53 akan dimasukkan dalam khabar bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) (N0.2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini di.bacakan kali yang kedua sekarang". (2hb Jun, 1992)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia menyambung ucapannya .

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat: sedia maklum, Rang Undang-undang Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 telah diwartakan pada 20hb Februari, 1992. Menteri Sumber Manusia berhasrat untuk menguatkuasakan beberapa peruntukan dalam Akta itu khususnya mengenai empat perkara yang saya sebut -semalam, mulai 1hb Januari, 1992 memandangkan ia akan memberi manfaat kepada pekerja-pekerja dan tanggungan mereka lebih awal lagi,

Di sini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak majikan dan pekerja atas sokongan yang telah diberi kepada Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memenuhi hasrat itu masalah perundangan telah timbul. Pindaan yang dicadangkan sekarang ini akan dapat mengatasi masalah perundangan yang telah ditimbulkan itu, Dengan lulusnya pindaan yang dicadangkan ini, peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan perkara-perkara yang ditimbulkan tadi dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 itu akan dapat dikuatkuasakan mulai 1hb Januari 1992.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat ini bukan sahaja memberi faedah kepada para pekerja dan tanggungan mereka, tetapi juga memperkukuhkan perhubungan tiga pihak dapat disemai iaitu Kerajaan, majikan dan pekerja.

Saya juga ingin menegaskan bahawa Kementerian Sumber Manusia sentiasa mengambil perhatian berat ke atas kehendak-kehendak kaum pekerja dan sedapat boleh cuba memenuhi harapan mereka selaras dengan konsep masyarakat penyayang.

Saya harap Rang Undang-undang ini akan mendapat sokongan penuh dari Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia **ini**. Sekian, terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]:Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan K. Munisamy.

3.39 ptg.

Tuan K. Munisamy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya berucap sedikit mengenai Rang Undang-undang bernama Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992.

Sebelum saya menyokong Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja itu, saya ingin memberi beberapa cadangan untuk memperbaiki lagi kebaikan-kabaiakan ataupun faedah-faedah yang sedang diberi oleh PERKESO kepada para pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan untuk memperbaiki faedah-faedah SOCSO kepada para pekerja ialah Skim Pencen Ilat, Invalidity Pension Benefit, dengan izin.

Skim Pencen Ilat ini adalah khas untuk pekerja-pekerja yang berkhidmat hingga mereka berumur 55 tahun. Semua pekerja-pekerja ini adalah menyumbangkan untuk PERKESO dan adalah wajar bagi SOCSO untuk memulangkan faedah-faedah yang bermakna.

Pada pendapat umum, tenaga buruh Malaysia adalah bahawa sesiapa yaag berada di dalam perkhidmatan yang berumur 55 tahun, Tuan Yang di-Pertua, barulah dibesarkan untuk menyumbangkan untuk PERKESO bagi keselamatan seperti yang dicadangkan oleh KWSP.

Ramai buruh dari sektor-sektor Ladang dan industri telah memberi pendapat bahawa sebagai permulaan, kelayakan bagi Invalidity Peasion Benefit, dengan izin, perlulah dilanjutkan untuk lima tahun lagi, selepas persaraan mereka pada umur 50 tahun.

Misalnya, apabila seorang pekerja telah memenuhi semua syarat-syarat: Lain dan bersara pada umur 55 tahun, pada umur 60 tahun, jika beliau masih hidup, tetapi sedang mengalami masalah kesihatan yang rumit tanpa sebarang pendapat, beliau hendaklah dibenarkan layak memohon untuk Skim Pencen Ilat.

Tuan Yang di-Pertua, sebilangan besar para pekerja Malaysia yang lain juga telah memberi cadangan bahawa faedah-faedah kematian perlu d-lanjutkan kepada semua para pesara selepas umur 55 tahun yang telah menyumbang untuk PERKESO, ianya apabila seorang pekerja telah bersara daripada perkhidmatan beliau pada umur 55 tahun dan apabila beliau meninggal dunia, warisnya hendak layak memohon untuk perbelanjaan pengkebumian faedah kematian.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan yang tersebut di atas akan membantu mengatasi kekurangan buruh dalam sektor Ladang. Ini adalah kerana pada masa ini lebih ramai pekerja Ladang-ladang, pekerja di bawah kontrak dan sebagai buruh biasa selepas persaraan mereka pada umur 55 tahun. Pada masa ini apabila seorang pekerja tidak mengeluarkan sumbangan KWSP, tetapi masih meneruskan bekerja selepas 55 tahun, beliau masih perlu menyumbangkan untuk KWSP. Demikian juga SOCSO perlu membenarkan seorang pekerja menyumbang untuk SOCSO sehingga masih dalam perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini beliau dan warisnya diberi perlindungan oleh faedah-faedah PERKESO. Faedah-faedah PERKESO yang telah dibaiki ini akan menarik lebih ramai pekerja-pekerja yang telah bersara untuk terus bekerja di sektor ladang untuk mengatasi kekurangan pekerja.

Tuan. Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan)(No.2) 1992.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad.
3.44 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, bagi membahaskan Rang (Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992, maka suka saya memperkatakan beberapa perkara.

Sebagai sebuah pertubuhan yang bertanggungjawab mengenai skim bencana kerja dan skim pencen ilat, sudah tentu mendapat maklumat terperinci tentang pekerja-pekerja di sernua majikan. Namun begitu, ada majikan-majikan yang cuba mengelakkan daripada melaporkan pekerja-pekerja mereka. Di sini saya ingin mendapat maklumat bilangan majikan yang berdaftar dengan PERKESO bagi tahun 1991 dan bilangan pekerjanya dan berapakah banyak caruman yang dipungut daripada kedua-dua skim itu. Apakah masih terdapat majikan yang enggan mematuhi arahan itu dan apakah tindakan bagi majikan yang engkar, yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan? Bagaimanakah seseorang ahli yang meninggal pihak PERKESO mendapat maklumat? Soalan ini diajukan kerana - ada rungutan-rungutan mengenai faedah pengkebumian, yakni bagi ahli-ahli yang meninggal, ahli itu berhak mendapat faedah daripada skim itu tetapi lambat diterima oleh warisnya. Berapakah banyak kes-kes kemalangan yang belum dapat diselesaikan dan sebab-sebabnya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping pindaan Akta PERKESO yang baru bagi membolehkan faedah-faedah yang lebih baik kepada ahli-ahli, apakah PERKESO juga akan membekalkan lagi alat-alat ataupun kemudahan-kemudahan lain kepada ahli-ahli yang lemah, maksud saya yang terlantar. Penguatkuasaan Akta ini bermula daripada tahun 1992. Ini bermakna banyak kes-kes yang terlibat: dan kemungkinan kos pun terlibat. Jadi, dengan sebab itu apakah Kerajaan tidak terlibat sama dengan kos yang ahli-ahlinya terlibat daripada bulan Januari 1992?

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil terhadap majikan-majikan haram yang terdapat dalam negara kita sekarang ini yang tidak berdaftar dengan PERKESO? Begitu juga bagaimanakah kedudukan pekerja-pekerja daripada Jabatan-jabatan lain. Misal kata Jabatan RELA, iaitu pegawai luarnya ataupun Jabatan KEMAS iaitu terdiri daripada Penyelia-penyelia dan Pemaju Masyarakat. Begitu juga Jabatan Penerangan, Pegawai Penerangan Luar, mereka tidak termasuk dalam golongan skim pencen. Bahkan mereka ini tidak ada kemudahan-kemudahan lain sepertimana pekerja-pekerja kilang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang ini, itulah sahaja yang saya hendak ketahui, dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua.: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

3.48 ptg.

Tuan C. Krishnan Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap syabas kepada Kementerian Sumber Manusia kerana Kementerian ini dapat membolehkan beberapa peruntukan Akta dikuatkuasakan mulai daripada 1hb Januari, 1992.

Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin memaklumkan kepada pegawai-pegawai di Kementerian Sumber Manusia supaya mengambil perhatian terhadap kemalangan-kemalangan perusahaan yang berlaku di dalam industri kita ini. Saya difahamkan dua hingga tiga orang mati tiap-tiap hari di dalam kemalangan perusahaan di dalam negara kita ataupun menghadapi cedera di dalam kemalangan-kemalangan itu. Oleh sebab itu, Kementerian Sumber Manusia harus mengambil tindakan-tindakan terhadap pencegahan di dalam industri kita. Kita sedia maklum satu malapetaka telah berlaku di Bright Sparklers di Sungai Buluh di mana beberapa orang telah terkorban di dalam satu kemalangan perusahaan baru-baru ini di Sungai Buluh.

Saya tidak mahu perkara-perkara ini berlaku di dalam negara kita. Kita sedia maklum, SOCSO telahpun ditubuhkan pada tahun 1969, sudah hampir 23 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka kemalangan perusahaan ini mengelirukan. Pada tahun 1989, kemalangan perusahaan ialah sebanyak 107,479. Mungkin saya tidak tahu angka-angka pada tahun 1990 dan 1991. Ini akan berubah lagi, mungkin meningkat lagi. Oleh sebab itu, saya menyeru kepada Timbalan, Menteri supaya pegawai-pegawai di dalam Kementerian. ambil tindakan-tindakan untuk mencegah kemalangan-kemalangan perusahaan berlaku.

Saya difahamkan di industri-industri elektronik ada beberapa pekerja-pekerja menjadi pekak ataupun separuh buta kerana ini adalah satu teknologi baru, Oleh sebab itu, bermaknanya SOCSO ini diberikan kepada orang yang sudah mati Sebelum breadwinner dengan izin, menjadi beban. di dalam satu-satu kemalangan, Kementerian. harus ambil tindakan untuk mencegah. Saya sungguh-sungguh berharap dan merayu kepada Kementerian supaya menitikberatkan mengenai pencegahan kemalangan perusahaan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham, kalau boleh saya minta Timbalan Menteri memberi penjelasan mengenai SOCSO yang dibayar kepada sektor awam. Saya kurang faham kalau tidak saya rnerayu kepada Kementerian Sumber Manusia, pekerja-pekerja di sektor ayam pun dapat faedah-faedah daripada SOCSO. Kalau tidak, saya harap Kementerian ini akan ambil perhatian tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pampasan ataupun pemberian SOCSO itu mengambil masa lebih kurang 3 hingga 6 bulan. Ada kes-kes yang lebih dari itu. Kalau boleh SOCSO ini mempercepatkan pembayarannya. Kita sedia maklum apabila seseorang jadi mangsa di dalam kemalangan, ia perlukan bantuan kewangan dan saya minta SOCSO itu kalau boleh mempercepatkannya. Macam di Bright Sparklers itu, beberapa agensi-agensi. Kerajaan telahpun ambil tindakan. cepat tetapi SOCSO itu, saya difahamkan sama ada benar atau tidak, ambil lebih kurang satu tahun untuk menjelaskan bayaran-bayaran SOCSO. Kalau boleh, kalau ini benar, saya harap di dalam kes-kes yang lain, Kementerian ini ambil kira tentang pembayaran ini supaya dibayar dengan secepat mungkin kepada mereka ataupun pekerja-pekerja yang mengalami kemalangan ini.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992. Terima kasih.

Tuan Yang di—Pertua:Yang Berhormat Ding Seling.

3.54 ptg.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No.2)1992.

Dalam menyokong Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Rang Undang-undang ini merangkumi pekerja-pekerja dalam pembalakan. Kalau tidak ataupun kalau belum dirangkumi, kalau Rang Undang-undang ini belum diextendedkan, dengan

izin., kepada pekerja-pekerja dalam pembalakan, saya ingin menyeru Kementerian berkenaan untuk mengambil langkah untuk menentukan mereka itu dirangkumi juga-di. bawah Rang, Undang-undang ini.

Saya menyatakan demikian, Tuan Yang di-Petua; kerana saya sendiri telah melihat beberapa kes accident ataupun kemalangan dalam aktiviti pembalakan di mana orang-orang yang terkena. kemalangan itu, telah mati begitu: sahaja- dan pernah. juga saya sebagai seorang. Individu bertanya dengan keluarga. yang berkenaan, tidak ada apa-apa lindungan bagi mereka selepas itu. Maksud saya, selepas simati itu meninggal, maka mati begitu. sahajalah, tidak ada apa-apa pampasan daripada mana-mana pihak pun-.

Mungkin Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu Keadaan dimana di tempat-tempat pedalaman, di situ tidak ada orang tahu menahu mengenai wujudnya Rang Undang-undang seperti ini ataupun oleh kerana keadaan di situ tidak ada yang mendedahkan pihak majikan ataupun di sebaliknya pihak pekerja.

Pada amnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh rang Undang-undang ini kerana saya rasa inilah satu-satunya. yang menunjukkan Kerajaan kita mengambil berat tentang pekerja-pekerja yang menghadapi beberapa risiko yang begitu berat dalam tugas-tugas mereka setiap hari dan juga inilah satu-satunya yang membuktikan bahawa Kerajaan kita adalah bersifat penyayang terhadap mereka yang menjadi nadi kepada aktiviti-aktiviti pembalakan ataupun tugas-tugas yang lain dalam negara kita.

Dengan itu," Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua:. Yang Berhormat Puan Hajah Che Pora.

3.58: **ptg.,**

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Terima, kasih, Tuan Yang diPertua. kerana diberi peluang untuk sama-sama menyokong Usul. pindaan Rang- Undang-undang Pembangunan Sumber. Manusia'.

Cuma. saya- ingin menarik. perhatian Kementerian yang berkenaan, adakah pihak Kementerian sedar penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan, oleh pihak majikan terutamanya kilang-kilang yang tidak mendaftarkan. pekerja-pekerjanya dengan SOCSO ataupun PERKESO.

Satu lagi. saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri. Iaitu berkenaan dengan penyelewengan yang berlaku di kilang-kilang di Kedah yang, diumumkan dalam suratkhbar baru-baru. ini berkenaan dengan. pihak majikan tidak mencarumkan wang-wang pekerja kepada KWSP. Adakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian ataupun adakah tindakan yang sewajarnya akan diambil ataupun sudah diambil?

Satu perkara lagi, yang ingin saya menarik perhatian ialah adakah pihak Kementerian membuat satu usaha. untuk memberi maklumat ataupun penerangan kepada pekerja-pekerja supaya mereka tahu apa yang menjadi hak mereka sendiri. Apa, yang patut mereka buat untuk diri mereka sendiri yang mana pihak Kementerian ataupun pihak Kerajaan menyediakan perlindungan-perlindungan dan berbagai skim untuk kebaikan pekerja kerana dari apa yang saya tahu, ada satu kilang di Sungai Petani yang tidak membuat sumbangan KWSP pekerjanya selama 4 tahun tetapi pihak-pihak pekerjanya tidak menyedari hal ini.

Kilang ini ialah QCB di Sungai Petani. Ini satu contoh, yang saya dapat secara langsung daripada seorang pekerjanya. Tetapi, saya difahamkan pihak-pihak pekerja tidak memahami yang mereka ini ada mempunyai potongan-potongan KWSP dan sepatutnya, mempunyai surat keahliannya. Jadi, saya harap pihak Kementerian mengambil langkah untuk memberi penerangan-penerangan kepada pihak pekerja supaya pihak majikan tidak dapat menipu atau menyeleweng kerana mereka sedar apa yang patut dibuat.

Selain daripada itu, Tuan, Yang di-Pertua, saya menyokong Usul ini dengan harapan pihak pekerja akan dapat menikmati keadaan yang lebih baik untuk mereka.

Sekian, terima, kasih..

Tuan Yang di-Pertua :Dijemput Yang. Berhormat Timbalan Menteri menjawab.,

4.01 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam] :Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini, iaitu Ahli Yang Berhormat Senator Tuan

Munisamy a/l. Kuppan, Senator Tuan. Saidin bin Mohamad,. Senator Tuan C. Krishnan,. Senator Tuan Ding Seling dan. Senator Puan Hajah Che-Pora binti Haji Omar

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Munisamy a/l Kuppan mengenai. sama, ada pekerja yang bekerja: selepas mencapai umur 55 tahun masih mendapat perlindungan di bawah Akta- Keselamatan Sosial. Pekerja, 1969 — Senator berkenaan. sekarang tidak ada di situ. Akta Keselamatan , Sosial Pekerja, Tahun 1969 memperuntukkan dua skim insurans sosia itu iaitu:

- (1.) Skim Insurans Bencana Pekerjaan untuk melindungi orang orang berinsurans terhadap kejadian-kejadian luar jangka kemalangan- perusahaan dan penyakit dan. pekhidmat;
- (2) Skim Pencen Ilat untuk melindungi orang-orang berinsurans, terhadap kejadian-kejadian luar jangka ilat dan kematian akibat dari sebarang sebab.

Di. bawah Skim Pencen Ilat, perlindungan diberi sehingga pekerja itu mencapai umur 55 tahun sahaja. Walau bagaimanapun, tidak ada had umur sedemikian di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan. Oleh itu,. pekerja-pekerja yang bekerja. dalam perusahaan yang layak di-**liputi** di bawah Akta itu selepas mencapai umur 55 tahun masih mendapat perlindungan di bawah Akta Skim Insurans Bencana Pekerjaan **itu.**

Menjawab merigenai soalan- daripada Yang Berhormat Tuan Munisamy a/l Kuppan juga. sama ada caruman yang telah dibayar untuk seorang pekerja itu dikembalikan kepada pekerja-pekerja itu jika tidak ada

apa-apa. tuntutan.dibuat sehingga mencapai umur. 55 tahun..

Tuan. Yang di-Pertua Skim-skim Keselamatan Sosial di. bawah Akta. Keselamatan. Sosial Pekerja, 1969 adalah berasaskan. prinsip- insurans sosial. Di bawah prinsip ini jika tidak ada apa-apa kejadian luar jangka berlaku kepada. pekerja itu, caruman yang telah dibayar untuk-nya tidak akan dikembalikan kepadanya-

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,. kebanyakan pendapatan-PERKESO datang dari caruman yang dipungut daripada majikan dan-pekerja dan, pulangan pelaburan. Pendapatan ini dimasukkan dalam Kumpulan Wang PERKESO jika Kumpulan Wang PERKESO itu dapat memperbaiki lagi faedah-faedah yang sedia ada dan memperkenalkan-faedah—faedah baru, tanpa apa-apa kenaikan kepada kadar caruman yang sedia ada, atau jika perlu dinaikkan, sedikit sahaja.

Menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad mengenai sama. ada faedah pengurusan mayat dibayar kepada pekerja, Tuan Yang di-Pertua, di bawah. Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969, faedah pengurusan mayat sebanyak \$1,000 dibayar bagi perbelanjaan mengebumikan orang berinsurans yang mati dalam keadaan-keadaan berikut:

- (1) dalam masa orang berinsurans menerima faedah kehilangan upaya, tanpa mengira umurnya;
- (2) akibat bencana bekerja tanpa mengira umurnya;
- (3) dalam masa orang. berinsurans menerima pencen ilat tanpa mengira umurnya; dan,
- (4) semasa orang berinsurans belum mencapai umur 55 tahun.

tetapi telah memenuhi syarat kelayakan caruman bagi tempoh kelayakan penuh atau tempoh kelayakan yang dikurangkan. Ini bermakna jika kematian itu berlaku dalam masa orang berinsurans; itu menerima faedah hilang upaya atau akibat bencana bekerja itu semasa menerima pencen ilat, faedah-pengurusan-mayat: akan dibayar walaupun kematian itu berlaku; selepas borang; berinsurans itu. mencapai umur 55 tahun.

Menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad dan Puan, Hajah Che Pora binti Haji Omar mengenai majikan tidak mencarum dan tidak ada, atau publisiti-publisiti yang kurang. Saya ingin menjawab, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa selalu dibuat siasatan pintu ke pintu menunjukkan majikan yang tidak mencarum adalah kurang, dari pada 10% jumlah yang dilawati. Hukuman adalah cukup. Dasar Kerajaan supaya pekerja awam tidak diliputi publisiti dibuat dari semasa melalui radio iaitu radio, TV dan akhbar dan jemputan- jemputan yang diberi oleh Kementerian saya.

Menjawab soalan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan adakah liputan PERKESO untuk pekerja sektor awam. - Tuan Yang di-Pertua, ini boleh dipertimbangkan, Walau bagaimanapun, pekerja-pekerja dalam badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan yang tidak diliputi oleh Akta Pencen adalah diliputi oleh Akta PERKESO sehingga ke masa ini.

Menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Ding Seling, adakah pembalakan, Akta ini yang "extended" di tempat mereka bekerja. Tuan

Yang di-Pertua, ada peruntukan di dalam Akta ini. Seorang yang bekerja di mana-mana tempat yang mendapat gaji kurang daripada \$2,000 diliputi. dengan undang; Akta. PERKESO ini.

Tuan. Yang di-Pertua akhirnya saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang, Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam- perbahasan mengenai Kementerian saya sebentar tadi. Suka saya memaklumkan: bahawai perkara-perkara: yang berbangkit dan tidak dapat. saya jawab. dalam Dewan yang. mulia. ini akan diambil perhatian. dan serius oleh Kementerian Sumber Manusia.

Sekian, terima kasih

Tuan Yang di-Pertua:. Ahli-ahli Yang. Berhormat, masalah di hadapan- Majlis ialah suatu. Akta untuk meminda. Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas..

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tiada ahli yang hendak. berucap, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang. Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada. Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga.**

4.10 ptg,

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Pembangunan Sumber Manusia- 1992 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sedang mengalami perubahan-struktur ekonomi dan dengan cepat memasuki era perindustrian yang pesat. Proses perubahan ini yang berterusan ke tahun-tahun 90an akan meningkatkan permintaan terhadap kemahiran teknikal peringkat tinggi keupayaan pengurusan dan keusahawannya, serta peningkatan tahap pembangunan teknologi dan penggunaan modal. Di samping itu, prospek ekonomi Malaysia menampakkan perkembangan yang menggalakkan pada masa depan. Kadar pertumbuhan ekonomi negara mencapai 8.8% dalam tahun 1991 iaitu satu pencapaian yang memberangsangkan di jangka dapat dikekalkan pada tahun ini kerana Keluaran Dalam Negara Kasar sebenar diramalkan mencapai pertambahan sebanyak 8.7%. Dalam pertumbuhan ekonomi yang pesat ini, Kerajaan sedar bahawa sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK di jangka bertambah daripada 27% pada tahun 1990 kepada 37% menjelang tahun 2000, menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berorientasikan industri dan semakin bergantung kepada eksport barangan pembuatan bagi pertumbuhan pendapatan dan gunatenaga.

Oleh itu, sepanjang, dekadⁱ 90an, Kerajaan yakin pengurusan pembangunan sumber manusia, akan menjadi lebih penting. Daya bersalng daya pengeluaran, daya cipta, dan, keupayaan dalam pengurusan teknologi baru, akan ditentukan oleh kualiti sumber manusia. Maka, untuk menyokong dan inenggalakkan proses pembangunan ini Malaysia, perlu mewujudkan tenaga kerja berdisiplin, yang, dilengkapi, dengan, asasi kemahiran, tinggi- dalam bidang, kemahiran, perindustrian moden serta mempunyai budaya dan etika kerja positif. Hanya dengan ciri-ciri ini, tenaga kerja kita dapat membolehkan Malaysia sentiasa, berada, di hadapan dan mengekalkan, daya saingannya dan, dapat mencapai matlamat untuk menjadi negara maju sepenuhnya, menjelang tahun 2020,.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat ini, Kementerian Sumber Manusia memang sedar bahawa ia mempunyai tanggungjawab yang agak berat untuk memberi, panduan dalam pembangunan sumber manusia.. Maka dengan ini, Kementerian Sumber Manusia setelah memperbandingkan pendekatan-pendekatan yang diamalkan di negara-negara seperti Taiwan, Korea Selatan, Jepun, Jerman, Brazil dan Singapura telah merumuskan bahawa pendekatan yang paling sesuai dalam pembangunan sumber manusia adalah dengan, menubuhkan sebuah tabung, yang digelar—kan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia yang akan dikendalikan bersama oleh sektor swasta dan, awam. . Ini juga adalah, selaras dengan pensyarikatan Malaysia yang diamalkan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang yang dicadangkan ini terdiri terutamanya dari bayaran levi oleh majikan sebanyak, 1% dari jumlah bayaran gaji dan elaun, tetap bulanan dan aktiviti utamanya adalah

pembiayaan program- latihan kepada perusahaan perniagaan yang membuat sumbangan terhadap Kumpulan Wang..

Penubuhan Kumpulan. Wang ini juga membantu. proses pemindahan. teknologi dan memberi jaminan kepada pekerja-pekerja. dari segi dengan izin, job security and job flexibility, dalam. menghadapi, proses, per—ubahan. dalam job configuration, dengan izin, akibat perubahan tekno—logi. Melalui pendekatan tersebut akan melahirkan pekerja-pekerja yang lebih fleksibel dari segi keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan teknologi baru, walaupun dalam keadaan ekonomi. yang berubah-ubah. Melalui usaha-usaha latihan ini adalah diharapkan bukan sahaja- masalah kekurangan tenaga kerja mahir di pasaran buruh akan dapat diatasi, tetapi juga mengurangkan amalan " memancing" atau job pinching, dengati izin, tenaga kerja mahir di antara perusahaan perniagaan di sektor swasta lebih-lebih lagi dalam keadaan pasaran buruh yang ketat. Dalam jangka panjang pula, adalah diharapkan penubuhan Kumpulan Wang ini akan juga dapat mengembangkan satu budaya latihan di antara, perusahaan-perusahaan. perniagaan di sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konsep baru yang dicadangkan, sektor swasta akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam memikul tanggungjawab untuk melatih dan, meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mahir. Di samping itu Kerajaan juga akan terus memberi keutamaan kepada pembangunan sumber manusia dalam merperuntukkan belanjawan bagi maksud ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpendapat sudahlah sampai masanya bagi sektor swasta. memainkan peranan yang sama penting dalam melatih pekerja-pekerja dalam bidang yang diperlukan oleh mereka, Sektor swasta perlu meningkatkan, usaha latihan sendiri untuk menampung sistem latihan di institusi-

institusi, latihan awam yang hanya mampu memberi latihan yang broad-based, dengan izin, dan, tidak, secara khusus- mengikut: keperluan- sesebuah perusahaan perniagaan selaras dengan. tahap. teknologi. yang digunakan. Penubuhan Kumpulan. Wang di- mana sebahagian. daripadanya terdiri dari sumbangan, mereka. sendiri. akan mewujudkan keadaan. yang kompetitif:, di kalangan. perusahaan perniagaan untuk melaksanakan program-program; latihan supaya: tidak kehilangan. peluang untuk menggunakan wang. dari Kumpulan Wang. ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang yang dicadangkan akan menggantikan. Skim, Potongan. Dua, Kali. bagi Latihan. yang diluluskan dan telah dirangkakan supaya pemakaiannya adalah lebih luas. Di peringkat permulaan Akta. ini akan meliputi semua. perusahaan perniagaan di sektor perkilangan: yang mempunyai 50 pekerja ke atas- yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat,. 1965 ataupun di bawah Akta Perkongsian 1961. Manakala Skim Potongan Dua Kali bagi latihan yang diluluskan dikekalkan bagi perusahaan perniagaan yang, mempunyai kurang dari 50 pekerja. Ini adalah kerana sektor perkilangan kini merupakan sektor utama dan mengalami perkembangan dan perusahaan teknologi yang pesat. Pemakaian Akta ini akan diperluaskan untuk meliputi Lain-lain sektor ekonomi apabila didapati perlu melalui proses rundingan. dan. perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan penjelasan yang diberikan oleh saya setakat ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memahami falsafah- dan konsep .dalam penubuhan-Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Dengan ini saya akan meneruskan ucapan saya untuk memberi penjelasan, mengenai kandungan Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia, 1992. Rang Undang-undang yang dimaksudkan ini mengandungi 8 Bahagian.

Bahagian I menerangkan- antara lain pemakaian dan penguatkuasaan Akta, dan Bahagian II pula adalah berkaitan dengan Levi. Pembangunan Sumber Manusia. sebanyak 12- dari jumlah upah bulan pekerja yang akan dikenakan ke atas setiap majikan yang, diliputi oleh Akta, berkenaan Menteri Sumber Manusia. adalah, juga diberi. kuasa: mengubah kadar ini dari masa. ke semasa apabila- difikirkan perlu.

Bahagian III, menerangkan. syarat-syarat kelayakan menerima bantuan dari Kumpulan Wang. Apabila sesebuah perusahaan perniagaan- menjalankan latihan yang diluluskan oleh Majlis, sebahagian besar perbelanjaan yang. terlibat boleh dituntut dari Kumpulan Wang mengikut kadar-kadar yang akan ditetapkan- oleh Majlis. Salah satu daripada syarat kelayakan menerima bantuan daripada. Kumpulan. Wang tersebut. ialah. majikan hanya layak menerima bantuan setelah membuat bayaran selama 6 bulan berturut-turut kepada. Kumpulan Wang serta tidak mempunyai tunggakan bayaran yang belum dijelaskan.

Bahagian IV adalah berkaitan dengan penubuhan dan penggunaan Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber Manusia. Aktiviti utamanya yang akan diberi tumpuan adalah untuk menggalak, membangun dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja melalui program-program latihan oleh perusahaan perniagaan yang membuat sumbangan terhadap Kumpulan Wang. Tumpuan Latihan adalah bagi kategori pekerjaan yang menghadapi kekurangan bekalan dan kemahiran baru yang diperlukan oleh sesebuah perusahaan perniagaan. Kumpulan Wang ini akan juga

meliputi jenis-jenis, latihan semula dan latihan. untuk, mempertingkatkan kemahiran. pekerja akibat dari proses- perubahan: teknologi atau untuk mempertingkatkan produktiviti pekerja.

Tuan Yang di-Pertua Bahagian V pula adalah, berkaitan dengan pembentukan Majlis Pembangunan Sumber Manusia iaitu suatu pertubuhan perbadanan yang menjadi Pemegang. Amanah Kumpulan Wang

Majlis akan berfungsi untuk:

- (i) menilai, dan menentukan, bentuk. serta kandungan. latihan dan latihan semula. mengikut keperluan industri;
- (ii) memaju dan menggalakkan Latihan. Sumber Manusia melalui Kumpulan Wang;
- (iii) -menentu. dan menasihatkan Menteri mengenai syarat—syarat penggunaan- Kumpulan Wang .

Untuk tujuan melaksanakan fungsinya, Majlis diberi kuasa untuk:

- (i) mengutip apa-apa wang. yang harus diterima oleh Kumpulan Wang;
- (ii) menimbang- serta melulus- atau . menolak permohonan untuk membiayal latihan dari majikan;
- (iii) menetapkan dan meluluskan jumlah serta syarat-syarat bantuan kepada majikan untuk tujuan latihan;
- (iv) menentukan jadual dan syarat pengeluaran wang kepada majikan
- (v) menentukan tempat serta institusi latihan;
- (vi) meminda jumlah atau syarat bantuan;

- (vii): mengurus. atau menubuhkan kemudahan. latihan
- (viit) mengurus, mengawal serta mengawasi. pelaksanaan program-program latihan; dan
- (ix) menggalak dan melibatkah diri dalam usaha. latihan secara sendirian atau bersama pihak. majikan.

Tuan: Yang- di-Pertua.,. Majlis akan dianggotai, oleh 14 orang Ahli yang, dilantik oleh Menteri. Seramai 8 orang. mewakili pihak majikan dan 4 orang mewakili pihak Kerajaan, sementara 2 orang. lagi dari mana-mana pihak yang difikirkan perlu. Ini adalah selaras dengan permintaan. sektor swasta, untuk. memperolehi perwakilan majoriti dalam Majlis. .Seorang Pengerusi Majlis akan dilantik oleh Menteri dari kalangan. wakil-wakil pihak swasta, juga mengikut permintaan sektor swasta. Pendekatan- ini adalah selaras dengan hasrat. sektor swasta agar satu Private-sector Driven Council, dengan izin, ditubuhkan.

Bahagian VI Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia rnenerangkan. prosedur pelantikan agen pelaksanaan bagi menjalankan kewajipan-kewajipan Majlis di mana perlu, yang bertujuan untuk mengelakkan kelewatan dalam mana-mana urusan Majlis yang berpunca dari kerenah pentadbiran. Sebagai contoh, agen pelaksanaan ini boleh diberi tugas untuk memproses dan meluluskan permohonan-permohonan untuk pembiayaan latihan. Bahagian ini juga mengandungi peruntukan-peruntukan yang sewajarnya bagi melindungi wang tabung

disalahgunakan: oleh. agen pelaksanaan dan menetapkan penalti bagi kes-kes penyalahgunaan.

Bahagian VII pula: menentukan. peruntukan Akta Badan Berkanun- (Akaun dan Laporan. Tahunan) 1980 terpakai berkaitan dengan urusan- akaun dan audit: Majlis, manakala Bahagian VIII mengandungi peruntukan—peruntukan am berkaitan dengan kesalahan-kesalahan oleh Pertubuhan- Perbadanan, kuasa Menteri untuk membuat peraturan arahan dan prosedur rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membuktikan komitmen Kerajaan dalam membantu sektor swasta melatih dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerjanya-serta menjayakan pelaksanaan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber- Manusia ini, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menyumbang dalam, bentuk- geran penyama. atas nisbah 1:1 berdasarkan, kiraan bagi satu tahun sahaja iaitu kira-kira \$48.9- juta. Sumbangan, ini akan diagihkan kepada 3 tahun iaitu sebanyak \$16.3 juta setahun akan diberikan kepada Majlis bagi tempoh 3 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan persaingan antarabangsa yang hebat, daya hidup dan kemajuan berterusan, industri-industri bergantung. kepada kemampuan untuk melaksanakan penyesuaian struktur dan perubahan teknologi. Dalam mencapai keadaan tersebut, usaha mempertingkatkan kemahiran dan latihan semula pekerja sektor swasta melalui latihan merupakan usaha yang kritikal untuk melahirkan

tenaga. pekerja. yang tinggi. tahap kemahirannya, serta- fizikal dari segi keupayaan untuk. mempertingkatkan produktiviti yang tinggi dan menghadapi perubahan. teknologi. dan ekonomi yang berubah-ubah. Penubuhan Kumpulan Wang dan Majlis Pembangunan Sumber: Manusia yang dicadangkan merupai jentera untuk melaksanakan Skim Intensif Latihan untuk mencapai matlamat: tersebut. dan. juga mencapai matlamat untuk menjadikan negara Malaysia sebuah, negara perindustrian yang maju. menjelang- tahun 2020

Tuan Yang. di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang diPertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penganan dan pemungutan Levi pembangunan sumber manusia bagi maksud menggalakkan latihan pekerja, penubuhan Majlis Pembangunan Sumber Manusia. dan Kumpulan Wang, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhonnat Tuan Haji Mohamed Nazri.

4.29 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia yang telah membawa rang undang-undang berkenaan dengan soal sumber manusia ini. Dan memang sebenarnya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri

sebentar tadi memang; kena. pada; masa dan ketikanya untuk kita mengadakan satu, Akta. yang sedemikian rupa,. Cuma saya memberi pandangan. sedikit dua tiga- perkara yang mana kalau boleh diambil kira di - masa-masa yang akan datang, kalau tidak sempat sekarang.

Yang; pertama berkenaan Jadual I,. syarikat yang dimaksudkan ialah syarikat yang mempunyai, pekerja 50 atau lebih. Betul Yang Berhormat ya?

Dato' M. Mahalingam: Ya.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi pada pandangan saya oleh. kerana kita hendak melindungi pekerja-pekerja dan memang tidak boleh dinafikan bahawa; kadangkala majikan ini menggunakan berbagai taktik tetapi sah daripada segi undang-undang untuk mengelak daripada menyertai skim seperti ini

Kepada saya. kalau maknanya sesetengah majikan .boleh tidak. bayar SOCSO, boleh tidak bayar KWSP, sudah tentu juga dia akan memi—kirkan cara untuk. mengelakkan diri daripada terbabit dalam skim ini. Sebagai contoh, kalau. disyaratkan kepada. syarikat yang mem—punyai pekerja 50, mungkin. syarikat saya ambil 49 orang sahaja. Ini bermakna saya. terlepas, walhal syarikat yang, 49 orang itu juga boleh membuat kerja yang sama dengan. syarikat yang: mempunyai pekerja- 50 orang, tetapi untuk mengelak saya daripada. mengambil bahagian dalam- skim- ini kerana tidak mahu kena, levi 1% maka saya ambil. 49 orang. Jadi,. kerana satu orang. sahaja saya terlepas. sebab saya punyai pekerja: 49 orang. Jadi, pekerja-pekerja. syarikat saya tidak akan mendapat nikmat daripada: Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia ini.,

Sebab itu saya mencadangkan, kalau kita bercakap tentang industri, kalau kita tahu iaitu bahawa satu. syarikat dengan 10 orang pekerja tidak mungkin boleh menjalankan perniagaan ini, maka kita letak dalam Jadual. Satu dikenakan kepada syarikat-syarikat yang memunyai tidak kurang daripada 10 orang pekerja. Dengan cara itu majikan memang tidak boleh tipu, sebab dia tahu dengan. 10 orang memang tidak boleh membuat kerja, tetapi kalau 50 itu jumlah besar, sebab dengan, 48 orang 49 orang kerja yang syarikat ada 50 orang itupun boleh diteruskan. Jadi, sebab itu saya minta supaya untuk mengelak daripada mana-mana majikan untuk tidak mengambil bahagian dengan cara mengadakan pekerja hanya 49 orang sahaja, maka saya kalau boleh mencadangkan iaitu kita fikirkan jumlah yang lebih

rendah dan dikenakan. kepada syarikat yang mempunyai sama ada 20 pekerja ataupun 25 tidak 50. Kerana. saya fikir jumlah itu adalah besar dan mungkin. syarikat-syarikat boleh. mengelak daripada mengambil. bahagian dalam- skim ini dengan. mengadakan hanya- cukup 49 orang. sahaja untuk bekerja. dalam syarikat itu.,

Kedua, levi — levi 1% ini hendak dikenakan kepada syarikat berasaskan kepada- 1%- daripada- jumlah- upahan yang. dibayarkan kepada pekerja pada. satu bulan, Saya sekali lagi kerana hendak menjaga kebajikan. pekerja-pekerja apakah tidak boleh 1%, levi ini, ukurannya jangan kepada- gaji atau upahan pekerja, Sebab, kalau kita buat 1%: daripada. gaji ataupun upahan pekerja,. majikan sekali lagi,, untuk tidak mahu membayar lebih dalam soal levi kepada. Kerajaan ini, maka dia boleh rendahkan bayaran gaji dan upah kepada pekerja. Sekali. lagi bermakna bahawa pekerja yang akan menjadi mangsa. Apa tidak. kalau 1% ini, ukurannya itu jangan diambil pada gaji pekerja, kita kata. 1% daripada jumlah nilai. pengeluaran bulanan syarikat, itu. Ataupun keuntungan syarikat itu. Jadi, tidaklah maknanya majikan itu boleh menganiayakan pekerja-pekerjanya.. Sebab kalau kita kata 1% daripada- upahan bulanan. pekerja, sudah tentu majikan yang tidak mahu membayar levi yang lebih kepada Kerajaan akan kurangkan gaji pekerja. Jadi, sekali lagi pekerja yang menjadi mangsa kepada apa yang dikatakan "permainan" oleh majikan-majikan.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat] :

Bukankah maksud saya, iaitu bahawa majikan ini semua jahat., Tidak., Tetapi sepertimana yang disebutkan. oleh Yang, Berhormat Che Pora sebentar tadi, memang ada majikan yang walaupun- undang-undang ada, kena bayar KWSP, tetapi dia tidak bayar. Ada majikan yang seperti ini. Jadi, kita harus lindungi. pekerja-pekerja. Jangan kita benarkan, mereka- ini dieksploitasikan oleh majikan-majikan. Sebab itu saya minta kalau boleh iaitu ukuran itu jangan kepada upahan atau. gaji bulanan pekerja, biar ukuran itu kepada jumlah nilai pengeluaran, bulanan. ataupun kepada, keuntungan tahunan. ataupun bulanan. Itu lebih baik. Jadi, selain daripada gaji ataupun upah pekerja, maka majikan tidak boleh hendak mengeksploitasikan pekerja-pekerja ini.

Yang terakhir dan yang, ketika, saya ingin memberi pandangan, Yang Berhormat sebut sebentar tadi. iaitu bahawa kejayaan di dalam perniagaan ataupun, kejayaan syarikat ataupun sihatnya negara ini baayak bergantung. kepada tripartite, iaitu golongan, pekerja, Kerajaan, dan majikan. Ini suatu pernyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Jadi, saya kira kita semua terima hakikat ini bahawa untuk. memastikan kejayaan. negara kita daripada segi perniagaan. ekonomi dan semuanya, majikan, pekerja dan juga Kerajaan mesti duduk bersama membincang tentang masalah kita, bersama. Tetapi saya rasa macam Kementerian tidak menepati iaitu kewujudan hubungan. tripartite ini, kerana saya tengok dalam Council yang hendak dilantik Yang Berhormat sebut daripada 12 tadi, 8 daripada majikan,

4 daripada sektor awam dan 2 — yang akan dilantik daripada perantikan Menteri. Apakah pekerja tidak penting, untuk didengarkan pandangan mereka. Kita, bercakap tentang sumber manusia, kita bercakap tentang pekerja, dan apa yang hendak dilakukan terhadap pekerja dan sumber manusia ini hanya diputuskan oleh sektor awam dan majikan sahaja. Jadi, mengapa tidak ada wakil, daripada pihak pekerja untuk mereka memberi pandangan berkenaan dengan apa yang perlu dilakukan. Sebab mereka itu pekerja dan mereka tahu apa yang harus dilakukan terhadap diri mereka untuk memajukan, lagi pengeluaran barangan dan lain-lain.

Jadi, sebab, itu saya kata oleh kerana kita telah mengiktiraf betapa pentingnya tripartite agreement ini di antara, majikan, Kerajaan dan juga pekerja, maka saya, mahu supaya ini dicerminkan di dalam Council yang hendak diwujudkan di bawah Rang Undang-undang yang sedang diperbahaskan ini. Dan sekiranya pihak Yang Berhormat bersetuju untuk menerima cadangan saya, iaitu bahawa kita juga letak di dalam Council ini wakil pekerja, saya minta syarat pula dikeluarkan, iaitu wakil-wakil pekerja ini biarlah orang yang betul "A" political, dengan izin, sebab saya tidak mahu wakil-wakil pekerja ini dia mempunyai warna parti-parti politik yang boleh mempolitikkan suasana, bukan dia dapat memajukan negara kita, malah dia akan menyekat kemajuan kita.

Jadi, Yang Berhormat, saya harap, kalau cadangan itu diterima saya tengok. ada juga syarat siapa yang boleh menjadi ahli Majlis di dalam Jadual Kedua. Maksud, di dalam Jadual. Kedua. ini bukan sahaja orang yang bankrap, gila ataupun yang telah diconvict: sahaja yang tidak boleh menjadi Ahli Majlis tetapi orang yang terlibat dengan mana-mana parti politik bukan dengan parti politik Pembangkang, sahaja, Kerajaan pun tidak boleh Bermakna parti politik sahaja - tidak boleh, sama ada- dia wakil rakyat parti itu ataupun dia jawatankuasa tertinggi parti atau apakah dia tidak boleh. Sebab kita tidak mahu, soal-soal politik itu di masukkan di dalam, soal Sumber Manusia ini

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja pandangan saya berkenaan dengan Rang Undang-undang ini, maka dengan itu saya menyatakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia tahun 1992. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan C.Krishnan.

4.40 ptg

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai dalam perbahasan Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia 1992.

Tuan Yang, di-Pertua, daripada huraian Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, saya faham Rang. Undang-undang ini bertujuan untuk, mendirikan kumpulan wang dan menubuhkan Majlis Pembangunan Sumber Manusia, daripada itu kita boleh dapat faedah pemindahan-teknologi dan daripada itu. latihan budaya dan melahirkan satu pekerja yang mahir dan swasta terlibat di dalam latihan dan pemindahan teknologi ini.

Saya sungguh-sungguh mengalu-alukan Akta ini kerana daripada Akta ini kita boleh mendirikan satu golongan pekerja yang mahir sambil kita menghadapi Wawasan 2020. Cuma satu, dua perkara sahaja yang saya minta- penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana ini- ada kekeliruan mengenai levinya yang 1 % Fasal 3 bertujuan mengenakan ke atas seseorang majikan suatu levi. sebanyak 1% daripada upah tiap-tiap seorang pekerjanya dalam mana-mana bulan. Sub-fasal (2) memberi kuasa kepada Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta untuk mengurangkan atau menaikkan kadar levi dan sub-fasal (3) memperuntukkan penalti bagi kegagalan untuk membayar levi.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta sejauh mana kekeliruan harap tidak akan berlaku pada masa-masa akan datang. Interpretasi itu

akan memberi kekeliruan. yang. banyak, oleh sebab, itu saya merayu kepada Menteri. Sumber Manusia supaya diadakan. satu. kaedah mengenai levi di mana. sekiranya tidak ada bayaran, sekiranya ada kegagalan, mungkin mereka akan didenda., Oleh sebab- itu saya minta Kementerian- Sumber Manusia, mengadakan satu kaedah bagi pendaftaran dan juga- kalau sekiranya ada pembayaran lewat levi itu bagaimanakah perkara- perkara yang timbul dari segi pelaksanaan- Akta ini dapat diatasi, saya minta- penjelasan daripada Yang, Berhormat Timbalan Menteri.

Dan satu lagi, kuasa untuk Menteri mengecualikan. sepenuhnya atau sebahagiannya mana-mana, majikan atau golongan majikan daripada- pembayaran- levi. Ini saya kurang, faham Tuan. Yang: di-Pertua., Saya. tidak mempertikaikan. kuasa, Menteri itu, Menteri. memang. daripada Kerajaan Barisan Nasional, segala kegiatan atau. keputusan beliau sentiasa munasabah. Tetapi saya minta apa sebab kita: adakan, kita sudah kata 50 pekerja ke atas harus membayar levi 1%. Dan di sini apa sebab kita beri kuasa. untuk Menteri mengecualikan majikan— majikan atau. golongan majikan daripada pembayaran. levi. Saya sungguh keliru, Tuan Yang di-Pertua. Kita katakan seperti rakan sejawat saya Tuan Haji Mohamed Nazri katakan, kalau ada majikan yang mengadakan. 49 pekerja sahaja untuk mengelakkan. daripada Akta ini, dia tidak perlu bayar 1% levi untuk tabung ini Tetapi di sini kalau sekiranya ada 50 ke atas, Menteri boleh mengecualikan. Ini mungkin ada pilih kasih. Itu saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya tidak ada kekeliruan. Saya ingin dapat satu penjelasan yang penuh daripada Timbalan Menteri yang

50 ke, atas itu- apakah sebabnya Kementerian- Sumber Manusia. menetapkan di mana: levinya. akan dihadkan sampai 50 pekerja sahaja, apa. sebab—nya mungkin;. ada; sebab-sebab yang, tertentu. Mungkin ini banyak. daripada luar negeri datang. ke- sini urituk melabur, mungkin pada masa. sekarang pun sebelum Akta inipun pernah berlaku seperti Matsushita menghantarkan ke luar negeri adakah betul transfer of technology ada berlaku di situ saya ingin tahu.

Tuan Yang di-Pertua, heavy industry sudah ada di sini ; kalau mereka hendak mengambil. balik ke negara. mereka pun tidak boleh, Hendak balik ke Londonkah: heavy industry itu macam Lever Brothers — tidak boleh. Mungkin sebelum Akta ini mereka telah menjalankan latihan—latihannya tetapi corak saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri supaya benar-benar transfer of technology harus berlaku, jangan pekerja-pekerja kita, ini dihantar ke luar negeri hanya untuk bayang-bayang sahaja, kalau boleh benar-benar transfer of technology harus berlaku supaya kita boleh tampil ke hadapan ke Wawasan 2020.

Timbalan Yang di-Pertua: Macam mana pula cerita 50 atas tadi?

Tuan C. Krishnan: 50 atas?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya

Tuan C. Krishnan: Oleh sebab itu, saya ingin penjelasan dari pada Timbalan Menteri macam mana kita punya cottage industry yang kurang daripada 50% itu adakah tabung yang lain untuk menolong mereka, saya minta penjelasan daripada beliau supaya jangan salah interpretasi. Kalau salah, ada peguam-peguam yang hanya menunggu sahaja hendak interpretasikan dengan alasan-alasan itu di dalam

mahkamah-mahkamah.. Kita sudah tahu perkara itu, kawan saya Yang, Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri pun sudah tahu. Oleh sebab itu kalau boleh senaraikan industri-industri itu yang 50 ke atas itu, kita katakan mungkin heavy industries, electronic industries, ini sangat menyeluruh Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh saya minta Timbalan Menteri Sumber Manusia supaya senaraikan industri-industri yang benar-benar terlibat di dalam Akta ini.

Cuma satu sahaja yang saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, mengenai perlantikan Majlis itu, 8 daripada pihak majikan, 4 daripada Kerajaan, 2 itu dari mana? Kalau boleh jangan lantik, daripada kesatuan. Saya menyeru pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja di dalam negara kita ini dia selalu hendak menyalahkan Kerajaan sahaja. Apabila kita hantar dia pergi ke ILO, dia memburuk-burukkan Kerajaan kita, di mana-mana mesyuarat antarabangsa dia pergi pun mereka daripada kesatuan-kesatuan swasta itu tidak bertanggungjawab. Oleh sebab itu berhati-hatilah apabila melantik seseorang di dalam lembaganya khasnya di dalam Majlis ini.

Baru-baru ini Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) ada menyoalkan mengenai lantikan atau komposisi rombongan Kerajaan ke conference Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Saya ingin membangkitkan satu atau dua perkara berkenaan MTUC. Setiausaha Agung MTUC adalah Ahli Parlimen Puchung dan baru-baru ini mendakwa bahawa ada penyelewengan pemberian saham Telekom. Tetapi beliau ialah orang yang terlibat dalam penipuan.

Saya ada buktinya. Tuan Yang di-Pertua, dalam negeri ini dan menyalahgunakan kuasa sebagai Setiausaha, Agung, MTUC. Saya beri contoh seperti, berikut. Melalui surat bertarikh 1hb Jun 1989 dan 4hb Januari 1990, Acting, Secretary-General MTUC, Encik Rajasegaran sebagai Setiausaha Agung (Pemangku) minta bantuan daripada Japan Institute of Labour untuk membeli komputer, termasuk hardware dan software untuk kegunaan MTUC sendiri. Japan Institute of Labour melalui order bertarikh 17hb Oktober 1990 telah minta, United-Computer House, Klang untuk membekalkan komputer yang dikehendaki oleh MTUC dan mengarah pembekal tersebut hantar barang tersebut kepada Yang Berhormat Dr, V. David, Setiausaha Agung, MTUC.

Saya, difahamkan Yang Berhormat Dr. V. David telah menerima komputer-komputer yang dibekalkaa kepada MTUC, tetapi komputer-komputer tersebut, tidak dipasang di mana-mana pejabat MTUC. Saya difahamkan komputer-komputer tersebut telah pada 22hb November, 1990 dipasang di Workers Inscitute of Technology yang ditajakan oleh, Kesatuan. Pekerja-pekerja Pengatigkutan (Transport Workers Union). Penyelewengan telahpun terbongkar dan banyak pihak telah minta penjelasan daripada beliau, tetapi Yagn Berhormat Dr. V. David enggan mengulas atau memberi peajelasan hingga hari ini.

Bersama-sama saya ada surat-surat yang ditulis oleh pihak MTUC kepada Japan inscicute of Labour. Inilah penyeleweagan seorang pemimpin kesatuan yang selalu mengatakaa dialah yang menjadi pemimpin agung yang rnenuntut untuk pkerja-pekerja. Di a seorang pcmaudu pun boleh jadi Setiausaha Agung kepada Trinsport Workers

Union. Dia yang mengatakan, ini salah, itu salah, Kerajaan salah, MIC salah, tetapi dia sendiri telah dapat barang-barang yang dituntut oleh MTUC untuk kegunaan MTUC, tetapi telah salahgunakan. Beliau telah menyorok barang-barang itu di Institute Workers.....

Tuan Ding Seling: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua Yang Berhormat Tuan Krishnan, ada yang, meminta penjelasan, Tuan Ding Seliag..

Tuan C. Krishnan: Ya, sila.,

Tuan Ding Seling:- Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pertama: sekali ingin, saya katakan juga saya bukanlah kawan Yang Berhormat M. David. saya belum pernah jumpa dia. Tetapi apa yang saya inginkatakan di sini ialah bukan semua pekerja itu telah menyalahgunakan kedudukan mereka seperti M. David. Jadi saya, ingin minta penjelasan.... ..

Timbalan Yang di-Pertua: V. David!

Tuan Ding Seling: V. David, maaf. Jadi saya ingin minta penjelasan kenapakah Yang Berhormat membawa kes beliau di sini?

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, macam lawyer pun ada lawyer yang baik seperti Yang Berhormat Tuan Haji Nazri [Ketawa], tetapi ada pemimpin....

Timbalan Yang di-Pertua: Itu contoh lawyer yang baik. Apa pula contoh lawyer yang tak baik?

Tuan C. Krishnan: Timbalan Speaker Dewan Senate pun ada yang baik, macam Tuan Timbalan Speaker. [Ketawa] Tetapi ini dikatakan seorang Senator tidak baik, bukan semua Sanator bersalah. Saya

katakan pemimpin Setiausaha Agung MTUC salahgunakan kuasa Presiden CUEPACS kita. baik,. orang nombor satu. Saya hendak timbulkan perkara ini kerana. mungkin Menten Sumber Manusia akan melantik pemimpin-pemimpin kesatuan di. dalam Majlis ini. Saya. cuma. ingin bawa perhatian Dewan yang mulia ini, ada orang yang. tidak kena-mengena dengan.

Tuan Rahim bin Baba.; [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan, Krishnan, ada yang hendak minta penjelasan, boleh ya? Tuan Rahim Baba, sila.

Tuan Rahim bin. Baba: Tuan- Yang di-Pertua, saya- ingin bertanya kepada Yang Berhormat Senator Kriahnan, apakah; Yang Berhormat ingin menyarankan kepada Kementerian supaya V. David tidak dilantik di dalam Majlis Perundingan ini?

Tuan C. Krishnan: Saya minta Saudara V. David jangan dilantik. Saya minta Pendaftar Kesatuan membuat satu siasatan terperinci mengenai kes ini.. Saya minta Tmbalan Menteri kalau boleh laporkan di sini besok, tctapi tak bolehlah, dla kena beri masa, kalau boleh melalui akhbar. Inilah. pemppin-pemimpin yang mengatakan Kerajaan salah. Dia pergi ke luar negeri Seseorang mesti sayang kepada negara, mesti ada satu konsep kebangsaan cakap satu buat satu, sini duduk, sini terima, Kutipan-kutipan daripada ahli-ahli kesatuan, dia cerita sini. Tetapi pergi ke luar negeri jumpa Mat Salleh, dia cakap, ini negeri tidak baik, itu tidak baik, ini tidak baik. Pemimpin semacam ini harus kita bongkarkan di dalam Dewan yang mulia ini. Oleh sebab itu, saya minta kalau boleh Kerajaan berwaspada dan Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pendaftar Kesatuan ini buat siasatan mengenai kesatuan-kesatuan ini.

berpengaruh tinggi di pasaran antarabangsa. Kalau kita berpengaruh tinggi, kita menjaiankan tugas kita secara bertanggungjawab dan penuh dedikasi pada masa akan datang dunia antarabangsa akan mengiktirafkan MATRADE. MATRADE same rank pari passu dengan JETRO, pari passu dengan CETRA, pari passu dengan KOTRA. Pari passu ini bukan bahasa kebangsaan 1131 bahasa Latin. Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri dia Fahamlah pari passu.

Yang sebenaraya nama akronim MATRADE ini telah dibincangkan lama. Menteri saya Dato' Seri Rafidah Aziz telah menubuhkan satu jawatankuasa yang disertai oleh pihak swasta, pihak-pihak universiti, pihak-pihak Kerajaan, Kita telah membahaskan dengan sedalam-dalamnya dalam semua aspek termasuk acronym MATRADE. Kalau "MA" ibu ini apa salahnya. Siapa tidak cintai kepada ibu? Kalau dunia cintai kepada MATRADE kerana dia ada nampak "MA" atau ibu, lebih baik untuk Malaysia. Tetapi saya hendak beri jaminan kepada Yang Berhormat iaitu nama itu telah dipilih dengan fikiran dan masa yang begitu dalam.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ding Seling. Betul ya nama Ding Seling? Begitu puitik namanya "Ding Seling". Mengenai penubuhan di bawah Seksyen 4(1)(e) iaitu keanggotaan MATRADE ini, sukalah saya katakan di sini apabila kita membincangkan mengenai MATRADE di dalam jawatankuasa di dalam Kementarian saya, kalau tidak salah kita ada wakil daripada Sarawak. Mungkin daripada Sabah juga. Kita ada wakil bukan sahaja daripada Semenanjung. Kita akan sensitif, peka kepada cadangan yang baik yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Ding Seling dan kita akan ambil berat kepentingan rakyat jelata, pengeksport-pengeksport, peniaga-peniaga di Sabah dan Sarawak.

Mempunyai fungsi yang luas seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat dan kkuatir jika ada pertindihan dengan badan-badan yang sedia ada. Sukalah saya menjawab di sini iaitu kita peka kepada apa yang dikatakan oleh Yang Barhormat. Sebenarnya di dalam negara kita, kita ada badan-badan seperti Lembaga Perusahaan Nanas Tanah Melayu, kita ada PORLA (Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Minyak kelapa Sawit, kita ada FAMA dan lain-lain. MATRADE tidak akan overlap tugas-tugas yang diperolehi oleh badan-badan yang saya katakan tadi, tetapi kita akan bekerjasama. Pasaran antarabangsa begitu luas, begitu besar dan Malaysia pada masa ini - perdagangan antarabangsa Malaysia hanya 1% sahaja daripada semua jenis perdagangan antarabangsa. Apa salahnya kalau kita bekerjasama dan tidak akan encroach, dengan izin, dalam tugas-tugas dan bidang kuasa yang dijalankan oleh badan-badan yang disebutkan tadi, tecapi kita akan bekarjasama di ruang antarabangsa.

Mengenai cadangan Yang Berhormat di bawah Seksyen 13 iaitu menyelaraskan kuasa-kuasa yang sedia ada yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang ini, saya beri jaminan bahawa semua kuasa-kuasa akan dijalankan dan dilancarkan dengan penuh bertanggungjawab, dengan penuh dedikasi.

Mengenai Levi, iaitu soalan yang akhir sekali. Levi pada masa kini, saya sudah mamberi jaminan tadi di dalam teks ucapan saya iaitu Levi tidak akan dikenakan sarta-merta. Badan ini akan dilancarkan dengan satu grant yang akan diberikan oleh Kerajaan.

Kita menjalankan tugas dengan grant yang diberikan oleh Kerajaan dan Levi pada masa kini kita belum tentukan apa amaun Levi ini atau apa cara yang kita gunakan, tetapi kita memperuntukkan Levi untuk masa hadapan. Bila kita berbincang dengan Kementerian Kewangan dan kita anggap masa sudah sesuai baharulah kita kenakan Levi. Tetapi daripada pengalaman Korea dan Hong Kong, mereka telah mengenakan Levi - seperti di Hong Kong dia mengenakan Levi 0.05% daripada eksport dan iraport, begitu juga dengan Korea - 0.06%, tidak cukup 1%. Jadi, amaun itu kecil sahaja Yang Berhormat dan oleh kerana itu ia tidak akan membebankan pengeksport-pengeksport daripada negara kita. Kita peka kepada keadaan pengeksport-pengeksport kita dan kita tidak bercadang untuk menambahkan beban mereka dengan Levi yang tinggi.

Itulah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan di Dewan yang rnullia ini. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Berhormat yang telah menyertai perbincangan tadi dan dengan ini saya menamatkan penjeiasan saya. Sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Maaalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Partua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEBANKHAPAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.58 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othmai bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Kebankrapan (Pindaan) 1992 untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Pindaan kepada Akta Kebankrapan 1967 adalah perlu untuk mengemaskinikan prosedur pentadbiran kebankrapan, mengetatkan kawalan terhadap sibankrap serta menjaga kepentingan pemiutang. Bilangan kes kebankrapan telah meningkat sebanyak 426% dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, dari 8,079 kes pada tahun 1982 meningkat kepada 34,485 pada tahun 1991.

Nilai harta yang terlibat dalam tempoh yang sama juga telah meningkat daripada \$4.25 juta pada tahun 1982 kepada \$22.48 juta pada akhir tahun 1991 iaitu peningkatan sebanyak 528.9%.

Bagi maksud ini beberapa pindaan perlu dibuat kepada peruntukan di seksyen-seksyen 2, 3, 5, 8, 15, 17,18, 31, 33, 38, 48, 90 dan 108 serta Jadual C kepada Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Akta Kebankrapan 1967 yang ada sekarang tidak menyebut dengan jelas bahawa pemiutang di dalam sesuatu kes kebankrapan perlu menyatakan amaun yang terdapat termasuk bunga yang perlu dibayar oleh penghutang kehakiman.

Bagi mengelakkan sebarang salah tafsir dan ketidakadilan adalah dicadangkan supaya Seksyen 3(1)(i) dipinda bagi menghendaki pemiutang mengira bunganya hingga ke tarikh notis kebankrapan dikeluarkan. Pindaan kepada Seksyen 5(1)(a) bertujuan menaikkan amaun minimum hutang daripada \$2,000 kepada \$10,000 sebelum sesuatu notis kebankrapan boleh difailkan. Amaun minimum sebanyak \$2,000 ini telah ditetapkan pada tahun 1976.

Seterusnya pindaan adalah juga dicadangkan dibuat kepada Seksyen 8 bagi memperuntukkan bahawa tiada apa-apa bunga boleh dibayar kepada pemiutang bercagar jika sekiranya pemiutang tersebut gagal menghasilkan cagarannya dalam tempoh 6 bulan dari tarikh perintah penerimaan dibuat. Rasionalnya ialah pada amalan biasa dan berdasarkan peruntukan yang sedia ada, didapati segolongan pemiutang bercagar mengambil masa yang terlalu lama untuk menghasilkan harta tersebut. Manakala bunga yang perlu dibayar oleh penghutang berterusan sehinggalah jualan dilaksanakan. Perbuatan sedemikian adalah tidak adil kepada pemiutang yang tidak bercagar dan juga kepada penghutang.

Pindaan kepada Seksyen 15 pula adalah bagi membolehkan pemintang-pemintang yang telah memberikan bukti hutang menyoal penghutang dalam mesyuarat pertama pemiutang dan mesyuarat-mesyuarat lain yang sedemikian.

Di bawah peruntukan yang sedia ada, mahkamah dipertanggungjawabkan memanggil mesyuarat awam bagi pemeriksaan penghutang dari segi ketakuan, urusan dan hartanya selepas sesuatu perintah penerimaan dibuat.

Oleh kerana maklumat telahpun diperolehi semasa mesyuarat pertama pemiutang, pindaan adalah dicadangkan dibuat kepada Seksyen 17 bagi menghendaki Pegawai Pemegang Harta membuat permohonan kepada mahkamah untuk maksud pemeriksaan awam tersebut hanya apabila difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan yang sedia ada, apa-apa permohonan bagi kelulusan untuk sesuatu komposisi atau skim hendaklah dibuat dan didengar dalam mahkamah terbuka. Untuk membolehkan Hakim Mahkamah Tinggi memberi tumpuan kepada perbicaraan kes-kes lain yang lebih rumit, pindaan adalah dicadangkan dibuat kepada Seksyen 18 Akta Kebankrapan 1967 bagi membolehkan Pendaftar mendengar permohonan sedemikian. Peruntukan bagi perkara ini akan dibuat melalui Pekeliling Amalan oleh Hakim Besar. Sekiranya didapati sebarang kakurangan, maka Hakim Besar boleh membatalkan Pekeliling Amalan tersebut dan permohonan itu boleh diambilalih semula oleh Hakim Mahkamah Tinggi, Memandangkan semua kes yang berkaitan dengan kebangkrapan dicadangkan supaya didengar oleh Pendaftar, maka cadangan adalah dibuat untuk meminda Seksyen 31(6)

dan Seksyen 33(1) Akta Kebankrapan 1967 bagi maksud tersebut,

Terdapat kes-kes di mana sibankrap telah berpindah dari alamatnya yang asal tanpa memberitahu Pegawai Pemegang Harta. Keadaan ini sudah tentulah menyulitkan Pegawai Pemegang Harta untuk menghubunginya dan ini secara langsung menjejaskan pentadbiran kesnya. Oleh itu adalah dicadangkan supaya seksyen kecil (bb) yang baru dimasukkan di dalam Seksyen 38 yang ada sekarang bagi menghendaki sibankrap memberitahu Pegawai Pemegang Harta dengan serta-merta jika ia menukar alamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Pegawai Pemegang Harta meminta kerjasama Jabatan Imigresen untuk menahan sibankrap daripada meninggalkan Persekutuan. Tidak terdapat sebarang peruntukan undang-undang yang membolehkan sebarang Pegawai Imigresen bertindak sedemikian. Oleh itu pihak Imigresen terdedah kepada tindakan yang mungkin diambil oleh sibankrap di bawah undang-undang Tort seperti penahanan salah dan sebagainya.

Justeru itu adalah dicadangkan pindaan dibuat kepada Seksyen 38 dengan mengadakan seksyen baru iaitu Seksyen 38A untuk memberi kuasa kepada seseorang Pegawai Imigresen melakukan apa-apa tindakan bagi menghalang sibankrap daripada meninggalkan Persekutuan dan juga memberi kuasa untuk merampas dan menyerahkan kepada Pegawai Pemegang Harta pasport atau dokumen perjalanan sibankrap. Apabila seseorang itu telah dihukum bankrap semua hartanya adalah terletak kepada Pegawai Pemegang Harta kecuali perkara yang diperuntukkan di bawah Seksyen 48(1)(a)(i) dan (ii) Akta Kebankrapan 1967. Harta yang dipegang oleh sibankrap atau amanah bagi mana-mana orang lain dan

peralatan serta keperluan dirinya, isterinya dan anak-anaknya yang tidak melebihi \$500 pada keseluruhannya tidaklah terletakhak kepada Pegawai Pemegang Harta.

Memandangkan bahawa kos sara hidup telah meningkat, jumlah \$500 itu adalah terlalu kecil dan tidak lagi munasabah. Oleh itu pindaan. adalah dicadangkan dibuat kepada Seksyen 48 (1)(a)(ii) Akta Kebankrapan 1967 dengan menaikkan amaun berkenaan daripada \$500 kepada \$5,000.

Mengambil kira kuasa yang akan diberikan kepada Pendaftar untuk mendengar semua permohonan yang berkaitan dengan kebangkrapan, maka adalah dicadangkan supaya Seksyen 90 Akta Kebankrapan 1967 dipinda untuk memberi kuasa kepada Pendaftar mendengar dan memutuskan apa-apa permohonan berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh Hakim Besar. Oleh itu cadangan adalah dibuat bagi memasukkan definisi "Hakim Besar" di dalam seksyen 2.

Di samping itu, pindaan adalah dicadangkan supaya dibuat kepada seksyen 108 di mana seksyen kecil 1(b) dibatalkan untuk diselaraskan dengan segala pindaan-pindaah yang melibatkan kuasa Pendaftar.

Jadual C kepada Akta Kebankrapan 1967 menyatakan prosedur bagi bukti hutang. Selaras. dengan cadangan pindaan yang dibuat di atas maka adalah juga dicadangkan pindaan kepada Jadual C Akta Kebankrapan 1967 untuk menghendaki sesuatu permohonan dibuac melalui saman dalatn kamar mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang

berkenaan. Sesungguhnya Rang Undang-undang ini apabila diluluskan kelak akan melicinkan lagi pentadbiran kebangkrapan serta memperketatkan kawalan ke atas mereka yang telah diisytiharkan bankrap demi menjaga kepentingan pemiutang serta sibankrap itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Tuan Haji Mohamed Nazri.

5,05 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Rang Undang-undang ini, Setiausaha Parlimen sebentar tadi telah menyebut iaitu kadar kebangkrapan telah meningkat dalam masa 10 tahun kepada 426%. Saya rasa ini bukanlah sacu perkara yang mengejutkan kerana kalau had yang rendah, yang boleh membankrapkan seseorang penghutang yang berhutang \$2,000, kalau \$2,000 di masa 10 tahun dahulu memang nilainya tinggi tetapi \$2,000 sekarang saya rasa nilainya telah banyak turun.

Jadi, tidak hairanlah kita kalau apa yang dikatakan peratusan kebangkrapan telah meningkat kepada 426% ini memang patut dan telah dijangkakan sebab kadar nilai wang ringgit kita ataupun nilai itu telah banyak turun jika dibandingkan dengan nilai \$2,000 pada 10 tahun yang lalu.

Saya rasa memang kena pada tempatnya iaitu dalam Rang undang-undang ini hendak ditingkatkan limit '\$2,000 itu kepada 510,000 memang satu perkara yang wajar, cuma apa yang menjadi satu perkara yang saya rasa walaupun dinaikkan \$10,000 saya masih merasakan bahawa jumlah itu agak terlalu kecil, sepatutnya pada pandangan saya bukan \$10,000 malah lebih daripada itu.

Untuk memperkuatkan hujah saya, kita harus tanya balik iaitu apakah sebenarnya falsafah di sebalik diadakan proses kebankrapan ini, kita harus tanya kepada diri kita, apakah kita mengadakan kebankrapan ini kerana kita hendak menghukum atau, dengan izin, punished, orang yang berhutang. Kalau itulah tujuan kita iaitu kita hendak punished orang yang berhutang, maka saya rasa seolah-olah Kerajaan melihat setiap orang yang mahu meminta hutang daripada bank itu seolah-olah mereka ini merupakan 'crooks', orang yang jahat, hendak minta wang kerana hendak menipu.

Tstapt saya rasa bukanlah tujuan Kerajaan melihat falsafah di sebalik kebankrapan ini sebagai hendak punished orang yang tidak bayar hutang, sebab bukan semuanya orang yang tidak bayar hutang itu kerana dia mahu menipu from the outset, dengan izin, iaitu maknanya apabila seseorang itu meminta pinjaman; jadi, dia telah ada intention untuk menipu, jadi sebab itu dia harus dipunished. Saya ingat bukan itu, saya rasa itu sebahagian besar daripada mereka yang tidak dapat membayar hutang ini ialah kerana genuine business, yang mana mereka gagal dan mereka tidak dapat membayar balik sebab itu mereka tidak dapat membayar hutang ini dan bukan kerana mereka hendak menipu kepada bank-bank yang meminjamkan duit.

Jadi, kepada saya kalau jumlah itu \$10,000 bermakna orang hendak meminjam duit untuk tujuan business yang genuine, dia akan teragak-agak, sebab dia kata "Kalau kita pinjam \$10,000 business gagal, tidak dapat bayar, kena bankrap." Jadi, orang akan teragak-agak untuk memohon pinjaman, ini orang yang genuine, bukan maksud saya orang yang mahu pinjam kerana memang tidak mahu bayar; hendak menipu bank, bukan yang itu. Maksud saya orang yang betul-betul genuine meminjam duit untuk berniaga. Jadi, kalau dengan \$10,000 yang kita hendak pohon pada hari ini, saya rasa apakah benda yang kita boleh berniaga dengan \$10,000.

Jumlahnya kalau orang hendak berniaga lebih daripada itu, mungkin orang hendak meminjam \$25,000 baru betul boleh berniaga. Saya kira bahawa kalau orang berniaga jual mee, \$10,000 beli. barangan tertentu sudah habis. Oleh kerana \$10,000 itu merupakan had yang disebutkan oleh Kerajaan yang membolehkan kalau penghutang tidak membayar hutang,, dia boleh dibankrapkan. Maka dia akan merasa bahawa dia takut untuk meminjam, sebab dengan \$10,000. kalau gagal bisnes, dia jadi bankrap.

Kita harus ingat, Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini bankrap itu mempunyai connotation, dengan izin, yang begitu teruk di dalam masyarakat kita, sebab di kalangan kita kalau sebut bankrap, memang dia dipandang rendah dan dipandang hina. Apa yang menjadi kebimbangan kepada saya kerana jumlah yang disebut itu bahawa \$10,000 itu terlalu rendah, maka apa yang mungkin berlaku iaitu anak-anak muda kita kalau umur dia 25 tahun, 26 tahun hendak mencebur diri dalam bisnes dia pinjam \$15,000, dan bisnes dia gagal. Maka apa yang akan berlaku, dia akan dibankrapkan. Bermakna di dalam peringkat umur dia paling muda dia sudah bankrap. Apakah masa hadapan dia? Kalau umur 25 tahun, maknanya dia ada lagi 30 tahun untuk hidup. Umur dia 25 tahun sudah bankrap, masyarakat telah mengenyepi dan menyisihkan dia. Sebab kita tahu dalam masyarakat di negara kita ini, kalau sebut bankrap itu memang satu benda yang menghinakan.

Walaupun saya sokong Rang Undang-undang ini supaya dipinda, dinaikkan daripada hutang \$2,000 kepada \$10,000 sebelum dibolehkan seseorang penghutang itu dibankrapkan, saya lebih mirip kalau boleh

figure hutang \$10,000 itu ditingkatkan kepada satu figure yang lebih tinggi, sebab kalau tidak, nanti orang-orang muda kita takut hendak berniaga. Sebab takut \$10,000 terlalu kecil, nanti buat bisnes bankrap, bisnes gagal, boleh bankrap dan bankrap dalam umur dia masih muda lagi. Jadi ini akan menyebabkan bahawa dalam masyarakat kita mungkin dalam kita menggalakkan orang-orang kita untuk berniaga, mungkin perkara yang boleh menghentikan daripada dia berniaga ialah kerana dia takut, sebab kalau dia pinjam \$10,000 dia boleh dibankrapkan kalau bisnes dia gagal,

Dalam hal ini kalau boleh difikirkan supaya kita tingkatkan lebih daripada \$10,000, tidaklah \$10,000. Maknanya kita tingkatkan mungkin kepada \$25,000. Sepertimana yang telah saya sebutkan tadi bukannya tujuan Kerajaan memandang kepada setiap pemohon itu sebagai semuanya penipu, tidiak. Kerajaan tidak melihat sedemikian rupa. Falsafah di sebalik proses kebangkrapan ini ialah kerana untuk memutihkan balik atau sepertimana yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi, untuk mengawal. Saya ingat kawal baik, iaitu kalau yang pinjam berpuluh ratus ribu dan berjuta-juta ringgit itu mungkin kepada mereka ini kebangkrapan itu mungkin mempunyai makna yang lebih kepada mereka, daripada orang yang kena bankrap \$10,000. Sedih, kasihan saya tengok kadangkala

Jadi cadangan saya iaitu kalau boleh dimasa akan datang angka \$10,000 itu dinaikkan lebih daripada itu untuk membolehkan perniagaan berlaku dengan pesat di peringkat bawah. Sebab itu jumlah angka yang paling rendah yang boleh dibankrapkan kepada penghutang itu janganlah \$10,000 tetapi harus lebih tinggi supaya di

bawah ini. mereka akan bertambah berani untuk berniaga dan tidak dihad dan ditakutkan oleh kerana proses kebangkrapan kalau sekiranya mereka berhutang kepada bank.

Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah berkenaan dengan fasal 5 yang mana sepertimana telah disebutkan oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi berkenaan dengan masa 6 bulan yang diberikan kepada pihak yang memegang cagaran untuk menjelaskan cagaran itu. Saya faham mengapa perkara ini dilakukan, juga kerana untuk membantu penghutang supaya permiutang itu tidak melengah-lengahkan perkara ini yang boleh menyebabkan bertambah banyak bunga terakru disabitkan oleh kerana kelewatan untuk menjelaskan cagaran tadi. Walau bagaimanapun, kita harus ingat bahawa jangan pula di kalangan yang memegang cagaran itu, iaitu bank itu, kerana dipaksa oleh Akta ini. untuk menyelesaikan dalam masa 6 bulan, maka dia jual ikut secepat mungkin tanpa mengira bahawa mungkin harga yang didapati hasil daripada penjualan itu mungkin rendah. Kerana dia kata dalam masa 6 bulan bank kena selesaikan. Jadi mungkin tanah yang harganya patut dijual \$70,000, dia jual \$7,000 sahaja kerana takut masa ini akan tiba, kerana dia diberi masa 6 bulan. Jadi, untuk melepaskan diri dia daripada seksyen ini, maka mungkin bank menjual tanah cagaran itu lebih murah daripada harga yang patut dijual.

Sebab itu saya merasakan dalam seksyen ini harus dimasukkan juga mungkin perkataan "penjualan dengan harga yang berpatutan" supaya jangan bank ikut suka hati. dia sahaja hendak melepaskan dirinya daripada syarat 6 bulan tadi, maka dia jual cepat-cepat dengan harga yang murah. Yang mendapat kerugian ialah sipemiutang

tadi kerana tanah dia yang berharga itu dijual dengan harga yang itulah. Jadi saya minta supaya diambilkira perkara ini dengan dimasukkan dalam seksyen ini di mana-mana perkataan "dengan harga yang berpatutan". Jadi, ini akan bersikap adil terhadap penghutang yang tidak ada kuasa untuk memastikan sama ada tanah mereka itu dijual dengan harga murah ataupun harga mahal.

Yang terakhir sekali berkenaan dengan Fasal 11, memang ini baik. Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 38(1) Akta bagi menghendaki si bankrap memberitahu dengan serta-merta kepada Pegawai Pemegang Harta jika dia menukar alamat rumahnya. Saya kira seksyen ini memang baik, tetapi kalau hanya setakat kita kata kalau dia tak beritahu, dia kena denda, saya rasa seksyen ini seolah-olah hanya melepaskan batuk di tangga sahaja. Kalau berlaku kelainatan disabitkan oleh kerana sipenghutang pindah dan tidak memberitahu alamat, maka Kerajaan akan pusing balik - ha, dalam Akta sudah kata kamu kena beritahu kalau bertukar alamat, jadi tak boleh buat apa. Saya ingat ini cuma hanya setakat melepaskan batak di tangga.

Kalau kita betul-betul serius untuk memastikan supaya mereka iai mesti memberitahu pertukaran alamat, maka kita harus mengenakan satu denda, kalau gagal berbuat demikian, maknanya mereka akan didenda wang ataupun dijel. Kalau begitu rupanya baru orang akan beria-ia mematuhi seksyen ini. Saya tahu kalau penghutang tidak mematuhi seksyen ini, yang menghadapi kerugian ialah dia, sebab apabila proses berjalan, Official Assignee akan hantar surat saman ke alamat yang lama, maka bukan salah Kerajaan lagi kalau mereka tak dapat saman ini.

Memang betul, makanaya memaag daripada segi Kerajaan betul. Tetapi saya minta supaya biarlah ada kesungguhan untuk menyelesaikan masalah ini dengan mengenakan denda. Apa cara denda itu terpulang kepada Kerajaan supaya untuk menunjukkan bahawa memang kita mahu menyelesaikan masalah ini. Bukan hanya setakat hendak melepaskan tanggungjawab kita ataupun menggunakan alasan seksyen ini sebagai alasan beritahu kepada penghutang iaitu bahawa kamu yang silap, kamulah hadapi, masalah.

Jadi, saya minta dalam Fasal II ini kalau di masa-masa akan datang untuk menunjukkan kesungguhan Kerajaan iaitu kita mahu menyelesaikan masalah ini dengan cepat. Maka, oleh kerana itu kita harus juga letak denda kalau sekiranya gagal untuk memberitahu pihak berkenaan berkenaan dengan pertukaran alamat. yang baru, maka orang itu akan sama ada didenda ataupun dijel. Jadi, bila sudah hendak kena denda dengan jel ini orang takut. Bila orang takut maka orang akan patuh dengan seksyen ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya rasa hanya satu perkara lagi yang terakhir berkenaaa deagan seksyen 38A ini, subseksyan 3, Dengan izin, dalam bahaaa Inggerisaya mengatakan;

"An immigration officer shall be empowered to seize and deliver to the Official Assignee any passport or travel document belonging to any bankrupt who is attempting...."

Mengapa kita harus tunggn semasa dia attempt to go overseas baru kita hendak supaya diambil passportnya, mengapa tidak semasa dia di-isytiharkaa menjadi bankrap terus ambil? Jadi, ini kerja yang

menyulitkan. Maknaaya, kita ini sepatutnya bila dia bankrap sahaja, gazet dia bankrap sahaja, ambil pasportnya itu, sebab orang tidak akan pegang pasport melainkan kalau dia hendak pergi ke luar negeri. Jadi apa yaag saya hairan bahawa seksyen **ini**, iaitu;

"....to seize documenc belonging to any bankrupt who is attiemptng to leave the Federation."

Maknanya kalau dia tidak attempt to leave, tak payah seize. Saya mencadangkan iaitu pasport ini orang pegang. kerana hendak pergi luar negeri, orang tidak pegang pasport kerana hal-hal yang lain. Jadi sebab itu saya fikirkan daripada kita tunggu orang hendak attempt to leave the country, adalah lebih baik apabila dia diisytiharkan bankrap ambil terus pasportnya, jadi tidak berbangkit masalah "a bankrupt who is attempting" ini.

Jadi, cadangan saya iaitu untnk mengurangkan kerja dua tiga kali, saya cadangkan iaitu apabila digazetkan sebagai bankrap sahaja, pasportnya kena ambil terus supaya tidak berbangkit soal immigration officers hendak merampas pasport "a bankrupt who is attempting to Leave the Federation". Jangan tunggu sampai orang itu hendak keluar tahan dekat immigration centre, tangkap, "you hendak keluar ya?", baru tangkap. Janganlah sampai begitu. Saya kira lebih baik kita ambil pasportnya pada ketika digazetkan dia bankrap, ambil terus sebab tidak ada sebab dia pegang pasport melainkan kalau dia hendak pergi ke luar negeri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja hujah-hujah saya, saya menyokong Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 1992 ini. Terima kasih:

Tirabalan Yang di-Pertua: Sila Tuan Dahalan bin Haji Embun.

5.24 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah naik takut bila dengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri tadi selepas dia merayu sapaya tindakan jangan begitu keras oleh sebab ini melibatkan maruah, kradibiliti, dan kehidupan. Orang bankrap kalau dahulunya dipanggil pakai kasut kayu, sungguhpun sekarang ada yang pakai Rolls Royce, Mercedes 280 dan sebagainya. Jadi, inilah stigma daripada orang yang menghadapi dengan tindakan bankrapsi ini hinggakan sekarang bukan setakat bubuh nana dalam paper hinggakan. tercatat nombor Kad Pengenalan supaya kiau Lim Ah Chong, kadang-kadang Lim Ah Chong ada dua orang, jadi kena bubuh I/C, jadi barulah dapat bezakan antara satu dengan lain.

Seiain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita nampak Rang Undang-undang ini iaitu dalam perbahasan saya sebelum saya menyokong, sekali imbas nampak begitu capitalistic oleh sebab kita ini. memihak sangat kepada kreditor-kreditor. Kreditor-kreditor ini sentiasanya bank-bank, institusi-institusi kewangan, credit companies, ceti-ceti dan sebagainya, loan sharks, dengan izin, ada orang sebut juga. Jadi, kebanyakan orang yang pimjam duit ini sudah kemungkinan besar. akan jadi mangsa kepada Rang Undang-undang yang kita bahas pada hari ini.

Jadi rasa saya eloklah kalau kita lebih socialistic sedikit, rasional antara dua - on one hand kita boleh khas iaitu orang kepada orang yang genuinely hendak lari daripada bayar hutang iaitu orang yang boleh-bayar tetapi tidak mahu bayar; tetapi kalau sudah tidak boleh

bayar niat hendak bayar, niat sahaja tidak cukuplah, dia hendak juga duit bukan? Kalau tak hendak pun dia declare bankrap, tetapi sentiasanya ialah orang yang declare bankrupt without harta ini, tak ada harta, menanggung liability below zero, sudah minus, hendak makan pun tidak ada. Harapkan kalau ada cagaran, cagaran itulah yang kita hendak beri tetapi kebanyakan yang rasa saya 80% atau 90% orang yang diambil tindakan bankrupsi ini memang yang betul-betul bermasalah. Jadi itulah ehsan saya minta dari pihak Kerajaan mengenai pelaksanaan Rang Undang-undang ini.

Satu soalan, Tuan Yang di-Perlua, oleh sebab tidak disebut di sini winding-up, saya tidak tahu sama ada bankrap - Rang Undang-undang ini melibatkan winding-up untuk syarikat ataupun bankrap untuk individu sahaja. Kalau individu kita panggil bankrap, tetapi kalau syarikat kita panggil winding-up. Jadi, sama ada ini terlibat meliputi kedua-duanya, saya tak jelas di sini, especially bila Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri sebut **business ini**, ia syarikatlah. Jadi sama ada ini meliputi.

Lagi satu dua soalan yang ingin saya minta, berkenaan dengan koperasi-koperasi; bagaimana kalau koperasi menghadapi masalah dengan hutang? Apakah tindakan yang pihak kreditor boleh buat, sama ada proses yang sama akan dibuat. Tetapi bagaimanapun, terjelaslah di sini kalau seseorang itu peniaga, dia tidak dapat jadi peniaga lagilah, hendak daftar nama dalam pendaftar perniagaan ataupun hendak masuk dalam syarikat jadi. Pengarah, tak boleh lagi. Kecuali hendak jadi Peagurus kalau suami itu sudah bankrap, register dalam nama isteri, dia jadi Pengurus. Tetapi bila jadi Pengurus itu

maknaaya dia jugalah, one and the same person for all intends of purposes, itulah juga. Setakat yang saya tahu, ramai orang yang buat.

Satu bebanan yang saya minta pihak Kerajaan ambil berat sedikit iaitu daripada golongan-golongan macam pegawai-pegawai Kerajaan, selalu juga terkeluar nama orang-orang daripada Kerajaan yang dideclare bankrap, politicians pun ada juga, sekali-sekali ini. jadi heboh. Mengenai dengan pensioners pula bagaimana Tuan Yang di-Pertua? Kalau sudah pencen buat business, declare bankrap pula Apa akan jadi kepada duit-duit pencennya? Begitu juga duit-duit EPF yang tersimpan. Apakah akan terjadi kepada duit-duit ini dan savingsnya, apa akan jadi? Apakah tindakan kalau seseorang itu menghadapi tindakan bankrapsi ini?

Saya,faham di Amerika ada satu undang-undang untuk menghindar tindakan bankrapsi iaitu "US Chapter", saya tidak ingat Chapter yang disebutkan. Jadi, kalau pihak Menteri dapat highlight sedikit mengenai ini, mungkin kita boleh mengambil contoh daripada sana. Kalaulah dapat dijawab.

Selain daripada itu mengenai tindakan bertindih, Tuan Yang di-Partua, sesaorang yang meminjam bercagar. Saya biasa terdengar sungguhpun dia membuat pinjaman daripada bank bercagar, dia beri tanah, tetapi tindakan pun diambil iaitu tindakan bankrapsi jalan, tindakan untuk hendak melelong tanah diapun jalan overlapping. Jadi mana satu yang betul, mana satu yang tidak betul, sama ada kadua-dua boleh dilakukan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi inilah yang saya minta penjelasan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai remedi untuk hendak menghindar atau hendak menarik diri daripada menjadi bankrap ini. Yang mustahak memang kena bayarlah, kalau hutang \$1,000 kena bayar \$1,000lah, kalau \$10,000 kena bayar penuh termasuk bunganya sekali. Tetapi rasa saya elok kalau hendak mengelakkan. lebih-lebih lagi. kalau yang terlibat ialah pegawai-pegawawi Kerajaan, orang politik dan orang yang tertentu daripada diambil tindakan di atas \$10,000 ini, saya rasa eloklah pihak creditors ini mencari jalan lain sebagai jalan untuk hendak remedi masalah ini, janganlah tergesa-gesa hendak declare dia bankrap, mungkin kalau dengan bayaran separuh dia dilepaskan, yang declare bankrap ini dilepaskan ataupun dengan mengeluarkan guarantee, mungkin orang yang guarantee itu adalah lebih kuat daripada orang yang kena bankrap. Misalnya jika

saya hutang \$10,000 kalau Tan Sri jamin saya ingat bila-bila masa-pun laku hampir \$1 juta. Kalau Tan Sri beri jaminan untuk hendak melepaskan saya, apa salahnya, saya ingat pihak creditors ataupun kita minta pihak Kerajaan untuk mendesak supaya jalan-jalan ini dapat digunakan sebagai remedi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada disebut mengenai passport yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri, membuat saya takut, sebut kena jel, kena tindakan keras dan sebagainya. Saya ingat perkara ini mesti ada exception of clause, orang yang bankrap ini bukannya siha-c-sihat, ada kemungkinan yang sakit, hari ini bankrap, esok acaupun lusa dia hendak pergi ke Mekah, ini macam mana? Ataupun kalau hendak berjalan atas bisnes, business mission, tetapi bukan sebagai entrepreneur, bukan sebagai businessman, sebagai manager kepada satu, perniagaan. Misalnya saya menjadi manager kepada satu kompeni A, jadi sama ada ini boleh diberi satu exception supaya orang ini dapat berjalan keluar juga, untuk hendak menjalankan tugas business, tetapi bukan perniagaannya sendiri, dia bekerja untuk orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja perbincangan saya dan seterusnya saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila Datuk Haji Ahmad.

5.33 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju Akta Kebankrapan 1967 ini dipinda.

Mengenai pindaan demi pindaan ini memanglah baik, tatapi apa

sahaja pindaan, apa sahaja Rang Undang-undang yang dikenakan, saya rnerasa hairan sedikit, selepas merdeka perkara ini berbeza dengan zaman penjajah. Kalau dalam zaman penjajah, apabila disebut bankrap. sahaja, semua orang takut, sekarang orang mendaftarkan dirinya pula menjadi bankrap.

Tadi kita dengar daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian mengatakan kebangkrapan naik kepada 426%, perbezaan ini kalaulah orang yang tua seperti saya, yang masih ingat dalam zaman penjajah, memanglah apabila saseorang itu sudah dibankrapkan, dia tidak dapat pakai baju yang cantik, tidak pakai motokar, tidak boleh naik basikalpun, bahkan pakai terompah, tatapi sekarang apabila kita baca dalam akhbar, apabila seseorang ttu telah dibankrapkan, kemudian dia punya kereta bertukar lebih besar, rumahnya lebih besar, dan perniagaannya bertambah lebih besar. Jadi kepandaian yang seperti inilah yang menyebabkan orang lain meniru, merekapun hendak meniru kerana orang-orang yang bankrap tadi bertambah baik.

Saya dapat melihat seorang dua yang membuat begini, misalan pada permulaannya dia mempunyai perniagaan yang kecil, tetapi setelah maju, dia jatuh bankrap. Setelah dia bankrap, kita dapat melihat. dia membuka sebuah amporium yang paling besar, membeli barang-barang dan juga jual-beli. Dua tahun kemudian, dia bankrap lagi, kemudian dia membuka kedai emas, sekarang ada kedainya di Melaka, di Kuala Lumpur pun ada. Jadi apakah sebabnya falsafah bankrap sekarang ini orang tidak takut, dan apabila saya tanya

sendiri kepada mereka yang bankrap - yang kaya itu, dia jawab senang sahaja, dahulu saya membuka perniagaan, semua orang membeli barang-barang saya itu dengan cara cash, kemudian saya letakkan cash itu pada satu tempat, dan saya membeli barang-barang lagi. Dan apabila semua kompeni sudah cukup percaya, barang sudah banyak yang dijual pada saya, tetapi saya berhutang dan kemudian saya jual barang itu, wang itu saya masukkan di tempat yang lain, kemudian sayapun isytiharkan bankrap. Jadi perniagaan yang baru itu kadang-kadang saya beri pada isteri saya atau adik saya. Dengan sendirinya apabila dia memberitahu kepada orang lain, cara dia bankrap boleh jadi kaya, daripada kereta kecil boleh pakai kereta Mercedes, orang lain pun ikut Walaupun Akta ini diletakkan apapun tidak dapat mengubah keramaian orang-orang yang menjadi ahli-ahli bankrap. Oleh sebab itu cubalah Kementerian mencari falsafah baru bagaimana hendak mengelakkan orang-orang yang kaya, yang besar, yang boleh menipu semua pihak sama ada bank, peniaga kecil atau sesiapa yang memberi piutang kepada dia, dia boleh menambah kekayaannya dengan sahaja-sahaja mukanya tanpa bersusah-payah membayar hutang.

Yang kedua, mengenai penjamin. Ini adalah satu perkara yang pedih, kerana orang yang menjamin ini kebanyakan daripada pegawai Kerajaan dan ahli-ahli politik. Pegawai- Kerajaan apabila orang bawahnya atau ocang bawah kerana bossnya dia menjamin pinjaman, begitu juga orang politik, oleh sebab dia menjadi Wakil Rakyat, Ahli.

EXCO atau Menteri, kemudian dia menjamin orang-orang yang difikirkan untuk berniaga. Jadi orang-orang yang hendak berniaga ini meminjam wang dengan tidak ada pengalaman perniagaan, betul-betul dia hendak berniaga, tetapi apabila dia menjalankan perniagaannya diapun bankrap. Apabila dia bankrap ada pula harta-hartanya sedikit, rumah, tanah, televisyen dan lain-lain, tetapi dengan adanya Undang-undang Kebankrapan ini, pihak mahkamah tidak hendak berfikir panjang tentang harta orang yang meminjam, terus sahaja kepada orang yang menjamin.

Ada kawan saya yang terus kena bankrapsi, oleh sebab dia sakit jantung terus dia meninggal dunia. Dan anak-anaknya menyesal kepada orang yang meminjam wang "Sebab engkaulah bapa aku mati". Jadi kita tidaklah bersetuju sangat dengan cara orang yang menjamin itu mesti dibankrapkan atau membayar hutang orang yang berhutang, lebih baiklah mahkamah menyemak dahulu harta dan juga wang ringgit yang ada di tangan orang-orang yang meminjam itu, dan dikenakan dahulu kepada peminjam, kalau sipeminjam itu memang tidak mempunyai wang barulah boleh diambil daripada penjamin. Oleh sebab itulah sekarang penjamin sangat takut, Menteri sangat takut menjamin, Ahli-ahli Yang Berhormat sangat takut menjamin, boleh jadi dia akan dibuang kerja.

Itulah sedikit sahaja ucapan saya pada petang ini, bagi menyokong undang-undang ini, untuk diperketatkan dan kalau boleh falsafah, mengetatkan ini barangkali tidak sesuai lagi segala undang-undang yang ada ini, bolehlah ditukar supaya undang-undang ini

menjadi undang-undang yang menyenangkan semua orang sama ada yang berhutang ataupun yang memberi hutang.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab. Dipersilakan.

5.39 ptg.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) ini.

Pandangan-pandangan yang diberikan itu merupakan pandangan-pandangan yang baik. Insyaa Allah, akan dipertimbangkan bagi pelaksanaannya.

Sukalah saya menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri yang mencontohkan dan memberikan pandangan beliau bahawa had \$10,000 yang dinaikkan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian telahpun berbincang ataupun mengkaji sedalam-dalamnya bagi meningkatkan atau menaikkan kadar daripada \$2,000 kepada \$10,000 ini. Perkara ini talahpun diambilkira bahawa \$10,000 adalah suatu kadar yang bersesuaian dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa falsafah pindaan Rang Undang-undang Kebankrapan ini bukanlah untuk menghukum tetapi ianya adalah bertujuan untuk kita mengagihkan harta si penghutang itu supaya keadilan dapat dicapai.

Saya tidak berapa bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang bagaimana kita hendak melatih, bagaimana ketakutan kepada mereka yang hendak memulakan perniagaan dengan meminjam dari institusi kewangan. Sukalah saya menjelaskan bahawa kita telah lihat bagaimana agensi-agensi Kerajaan yang lain telahpun mengambil bahagian bagi membantu peniaga-peniaga ini, misalaya, Tabung Usahawan Bumiputera, adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk membela ataupun membantu peniaga-peaiaga atau entrepreneur yang dikirakan genuine, dengan izin, untuk menjalankan perniagaan.

Kerajaaa ada juga menjalankan latihan perniagaan. Kementerian Belia dan Sukan, misalnya, dan lain-lain Kementerian menjalankan proses mendidik ahli-ahli ataupun orang-orang yang bersedia untuk menjadi seorang ahli perniagaan. Dengan itu mereka akan dapat menguruskan perniagaan mereka dengan baik dan mereka tidak diisytiharkan bankrap kerana Kerajaan faham salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga terutamanya bumiputera ialah pengurusan syarikat itu sendiri pengurusan pengendalian itu yang dikira lemah yang menyebabkan mereka tidak mampu untuk menguruskan perniagaan.

Jadi, Kerajaan dalam menjalaakan usaha ini mengkaji seluruh aspek-aspek yang ada dan berusaha juga bagi membantu kegiatan bakal-bakal peniaga seperti Yang terhormat Tuan Haji Mohamed Nazri sebutkan tadi. Jadi, urusan \$10,000 ini telahpun dijelaskan bahawa

penilaian tingkat ini telah dinaikkan kepada peringkat yang dikira sesuai bagi meletakkan \$10,000 sebagai satu angka baru untuk seseorang itu boleh disyitiharkan sebagai bankrap.

Yang keduanya, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri juga menyebutkan Fasal 5 - enam bulan kita berikan kepada yang memegang cagaran. Ini adalah bertujuan bagi memulakan proses yang perlu diambil oleh kedua-dua belah pihak. Insya Allah, bahawa nilai harta yang dipegang itu akan ditetapkan oleh pihak Pemegang Harta dan tertakluk kepada lelongan biasa yang tidak akan merugikan sipenghutang. ini pengalaman. Saya pan ada pengalaman masa bekerja di Pejabat Tanah dahulu. Kita tidaklah begitu mudah untuk terus menerima harga yang diletakkan oleh orang yang berhutang dan orang yang memegang cagaran. Tetapi kita kirakan nilai yang harus diberi kepada cagaran yang dipegang itu supaya sipenghucang ini tidaklah teraniaya seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri kerana kita jaga kebaikan ini. perlu diambilkira.

Yang ketiganya ialah pertukaran alamat. Pertukaran alamat ini sebenarnya kalau sekiranya seseorang yang diisytiharkan bankrap itu berpindah dan tidak memberikan alamat barunya maka ini akan menyulitkan pihak pentadbir ataupun Pemegang Harta untuk menghubungi, mengagihkan harta yang ada padanya dan pengendaliannya. Dan juga tentang cadangan untuk mengadakan suatu denda, yang ini boleh dilakukan apabila dia diisytiharkan bankrap dan telah tercatat di dalam Raag Undang-undang ini. bahawa dia harus melaporkan dengan serta-merta kepada Pemegang Harta. Kalau dia tidak melaporkan, apabila dapat; dikesan, dia boleh diambil tindakan di bawah perkara

menghina mahkamah kerana keputusan telah dibuat dan tertakluk kepada Akta ini. Jadi, ini boleh dilakukan dan cadangan itu merupakan cadangan yang baik. Dan ini boleh dilakukan seperti yang saya sebutkan tadi dengan penghinaan mahkamah seperti yang tercatat dalam Rang Undang-undang.

Perkara yang keempat dalam seksyen 38, bagaimana kuasa diberikan kepada pegawai-pegawai imigresen untuk menahan pasport atau dokumen perjalanan orang yang berhajat hendak keluar negeri. Saya rasa lebih bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun bahawa setiap orang harus ada kebebasan bergerak. Mungkin ada orang yang perlukan dokumen perjalanan dan sebagai hak kebebasan bergerak dalam negara dan juga Luar negeri.

Jadi, ini bertujuan hendak melihat bagaimana seseorang itu boleh diambil tindakan. atau tidak, dan agak sukar bagi pihak Pemegang Harta untuk mengambil pasport atau dokumen perjalanan seseorang sebelum dia pergi ke lapanganterbang ataupun ke point hendak keluar, itu lebih mudah jika dia attempting mengambil tindakan hendak keluar negeri. Itu lebih mudah boleh disekat atau diambil pasport ataupun dokumen perjalanannya. Jadi, ini kita fikirkan bahawa suatu tempat yang sesuai, macam yang disebutkan tadi kalau dia berpindah maka susah hendak berkesan di mana dia duduk. Maka salah satu tempat yang terbaik untuk pegawai imigresen ialah tempat di mana dia melaporkan diri hendak keluar negeri. Jadi., ini kita Lakukan.

Tuan Rahim bin Baba: [Bangun]

Tuan Othman bin Abdul: Sila.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam undang-undang sekarang apabila seorang itu telah dideclare bankrap, beliau dikehendaki menyerahkan pasportnya kepada Official. Assignee. Saya fikir pindaan itu tidak begitu relevant kerana apabila dia telahpun diisytiharkan bankrap, mahkamah akan mengambil pasportnya dalam keadaan sekarang,

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan dalam ucapan awal saya tadi bahawa tidak ada peruntukan undang-undang sebelum ini yang membolehkan pegawai imigresen menganbil pasport itu. Cuma sekarang dilakukan ialah Pegawai Pemegang Harta akan meminta sahaja pegawai imigresen untuk menahan pasport tetapi tidak ada satu peruntukan pun. Dengan itu, orang yang berkenaan itu boleh mengambil tindakan undang-undang kepada orang yang memegang pasportnya atau dokumen perjalanan itu. Jadi, untuk memperkukuhkan itu maka kita memberikan peruntukan sekarang bahawa pegawai imigresen boleh mengikut peruntukan yang ada sekarang untuk menahan pasport ataupun dokumen perjalanan yang dipegang oleh seseorang.

Jadi, ini. saya ingin menjelaskan perkara yang ada kerana kita perlu mengawal pegawai-pegawai yang kita berikan kuasa sekarang supaya dia tidak diambil tindakan undang-undang yang memang dilakukan bersalahan dengan undang-undang. Jadi, sekarang ini dalam pindaan ini kita memasukkan kuasa itu diberikan kepada pegawai imigresen untuk menahan pasport ataupun dokumen perjalanan bagi seseorang yang diisytiharkan bankrap jika dia hendak keluar negeri.

Kepada Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun, saya hendak

menyatakan bahawa kalau Yang Berhormat telah sebutkan pindaan ini bersifat kapitalistik iaitu lebih memihak kepada sipenghutang yang memberi hutang iaitu creditors, memang saya rasakan bahawa kalau sekiranya kita mengambil tindakan bagi melindungi penghutang-penghutang yang terlalu banyak, sudah pasti orang yang memberi hutang, creditors tidak akan mengeluarkan, pinjaman atau memberi hutang. Jadi, sudah pasti pindaan-pindaan yang harus dilakukan ialah supaya sipenghutang, orang yang hendak berhutang mendapat pinjaman dengan dipersetujui oleh pihak yang akan memberi hutang.

Jadi, kedua-duanya harus diambilkira supaya kita dengan mudah untuk mendapatkan, ini berbalik kepada pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz bahawa kita juga meminda daripada akta yang ada peraturan-peraturan Bank Negara yang memudahkan pinjaman-pinjaman dilakukan. Jadi, kalau sekiranya terlalu banyak atau syarat-syarat yang terlalu ketat sehingga menyebabkan pihak institusi kewangan bagi mengeluarkan pinjaman maka yang akan rugi ialah peminjam kerana peminjam yang dilindungi keterlaluan sudah pasti orang tidak mahu memberi pinjaman. jadi, sudah pastilah kita perlu melihat beberapa kedudukan yang boleh memberikan kepentingan kedua-dua belah pihak.

Tentang kedudukan koperasi, bagaimana orang pencen, winding-up Of companies, dengan izin, ianya mempunyai suatu bentuk yang sama. Kalau sekiranya seorang pencen, dia pinjam wang, dia tidak ada keistimewaan pencennya untuk melindunginya daripada bankrap kerana dia juga adalah seorang yang biasa. Begitu juga dengan koperasi

ataupun syarikat, Kalau sekiranya syarikat-syarikat ini tidak dapat membayai hutang mereka, nrusan biasa akan dilakukan, koperasi-koperasi pun kalau sekiranya pihak institusi kewangan di mana dia mendapat pinjaman, jika institusi. kewangan mengambil tindakan untnk membankrapkan, maka ini adalah proses yang biasa dilakukan. Ini kita tetapkan bahawa tahap ini ialah had individu \$10,000 dan juga tidak terkecuali bagi orang-orang yang berpencen atau ada orang yang berpencen awal untuk menceburkan diri dalam perniagaan dan gagal, kemudian diisytiharkan bankrap, maka proses biasa sama ada EPFnya. ataupun wang simpanannya itu haruslah diagihkan mengikut prosedur biasa yang perlu dilakukan dalam pentadbiran kebankrapan.

Tindakan yang bertindih, cagaran, lelongan dan juga bankrapsi. Jadi, dalam urusan ini saya rasakan bahawa urusan pertama ialah tuntutan oleh institusi kewangan yang ditujukan kepada orang yang mengambil pinjaman. Apabila tuntutan ini dibuat, cagaran itu ada dan dia tidak memenuhi segala permohonan daripada pihak yang mengeluarkan pinjaman, maka sudah pasti yang terakhirnya ialah melakukan lelongan ke atas harta yang dicagarkan oleh orang yang berhutang. Tidak boleh dilelong dahulu sebelum ianya melalui proses-proses yang perlu dibuat melalui mahkamah dan sebagainya.

Tentang pandangan remedi hendak mengeluarkan diri daripada bankrap ini, tidak ada jalan lain daripada seseorang itu menjelaskan keseluruhannya hutang-hutang yang telah diberikan oleh institusi kewangan melalui perintah mahkamah semula. Tidak ada jalan lain dengan jaminan dan sebagainya. Ini merupakan pandangan Yang Berhormat yang saya rasakan kalau pihak institusi kewangan boleh menerima, itu tidak menjadi masalah kepada Kerajaan. Jika sekiranya Yang Berhormat boleh mengeluarkan seorang jutawan untuk memberi jaminan bahawa orang ini akan menjamin saya. Jika sekiranya bank atau institusi kewangan itu boleh menerima, jadi Kerajaan tidak ada perkara yang boleh kita hendak mecegahnya. Ini bergantung kepada usaha kedua-dua belah pihak melalui mahkamah untuk memutuskan perkara-perkara yang mereka ada.

Soal passport ini. saya telahpun jawab tadi. Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah membangkitkan tentang orang yang bankrap kemudian kaya semula, bankrap lagi dan kaya semula. Ini saya rasa Kerajaan pun memang ada melihat tentang perkara ini. Memang terdapat manusia yang seperti ini, orang yang berhutang kemudian dia bankrapkan dirinya dan kemudian membuka perniagaan baru di atas nama anak dan isterinya. Memang terdapat dan ada individu tertentu yang melakukan perkara ini. Jadi, ini memang suatu amalan yang tidak baik yang dilakukan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab dan sudah pasti Kerajaan harus menimbangkan perkara dan tindakan-tindakan yang boleh diperlakukan kepada orang seperti ini. Jadi, dia melakukan ini sudah pasti dengan aturan-aturan yang cantik, yang supaya tidak boleh diambil tindakan terhadapnya kerana dilakukan dengan begitu baik seperti Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad sebutkan tadi. Dia simpankan duit ini di atas nama anak atau isterinya. Jadi, apabila dia dibankrapkan maka dia akan menjadi seorang manusia bankrap seperti manusia lain. Tetapi sudah pasti anaknya atau ahli. keluarga yang lain akan terus menjalankan perniagaan. ini amalan yang memang terdapat dan kita menyedari tentang perkara ini.

Perkara penjamin - saya hendak menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa harus difikirkan bahawa penjamin ini sudah dijelaskan di dalam surat-surat jaminan bahawa penjamin adalah bertanggungjawab yang sama dengan orang yang kita jamin. Jadi,

kalaulah sekiranya kita menjamin seseorang bahawa kita merestui dan bertanggungjawab seluruhnya, kita mampu, ataupun menyerahkan segala kedudukan kita, makna kata kita sanggup untuk membayar beban hutang orang yang kita jamin.

Dengan sebab itulah saya hendak menasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat, kita harus berhati-hati dalam soal hendak menjamin orang-orang mungkin saudara-mara sendiri pun kerana orang yang menjamin, penjamin itu adalah bertanggungjawab samalah dengan orang yang kita jamin. Jika dia tidak dapat bayar maka pihak yang memberi hutang, jika kita menjamin biasiswa kepada seseorang Kerajaan pun akan tuntutan daripada penjamin yang pertama dan kedua. Ini sekali lagi. saya hendak menasihatkan bahawa kita harus berhati-hati di dalam soal kita hendak menjamin seseorang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan sekali. lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan yang baik kepada pindaan Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang diLaporkan dengan tidak ada pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG, UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.58ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam (wilayah Persekutuan) 1984, bagi memperluaskan pemakaian Akta itu ke Wilayah Persekutuan Labuan dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1991 bertujuan untuk meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Akta 303, supaya Akta tersebut terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 didapati tidak terpakai bagi Wilayah Persekutuan, Labuan kerana pada masa Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 diluluskan pada 23hb Mac, 1984

Wilayah Persekutuan Labuan belum lagi diwujudkan. Wilayah Persekutuan Labuan hanya wujud pada 16hb April, 1984 iaitu melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984. Sehubungan dengan itu, takrif (Wilayah Persekutuan) yang terdapat di dalam Akta tersebut bermaksud Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Oleh yang demikian, cara yang teratur dan sah bagi memperluaskan "pemakaian Akta tersebut ke Wilayah Persekutuan Labuan ialah dengan membuat pindaan kepada Akta tersebut iaitu sebagaimana yang dikemukakan di Dewan ini pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di sini sukacita saya memberikan sedikit penjelasan mengenai Rang Undang-undang ini:-

- (a) Fasal 2 bertujuan meminda Seksyen 1 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 untuk menampakkan pindaan dan perluasan yang dicadangkan;
- (b) Fasal 3, bertujuan meminda takrif "enakmen pentadbiran" yang terdapat di dalam seksyen 2 Akta tersebut. Takrif tersebut perlu dipinda memandangkan mula berkuatkuasanya Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1981, 1984, 1988 dan perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian dan Perluasan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1985 dan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 1984.

Fasal ini juga memperuntukkan takrif-takrif "Wilayah Persekutuan" dan "Wilayah-wilayah Persekutuan".

Fasal 5 dan 6 bertujuan meminda seksyen 52 (1)(k) dan 53(1) Akta tersebut supaya Ordinan Lunatik Sabah Bab 74 dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sabah Bab 123 dapat dimasukkan ke dalam seksyen-seksyen masing-masing kerana ini adalah undang-undang di Wilayah Persekutuan Labuan.

Dengan penguatkuasaan pindaan ini, Bahagian VI, VII, seksyen 155, 156, 158, 159, 160 dan Perenggan (n) dalam Seksyen 178 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor tidak diperlukan lagi dan dengan yang demikian adalah dimansuhkan dan terhenti terpakai mulai Fasal 8 bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

Pindaan-pindaan lain yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat perubahan-perubahan kecil atau yang berbangkit kepada Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan penjelasan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Rang Undang-undang Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1991 di atas adalah perlu supaya pemakaian Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dapat diselaraskan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Timbalan Yang di-Pertua.: Penyokong?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: AhLi-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Parsekutuan) 1984 bagi memperluaskan pemakaian Akta itu ke Wilayah Persakutuan Labuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Tuan Rahim Baba.
6.03 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana, diberi peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membincangkan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Parsekutuan) 1984 bagi memperluaskan pemakaian akta itu ke Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam membincangkan Aktya ini saya ingin memberikan pandangan-pandangan dan juga mendapatkan penjelasan-penjelasan daripada pihak Kementerian mengenai soalan-soalan yang ada kaitan dengan keluarga Islam, JAWI dan juga sebagainya khasnya di Wilayah Parsekutuan Kuala Lumpur dan juga Labuan. Terutamanya saya iagin menimbulkan soal masa hadapan Sekolah Agama Rakyat.

Kita faham bahawa sekarang ini banyak Sekolah Agama Rakyat telahpun didirikan termasuk juga di Wilayah Persekutuan, di Kuala Lumpur dan juga di Labuan. Apa yang ingin saya tanyakan ialah apakah masa depan Sekolah Agama Rakyat ini. Mengikut laporan Suruhanjaya yang membuat kajian mengenai sekolah-sekolah persendirian, lebih kurang 200,000 orang murid-murid sekarang ini belajar di Sekolah Agama Rakyat. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian apakah pelajaran yang dipelajari oleh anak-anak kita di sekolah biasa tidak mencukupi untuk beliau itu menjadi seorang islam yang

baik. Kerana sebagai ibu bapa kadangkala anak-anak kita selepas sahaja bersekolah di sekolah biasa, mereka itu akan dihantar ke Sekolah Agama Rakyat di antara jam dua sampai jam lima. Jadi bermakna kanak-kanak Islam mungkin apa yang dipelajari di sekolah Agama Rakyat itu sukatan pelajarannya sama dengan apa yang telahpun dipelajari di sekolah biasa, di sekolah formal. Jadi mungkin berlaku pertindihan dan mungkin juga berlaku pembaziran masa kepada kanak-kanak ini. Jadi, agak susah.

Jadi tidaklah hairan berlaku persaingan dari segi pendidikan kanak-kanak yang bukan Islam kerana mereka itu dapat belajar lebih, mereka itu mendapat keputusan yang baik di dalam pelajaran-pelajaran mereka. Dan juga didapati bahawa sukatan pelajaran Sekolah Agama Rakyat ini berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Jadi, kalau hendak diadakan juga kita harapkan supaya diselaraskan dan kalaulah difikirkan pelajaran empat waktu di sekolah formal tidak mencukupi untuk melahirkan seorang Islam yang tahu sembahyang, puasa ataupun sebagainya. Kita mencadangkan supaya empat pelajaran ini ditambah supaya tidaklah berlaku duplication, dengan izin, pagi dia belajar di sekolah biasa selepas itu petang terpaksa pula pergi ke Sekolah Agama Rakyat.

Perkara yang kedua yang ingin saya tanyakan ialah mengenai soal dakwah, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telahpun menyatakan semalam semasa menjawab iaitu untuk menjadi sebagai seorang pendakwah mestilah mempunyai 11 syarat, kalau tidak silap sayalah, kalau saya masih ingat lagi dan kebanyakan kita ini tidak ada mencukupi syarat itu. Dan cuma yang saya ingin bertanyakan ialah

apakah dakwah yang kita adakan ini hanya khas untuk orang-orang Islam sahaja. Saya menimbuilkan ini kerana saya berpendapat bahawa Islam ini bukan untuk orang-orang Melayu sahaja. Islam ini adalah untuk semua orang. Saya dapati kalau misalaya upacara-upacara agama kita khasnya di Wilayah Persekutuhan ini kaau ada jemputan, l biasanya dijemput mengacakan "kaum muslimin dan muslimat dijemput hadir. Apakah yang bukan Islampun tak boleh nak turut sama, hendak dengan syarahan-syarahan, hendak dengar masa kita syarahan Maalud Nabi ataupun sebagainya. Setengah-setengah itu mungkin dengan fikirna terbuka ingin hendak mendengar.

Saya menimbuilkan ini kerana baru-baru ini saya pergi ke Germany. Saya singgah di Hamburg. Saya singgah di sebuah mesjid, dalam masa saya berjogging di petang itu, saya berjumpa sebuah mesjid. Jadi saya telahpun melawat ke mesjid itu sekejap dan bertanyakan dengan imam yang menjaga mesjid itu. Saya dapati ada satu bilik syarahan dan saya katakan kerana penduduk islam di sini tidak ramai, jadi apakah perlunya adabilik syarahan yang sebegitu besar dan Luas, dan dia kata apabila mereka itu mengadakan syarahan agama ataupun penerangan-penerangan agama, mereka yang bukan beragama Islampun dijemput sekali, sama ada boleh berbahas ataupun berbincang dan sebagainya, jadi memberikan kesempatan kepada mereka itu. Jadi saya berharap jugalah khasnya Jabatan Agama Islam Wilayah jika dalam usaha kita berdakwah saya harap dapat kita meniru stail ABIM yang ada di Jalan Ampang di mana siapa sahaja dipersilakan untuk datang mendengar syarahan-syarahan, ucapan-ucapan ataupun penerangan-penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, JAWI ataupun Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telahpun menubuhkan Pusat Khidmat Sosial di masjid-masjid yang dibuka antara jam lima sampai jam tujuh petang. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan bagaimanakah kesannya Pusat Khidmat Sosial ini kepada masyarakat kita mendapatkan penjelasan mengenai sambutan dan juga sebagainya.

Satu perkara yang banyak ditimbulkan di Wilayah Persekutuan ialah soal kurangnya imam jurunikah di Wilayah Persekutuan, satu masjid hanya seorang sahaja imam jurunikah dan ini telah menimbulkan satu masalah kerana biasanya orang nikah kahwin ini dibuat dalam musim-musim yang tertentu, jadi imam yang ada tidak mencukupi. Kadangkala pengantin yang hendak bernikah terpaksa menunggu daripada jam lapan malam sampai ke esok pagi, sampai jam dua belas ataupun jam satu pagi. Kadang-kadang tak sabar pengantin-pengantin itu menunggunya. Jadi diharapkan pihak JAWI dapat menyegerakan, kerana saya difahamkan telahpun hampir setahun temuduga telahpun diadakan oleh pihak JAWI tetapi belum juga lagi diberikan keputusan tentang kedudukan jurunikah-jurunikah ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah soal nikah cerai. Soal Undang-undang Keluarga Islam, saya telahpun difahamkan mengambil masa yang begitu lama. Ada pasangan-pasangan. yang telahpun bersetuju untuk bercerai, tetapi apabila pergi ke rumah Tok Kadi atau Pejabat Agama, mereka itu dinasihatkan supaya berfikir dahulu dan datang balik dalam masa dua atau tiga bulan. lagi. Selepas tempoh dua tiga bulan mereka datang dengan keputusan. yang sama, mereka disuruh lagi berfikir balik sama ada ingin meneruskan perceraian ataupun tidak, walaupun pasangan itu telahpun. bersetuju untuk bercerai. Biasanya dalam soal ini, yang lebih tersiksa ialah kaum wanita. Yang lelakinya, biasanya dia boleh pasang dua tiga dan yang wanitanyalah yang biasanya menjadi mangsa. Saya berharap supaya satu sistern. dapat disegerakan dan kadangkala yang lebih menjadi mangsa ialah soal anak-anak yang tidak terbela dan juga tidak mendapat pembelaan kerana biasanya suami dalam masa lima enam bulan itu tidak mempedulikan soal tanggungjawab untuk rmemberikan nafkah dari segi kewangan dan sebagainya. Jadi diharapkan supaya satu sistem dapat dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah timbulkan, walaupun perkara ini perkara kecil, iaitu soal cabutan nombor bertuah. Adakah pihak Treasury telahpun menasihatkaa pihak-pihak penganjur tidak membenarkan cabutan nombor bertuah lagi? Saya ingin tahu apakah ini telahpun menjadi dasar, kerana saya faham, dari segi undang-undang Islam memang bila ada elemen nasib itu memang tidak

digalakkan atau tidak dibenarkan. Tetapi kalau betul-betul Kerajaan sudah tidak hendak lagi cabutan nombor bertuah ini, kita kena buat satu pengumuman supaya tidak ada timbul, yang itu boleh dan yang ini tidak boleh dan sebagainya

Tuan Yang di-pertua, cuma itu sahajalah pertanyaan-pertanyaan dan pandangan-pandangan saya dalam membahaskan Rang Undang-undang Keluarga Islam ini dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Haji Mohamed Nazri.

6.14 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bia Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam soal Rang Undang-undang Keluarga Islam ini, saya cuma hendak menarik perhatian Setiausaha Parlimen dalam soal penguatkuasaan hukuman Mahkamah Syariah. Kita tahu bahawa banyak cerita yang dikeluarkan di mana pihak kaum wanita menghadapi masalah setelah berlakunya perceraian. Yang kita lihat bahawa kadangkala mahkamah ini ataupun Pejabat Kadi, seolah-olah mereka memikirkan bahawa apabila hukuman diturunkan, maka sudah habis masalah kepada mereka, Soalnya ialah, memang betul hukuman itu, tetapi soal penguatkuasaan hukuman itu harus difikirkan juga kerana mangsa perceraian, apatah lagi kalau wanita dengan anak-anak mereka, kalau sekiranya hukuman mahkamah itu tidak dilaksanakan oleh pihak yang satu lagi, maka ke manakah orang ini akan mengadu? Kalau kita tidak memperkuatkan penguatkuasaan hukuman Mahkamah Syariah, saya rasa segala hukuman yang diturunkan oleh Mahkamah Syariah itu hanya dianggap sebagai satu perkara yang tidak perlu dipatuhi. Saya tidak nampak Rang Undang-undang lengkap di sini, cuma saya "berharap bahawa

Rang Undang-undang Keluarga Islam ini hendaklah dimasukkan. satu seksyen yang mana mengambil berat dan memberi perhatian kepada soal penguatkuasaan. hukuman Mahkamah Syariah. Maknanya, kalau suatu hukuman itu telah diturunkan dan tidak dilaksanakan, maka mesti ada sesuatu yang boleh dilakukan oleh Pejabat Kadi untuk menguatkuasakan hukuman ini. Jadi saya minta Setiausaha Parlimen menarik perhatian. beliau di dalam masalah ini supaya di masa-masa akan datang semua masyarakat Islam akan akur dan patuh di atas keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Syariah.

Maka dengan sedikit teguran itu saya menyokong Rang Undang-undang ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: sila Setiausaha Parlimen menjawab.

6.17 ptg.

Tuan. Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan. Rahim Baba dan juga Tuan Haji Mohamed Nazri yang mengambil bahagian dalam perbincangan ini Walaupun Yang Berhormat Tuan Rahim Baba telah lari jauh daripada pokok perbincangan, iaitu kita sedang membincangkan soal pindaan. Rang undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, pemakaian di Labuan. Walau bagaimanapun, saya inginlah menjawab sedikit sebanyak tentang masa depan. Sekolah-sekolah Agama Rakyat. Sekarang keinginan masyarakat Islam ialah mengenai pendidikan Islam. Dengan sebab itu kita dapati. ramai waris-waris sangat ingin untuk menghantar anak-anak mereka untuk belajar di Sekolah-sekolah Agama Rakyat dan

Kerajaan. sememangnya menggalakkan dan berusaha untuk menyelaraskan Memang Kerajaan berusaha untuk menyelaraskan pentadbiran Sekolah-sekolah Agama Rakyat, tetapi kerana bidang kuasa pentadbiran ini adalah terletak pada Kerajaan Kerajaan Negeri, maka sudah pasti agak sukar untuk Kerajaan menjalankan kegiatan seperti yang disebutkan itu.

Walau bagaimanapun, dengan tertubuhnya suatu lembaga baru yang dinamakan LEPAI dan baru sahaja dilantik pegawai-pegawai menganggotai LEPAI ini, insya Allah, segala guru yang berkecukupan semuanya ini akan dapat diuruskan oleh pihak LEPAI dengan bayaran gaji yang akan diberikan oleh Kerajaan. Yang kita kehendaki cuma pihak Kerajaan Negeri boleh mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Pusat melalui LEPAI dan kita akan mentadbirkan urusan ini.

Saya hendak menjelaskan tentang adakah tidak cukup pendidikan pelajaran di sekolah menyebabkan anak-anak kita dihantar untuk mengaji di Sekolah Agama Rakyat, misalnya. Saya hendak menjelaskan bahawa ini suatu pandangan yang tidak harus ada pada umat Islam, kerana menghantar anak ke sekolah itu bukanlah perkara yang terakhir yang boleh kita letakkan anak kita untuk mendapatkan ilmu pengetahuan termasuklah ilmu pengetahuan Islam ini kerana tanggungjawab sebenarnya ialah kepada ibu bapa yang jarang kita persoalkan. Kalau kita memandang Islam ini, kita lihat bagaimana Rasulullah menyebutkan, yang bermaksud: Anak-anak yang dilahirkan adalah dalam keadaa fitrah, dan ibu bapalah yang bertanggungjawab hendak menjadikan anak itu Yahudi, Nasrani atau Majusi - ibu bapa.

Bukan tanggungjawab sekolah itu untuk menjadikan anak itu mendapat education sepenuhnya. Sekolah-sekolah ini adalah sebagai tambahan. yang harus kita jadikan tempat yang kita letakkan formal education, dengan izin. Dengan sebab itu yang lainnya adalah merupakan tanggungjawab ibu bapa untuk memberikan pendidikan tambahan dari segi ilmunya, akhlaknya, bagi garisan pertamanya ialah soal ini yang harus ditingkatkan.

Soal dakwah yang disebutkan oleh Yang Berhormat, saya mengambil pedoman atau nasihat. daripada Mohamad Abdul seorang ulamak yang terkenal tentang syarat-syarat itu. Memang betul bahawa syarat ataupun. dakwah ini bukan hanya patut ada di kalangan orang Islam sahaja tetapi harus disebarkan kepada seluas mungkin dalam masyarakat dunia ini. Tetapi kerana ada persolan masalah yang melanda masyarakat Islam itu seridiri, maka sekarang sebab itulah Kerajaan pun Cerpaksa mengambil tindakan, misalnya dalam usaha untuk membentuk masyarakat penyayang, kita belanjakan \$18 juta peruntukan yang diberikan untuk menjadikan semua ini. Usahanya adalah hendak berdakwah supaya masyarakat kita sayang menyanyangi di antara satu sama lain. Ini penyakit yang ada dalam masyarakat kita yang harus dibaiki. Tetapi saya hendak jelaskan bahawa memang tanggapan Yang Berhormat itu bahawa berdakwah itu bukan sahaja di kalangan orang-orang Islam tetapi memanglah luas terbuka.

Walau macam manapun kita harus perbaiki kita dulu sebelum kita bercakap Islam kepada orang lain. Sekarang kita rasa malu, kalau saya hendak berdakwah, hendak ajak rakan-rakan kita yang bukan Islam kita rasa malu kerana keadaan masyarakat Islam di Malaysia sendiri pun masih ada maki-memaki, caci-mencaci dalam masyarakat kita sendiri. Ini berlaku. Jadi ini, perlu diperbaiki. Dengan sebab itu kita tumpukan sekarang di bahagian ini untuk membaiki kita dan insya Allah itu kita akan lanjutkan. Pusat Khidmat yang Yang Berhormat sebutkan itu memanglah mendapat sambutan bagaimana Pusat Khidmat Sosial yang dtsebutkan itu memang mendapat sambutan dan kita akan teruskan. Pihak JAWI akan teruskan melalui masjid-masjid.

Kekurangan Pendaftar Nikah Cerai. Imam Kahwin ini tidak ada. Dia tidak sebut Imam Kahwin, tetapi Pendaftar Nikah Cerai. Perkara ini insyaAllah, pihak Kerajaan melalui JAWI akan mempercepatkan proses ini. Memang kita tahu ianya merupakan satu kesulitan yang ada.

Kemudian dalam soal perkahwinan suami isteri, yang Yang Berhormat sebutkan sampai kepada Kadi, satu pasang manusia yang hendak bercerai. Sudah pasti Kadi itu tidak akan terus membenarkan kerana perkara yang paling baik ialah menasihatkan kumpulan itu supaya barbaik-baik semula dan menasihatkan mereka supaya masuk counseling bagaimana hendak memperbaiki hubungan keluarga itu supaya mereka dapat mengembalikan kehidupan kerukunan rumah tangga. Adalah

menjadi satu perkara yang mengaibkan kalau sekiranya ada juga manusia yang menganjurkan perceraian dalam Islam. Ini seperti merobohkan satu institusi keluarga. Jadi, walaupun memang memakan masa sedikit panjang, kerana memang nasihat ini perlu diberikan dan memang agama itu, dengan izin, agama itu adalah nasihat. Sebab itu, Islam ini "Ad-din" - nasihat. Kita nasihatkan terlebih dahulu supaya manusia atau pasangan yang hendak bercerai itu sedar akan kesulitan yang akan menimpa anak-anak mereka apabila perceraian berlaku sepertimana Yang Berhormat sebutkan. Memang betul bahawa perkara itu akan berlaku.

Kemudian, cabutan nombor bertuah. Jika sekiranya ada unsur-unsur perjudian, adu nasib maka ianya adalah merupakan satu perkara yang haram di sisi agama islam dan ini tidak perlu kita persoalkan jika sekiranya ada unsur-unsur perjudian, unsur-unsur mengadu nasib misalnya. Ini sudah mutlak dan tidak payah lagi kita mengeluarkan satu pekelilingan yang mengharamkan cabutan nombor bertuah dan sebagainya. Kalau sekiranya ada unsur-unsur itu, maka sudah pasti mutlak hukumnya telah ada di sisi Islam.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri menyentuh soal penguatkuasaan. Apabila sesuatu kes itu diputuskan oleh mahkamah dan tidak dipatuhi oleh mana-mana pihak maka mana-mana pihak yang tidak rasa puas hati, yang tidak berpuas hati boleh kembali semula merujuk kepada hakim iaitu kalau hakim di sini ialah Kadi ataupun Kadi Besar atau Mufti yang menghakimkan dan akan dilakukan proses-proses Lain bagi mendakwa orang yang tidak mahu mematuhi keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah seperti proses biasa dalam mahkamah-mahkamah lain pun kita boleh ambil tindakan semula dan pasangan ini boleh mengadu balik kepada mahkamah yang membicarakan mereka.

Jadi itulah penjelasan ringkas saya. Saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memberi sedikit ingatanlah ada lagi beberapa rang undang-undang yang akan kita bahas dan diluluskan. Saya ingat hari ini dan esok. Jadi sesiapa yang hendak bercakap selepas seorang Ahli Yang Berhormat bercakap haraplah bangun cepat-cepat. Macam tadi apabila saya tengok kiri-kanan tiada saya terus menjemput Setiausaha Parlimen menjawab. Selepas Setiausaha bangun dan menjawab barulah ada dua Ahli Yang Berhormat lagi yang hendak bercakap. Jadi saya harap ada sedikit kerjasama dalam perkara ini, supaya tidak berlaku lagi. Saya ingin memberi peluang tetapi terlambat sedikit agaknya dalam dua tiga saat sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan,

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada piadaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) (NO.2)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.28 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No.2) 1992 di baca kali kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No.2) 1992 ini bertujuan untuk membolehkan beberapa peruntukan dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 dikuatkuasakan mulai 1.1.1992. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat lagi Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada persidangan yang baru lalu dalam mana ianya telah dibincang dan dibahaskan dengan panjang lebar dan diluluskan. Memandangkan isi kandungan Akta masih segar dalam ingatan Ahli-ahli Yang Berhormat dan untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini adalah wajar Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No.2) 1992 yang dibentangkan kali ini tidak dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, antara peruntukan-paruntukan penting dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada persidangan yang baru lalu itu termasuk:

- (1) Memperluaskan skop bencana kerja untuk meliputi kemalangan yang berlaku semasa dalam perjalanan pergi atau balik kerja umpamanya supaya parlindungannya lebih bermakna lagi.

- (2) Mengurangkan syarat kelayakan caruman bagi faedah-faedah di bawah Skim Pencen Ilat supaya lebih ramai lagi pekerja dan tanggungann mereka dapat menikmati faedah-faedah di bawah skim i.tu.
- (3) Memperbaiki tempoh bayaran Pencen Ilat; dan
- (4) Melonggarkan syarat kebergantungan ibu bapa atau datuk-nenek untuk tujuan kelayakan faedah orang tanggungan atau pencen penakat supaya menyenangkan lagi mereka memenuhi syarat kelayakan bagi faedah-faedah itu.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 telah diwartakan pada 20.2.1992. Menteri Sumber Manusia berhasrat untuk menguatkuasakan beberapa peruntukan dalam Akta itu khususnya mengenai empat perkara yang saya sebutkan tadi mulai 1.1.1992 memandangkan ia akan memberi manfaat kepada perkara-perkara dan tanggungan mereka Lebih awal lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh sambung esok ya.

Dato' M. Mahalingam: Boleh. Terima kasih.

Timbalaa Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok, Rabu 3.6.1992.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

Foreshore tanpa kebenaran Lembaga Pelabuhan.

Di samping itu, pindaan juga dibuat untuk memberi kuasa kepada Lembaga Pelabuhan mengenakan denda kepada sesiapa yang melanggar perintah atau arahan dalam mana-mana juga kawasan pelabuhan. Peruntukan yang sedia ada hanya meliputi kesalahan yang dilakukan di dalam kawasan dermaga sahaja. Satu lagi pindaan memberi kuasa kepada Pengarus Besar Pelabuhan mengenakan kompaun ke atas beberapa kesalahan terhadap peruntukan-peruntukan Akta ini,

Memperuntukkan kuasa membolehkan Lembaga Pelabuhan menjalankan aktiviti-aktiviti tambahan yang ada kaitan dengan aktiviti pelabuhan seperti mentadbir pelabuhan karing dan sebagainya; membolehkan Lembaga Pelabuhan memberi sumbangan kewangan untuk kebajikan kakitangannya membolehkan Lembaga Pelabuhan membuat undang-undang kecil berkaitan dengan tender dan kontrak; membolehkan Lembaga Pelabuhan mendapat kembali perbelanjaan yang telah dilakukan untuk mengganti atau membaiki kerosakan harta-benda yang disebabkan oleh keengganan atau kecuaiannya mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan yang diberi. menurut: Akta ini; dan meraperuntukkan seksyen baru untuk mengawal peributan syarikat yang dilesenkan oleh Lembaga Pelabuhan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan ita adalah perkara-perkara akan dipinda dalam Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981. Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1992 ini tidak melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheag Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat:, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang, Berhormat Tuan. Ding Seling, 6.48 ptg.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981.

tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, bandar Bintulu adalah sebuah bandar di Malaysia ini yang sangat pesat membangun dalam 10 tahun yang lalu dan oleh yang demikian adalah wajar bagi Kerajaan untuk memikirkan satu Undang-undang yang dinamik oleh kerana Lembaga Pelabuhan Bintulu juga sama-sama pesat membangun ataupun pesat membesar dari segi aktiviti-aktiviti yang dilakukan dalam Lembaga Pelabuhan itu.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga memberi pandangan sedikit mengenai Rang Undang-undang yang dikemukakan kepada kita ini. Pertama sekali mengenai denda. Denda yang dicadangkan dan disarankan kepada kita dalam Rang Undang-undang ini adalah di antara \$500 sehingga \$2,000 dan seterusnya dari \$1,000 sehingga \$2,000 dan ada juga ke \$5,000. Saya kurang tahu apakah dasarnya perubahan ini dibuat sehingga, beberapa ratus ganda, dari \$500 sehingga \$1,000 itu adalah 100 kali ganda dan seterusnya ada juga yang dari \$1,000 sehingga \$5,000.

Adakah ini menggambarkan aspek-aspek seperti inflasi dan nilai wang kita agak menurun sangat ataupun aspek-aspek yang lain iaitu dari segi banyaknya, kerapnya kes-kes yang kurang elok berlaku di tempat itu.

Kalau ianya yang kedua, iaitu kes-kes jenayah, tidak jujur melaporkan dari segi connage dan sebagainya, apakah sebabnya? Adakah ini disebabkan oleh kerana keruntuhan moral orang-orang yang menggunakan Lembaga Pelabuhan itu ataupun adakah ini dari aspek-aspek yang lain, misalnya dari segi machinery yang ada pada kita? Itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai rancangan ataupun cadangan untuk memberi, mengutip wang untuk kebajikan pekerja-pekerja, iaitu perubahan pada Fasal 6 bertujuan untuk meminda Seksyen 14, Akta itu.

Saya menyanjung tinggi tujuan ini, kerana ini adalah merupakan sata-satunya di mana Kementerian berkenaan menunjukkan bahawa negara kita bukan sahaja mementingkan pembangunan fizikal, tetapi juga pembangunan manusia. Memendingkan pembangunan manusia yang menjadi nadi kepada aktiviti-aktiviti yang berlaku di tempat seperti pelabuhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan. Oleh kerana meyeliakan aspek ini dalam pindaan Rang Undang-undang yang dicadangkan ini. Saya hanya berharap mereka yang dekat kepada daerah Bintulu ini sedar mengenai cadangan ini, dan tahu bahawa Kerajaan bercadang melaksanakan perkara ini nanti, khususnya mereka yang dahulu dalam pilihanraya Parlimen 1990 dan dalam pilihanraya negeri Sarawak pada September, 1991 yang menentang Kerajaan dengan begitu hebat, sedar bahawa inilah satu-satunya Kerajaan Barisan Nasional yang mementingkan rakyatnya bukan sahaja dari segi pembangunan Fisikal, tetapi kebajikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan. Oleh kerana memikirkan perkara-perkara mengenai pemaliman seperti yang kita sedia maklum, seperti saya sebutkan awal-awal tadi juga bahawa aktiviti-aktiviti di pelabuhan itu pesat membangun dari setahun ke setahun, maka adalah begitu wajar untuk meluaskan aktiviti-aktiviti pemaliman ini bukan sahaja kepada yang ada sekarang di bawah jagaan. Lembaga Pelabuhan Bintulu, tetapi juga kepada orang-orang luar.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah begitu baik untuk memberi peluang yang luas kepada bukan sahaja orang tempatan, tetapi orang-orang Malaysia yang mungkin mempunyai kemahiran dalam aspek-aspek pemaliman. Dengan ini saya rasa timbullah satu skop lagi untuk mereka dalam perkhidmatan ini untuk meluaskan pengalaman mereka dalam pekhidmatan yang tersebut. Dan mengenai pengluasan pemaliman ini, Ianya juga memberi peluang kepada orang-orang tempatan dan orang-orang Malaysia untuk menceburkan diri di dalam kontrak-kontrak di dalam pemaliman.

Dalam ketiga-tiga aspek itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh cadangan Kementerian ini untuk memindahkan Rang Undang-undang ini. Bagaimanapun saya ingin memberi sata pandangan sedikit mengenai kuasa yang diberi kepada Lembaga Pelabuhan iaitu kuasa meminjam wang dan kuasa menguruskan wang itu.

Saya tidak menyoal kebolehan, kemahiran aeaupun kewibawaan mereka yang akan menguruskan wang yang dipinjamkan itu nanti, tetapi apa yang saya ingin sarankan di sini, ialah supaya proses-proses pengurusan sebelum meminjam itu adalah diselaraskan sejak permulaan iaitu oleh Kementerian Kewangan atau Kementerian yang berkenaan supaya keadaan itu tidaklah akan menimbulkan prasangka kemudian nanti.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sekali lagi sokongan saya kepada Rang. Undang-undang ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.53 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ding Seling yang telah memberikan pandangan dan pendapat mengenai peruntukan-peruntukan pindaan yang dibuat dalam Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu ini.

Memang kita menyedari dan kita ketahui bahawa kepesatan pembangunan Lembaga Pelabuhan Bintulu ini tidak dapat kita sekat-sekat, kerana ianya adalah satu pelabuhan yang begitu popular dari segi LNG, dan ini juga adalah satu-satunya pelabuhan di negara kita yang menguruskan gas cecair dan LNG ini.

Mengenai denda yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi bukan semata-mata kerana inflasi, tetapi kerana ianya telah begitu lama sejak tahun 1981 sehingga hari ini. Dan dengan keadaan inflasi dan juga dengan keadaan kenaikan harga barang dan sebagainya serta upah-upah, maka wajarlah denda-denda ini dinaikkan kerana \$500 bagi setengah-setengah pihak hari ini tidak ada apa-apa pada dia, dengan izin, chickenfeed sahaja, Tuah Yang di-Pertua. Jadi kita terpaksa lah menaikkan daripada \$500 ada yang kepada \$1,000 dan yang \$500 dahulunya ada yang kepada \$2,000 dan ada pula yang \$5,000 tadi seperti Yang Berhormat tanyakan itu terlalu besar sangat kenaikannya, ianya adalah daripada \$2,000 kepada \$5,000 bukan \$500 kepada 35,000.

Mengenai peruntukan yang membolehkan Lembaga Pelabuhan Bintulu ini memberikan sumbangan kepada kebajikan pekerja, kerana pelabuhan ini begitu membangun dan kakitangannya juga bertambah, maka didapati sumbangan daripada pihak Lembaga itu sendiri kepada kebajikan pekerja-pekerja adalah sesuai dan sangat perlu. Oleh yang demikian, kita memberikan satu peruntukan kepada kebajikan pekerja ini. Begitu juga mengenai aktiviti pemaliman, oleh kerana begitu banyak bilangan kapal yang masuk dan keluar daripada pelabuhan ini, maka malim-malim yang ada dengan Lembaga kadang-kadang tidak mencukupi, dan kalau Lembaga hendak menggajikan semua malim sampai berpuluh-puluh orang pun tidak ekonomik. Oleh kerana itu sebagai cadangan seperti kata Yang Berhormat tadi, kita beri

satu peluang atau satu skop yang terbesar kepada mereka yang berkepakaran sebagai malim untuk membolehkan mereka mendapat ganjaran Daripada kerja-kerja pemaliman ini.

Kuasa yang diberikan kepada Lembaga ini iaitu meminjam dan menguruskan wang, sebenarnya pengurusan wang itu di kawal oleh pihak Kementerian dan peminjaman ini juga mestilah dengan kebenaran Yang Berhormat Menteri dan juga dengan kebenaran Yang Berhormat Menteri Kewangan. Oleh yang demikian, pengawasan itu memang ada peruntukannya dan saya harap Yang Berhormat tidaklah bimbang atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja penjelasan saya mengenai tiga perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi ssbahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

7.00 mlm.

Setiausaha Parlimen di-Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul] : Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980, (Akta 227) dibaca bagi kali yaag kedua sekarang.

Saya ingin memaklumkaa bahawa Kerajaan telah melaksanakan saraan had-had dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) bagi pegawai-pegawai awam mengikut syor-syor Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam,

SSB ini mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1992. Dua daripada syor-syor Laporan -Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam telah diterima oleh Kerajaan dan menyentuh perbekalan Akta Pencen 1980, (Akta 227).

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan sedia maklum, Akta Pencen 1980 ialah Rang Undang-undang Pencen yang mentadbirkan urusan persaraan dan pengunaan faedah persaraan bagi anggota perkhidmatan awam. Akta berkenaan telah berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1976.

Rang Undang-undang Akta Pencen (Pindaan) 1992 yang dicadangkan ini bertujuan unduk meminda Akta Pencen 1980 bagi melaksanakan dua keputusan Kerajaan iaitu:

- (i) Cadangan meagurangkan tempoh perkhidmatan bagi tujuan pemberian taraf berpencen dari-pada 10 tahun kepada 3 tahun.

- (ii) Cadangan untuk membolehkan anggota perkhidmatan awam sama ada lelaki atau perempuan yang bersara secara pilihan sendiri pada umur 40 tahun dibayar ganjaran dan gantian cuti rehat sebaik sahaja anggota berkenaan mula bersara.

Pembayaran pencen pula dibuat mengikut perbekalan di dalam Rang Undang-undang yaag sekarang ini iaitu pada umur 45 tahun bagi anggota perempuan- dan umur 50 tahun bagi anggota lelaki yang dilantik sebelum 12hb April, 1991. Dan pada umur 55 tahun bagi mereka yang dilantik pada atau selepas tarikh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah perihal meagenai pindaan-pindaan yang dicadangkan:-

Pindaan seksyen 7 - Buat masa sekarang, seseorang anggota tetap boleh diberi taraf berpencen jika dia telah genap tempoh selama tidak kurang daripada 10 tahun perkhidmatan yaag boleh dimasukira. Peruntukan ini dibuat berdasarkan Laporan Jawataakuasa Kabinet Mengenai Gaji pada tahun 1976.

Di bawah SSB, Kerajaan telah bersetuju supaya tempoh perkhidmatan bagi tujuan pemberian taraf berpencen dikurangkan daripada 10 tahun kepada 3 tahun. Bersesuaian dengan keputusan Kerajaan itu, seksyen 7 dicadangkan dipinda bagi membolehkan seseorang anggota tetap diberi taraf sebagai anggota berpencen, jika ia telah genap tempoh selama tidak kurang daripada 3 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukira.

Pindaan seksyen 12 - Di bawah SSB, Kerajaan telah bersetuju supaya anggota perkhidmatan awam yang memilih bersara pada umur 40 tahun dibayar ganjaran dan gantian cuti rehat sebaik sahaja mereka mula bersara. Pada masa sekarang pembayaran ganjaran dan gantian cuti rehat kepada anggota perkhidmatan awam yang bersara secara pilihan sendiri pada umur 40 tahun dibuat pada genap umur 45 tahun bagi anggota perempuan dan 50 tahun bagi anggota lelaki yang dilantik sebelum 12hb April, 1991. Bagi anggota yang dilantik pada atau selepas tarikh tersebut pembayaran adalah dibuat pada umur persaraan wajib iaitu 55 tahun.

Berikutan dengan pelaksanaan SSB, seksyen 12 dicadangkan dipinda, untuk membolehkan ganjaran dan ganti. cuti rehat dibayar kepada semua anggota perkhidmatan awam yang bersara secara pilihan sendiri pada umur 40 tahun. Walau bagaimanapun, tarikh pembayaran pencen kepada mereka masih dikakalkan iaitu pada genap umur 45 tahun bagi anggota perempuan dan genap umur 50 tahun bagi anggota lelaki yang dilantik sebelum 12hb April, 1991 dan apabila genap umur 55 tahun bagi mereka yang dilantik pada atau selepas tarikh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah. Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pencen 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

7.06 mlm.

Tuan Rahim bia Baba; Tuan Yang di-Perdua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta bagi meminda Akta Pencen 1980. Dalam menyokong Usul ini, saya ingin membuat beberapa pertanyaan kepada Yang Berhormat. Setiausaha Parlimen.

Mengikut Fasal 3 Akta ini bahawa dengan tujuan untuk meminda seksyen 7 Akta bagi membolehkan seorang pegawai tetap diberi taraf sebagai seorang pegawai pencen jika dia telah genap tempoh selama tidak kurang daripada tiga tahun perkhidmatannya yang boleh dimasukira. pada masa sekarang, seorang pegawai tetap yang boleh diberi taraf sebagai seorang pegawai pencen jika dia telah genap tempoh selama tidak kurang daripada 10 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukira. Saya mengucapkan tahniah dan juga syabas pada pihak Kerajaan kerana prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Cuma satu persoalan saya ialah bagaimana kedudukan setengah-setengah daripada pegawai kita yang telahpun bersara ataupun yang telahpun berhenti sebelum pindaan ini dibuat? Umpamanya, mungkin ada yang telah bekerja enam ataupun tujuh tahun sebelum ini, tetapi sekarang ini telahpun meletakkan jawatan. Jadi, mereka ini seolah-olah tidak akan dibayar pencen kalau mengikut Akta ini. Adakah Akta ini akan meliputi mereka iai juga?

Yang kaduanya ialah tentang bayaran, iaitu Fasal 4 di mana ia membolehkan ganjaran dan award wang tunai diberi sebagai ganti cuti rehat yang terkumpul acau lain-lain Faedah diberikan kepada seorang pegawai ketika persaraannya. Kita memang mengalu-alukan bayaran gratuity ataupun award wang tunai dan juga cuti rehat kerana dengan

ini membuatkan pegawai Kerajaan lebih bekerja kuat lagi. Tetapi sepertimana yang telahpun diterangkan oleh Setiausaha Parlimen tadi bayaran hanya akan dibuat selepas genap 45 tahun. bagi pegawai wanita, dan juga 50 tahun bagi lelaki. Apa yang saya sarankan ialah supaya bayaran ini juga walaupun dibayar lewat apabila mereka ini menjelang umur 45 ataupun 50 tahun bagi perempuan ataupun lelaki, kita juga berharap supaya satu kadar Faedah dibayar dikira daripada tempoh sepatutnya mereka ini bersara ataupun ganjaran ini sepatutnya diberikan. Katalah kalau dia bersara umur- 35 tahun, hanya 40 tahun baru dia terima. Saya harap juga dapat difikirkan satu ganjaran faedah, kerana wang ini sepatutnya adalah wang mereka, dan mereka sepatutnya telahpun terima pada umur 35 tahun. Tetapi kerana dilewatkan kalau wang iai dimasukkan pun disimpan di dalam bank ataupun institusi. kewangan, mungkin pegawai-pegawai ini juga akan meadapat pulangan faedah ataupun sebagainya.

Cuma ini pandangan saya, dan juga persoalan saya dalam menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Taa Sri Dato' Mohd. Ghazali.

7.10mlm.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong juga Rang Undang-undang ini akan tetapi saya ingin menyarankan. perasaan saya terhadap yang diubahkan dari 10 tahun ke 3 tahun itu, adakah ini bermakna Kerajaan boleh anggapkan ramai lagi pegawai-pegawai yang mungkin ingin berhenti? kalau begitu, boleh kita kira pada tiap-tiap tahun ramai pegawai-pegawai yang berkaliber ataupun yang beraxperienced berhenti dan ini akan meadacangkan mudarat kepada efficieucy Karajaan kita.

Jadi, ini yang saya ingin tahu daripada Yang Berhormat dan sekiraaya begitu, apakah langkah-langkah yang Kerajaan sedang aturkan sekiranya perkara seperti ini akan berlaku? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.

7.11 mlm.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma untuk menambah kepada apa yaag disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri Ghazali sebentar tadi.

Kalau Tan Sri bimbang dari segi iaitu yang berkaliber akan mengambil kesempataa ini dan keluar, saya bimbang volune pula. KaLau sekaligus sernua berhenti kerana mengambil kesempatan ini,

apakah Kerajaan bersedia untuk menampung kekosongan yang mungkin berlaku kalau diambil kesempatan ini oleh semua pegawai Kerajaan? Ini pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng.

7.12mlm

Puaa Rosalind Yau Shuk Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun juga menyokong Rang Undang-undang Akta Pencen 1980. Dengan meminda seksyen 7 dan seksyen 12, adalah merupakan satu berita gembira bagi pegawai-pegawai Kerajaan dan ini juga merupakan perhatian istimewa Kerajaan terhadap kebajikan pegawai-pegawai Kerajaan.

Mengikut pemerhatian saya dan maklumbalas dari orang ramai adalah diakui peningkatan taraf perkhidmatan/ sikap pekerja dari efficieacy bekerja di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dan berbagai Kemencerian jelas terserlah sejak beberapa tahun kebelakangan ini terutamanya di bahagian yang berurusan dengan orang ramai.

Seyogianya diterangkan dan diharapkan dengan pindaan Rang Undang-undang Akta Pencen 1980 ini akan menghasilkan satu tekad dan kesedaran pegawai-pegawai Kerajaan untuk terus meningkatkan khidmat cemerlang dan bekerja keras dengan penuh dedikasi agar perjalanan jentera Kerajaan akan menjadi lebih licin dan teratur.

Dengan ini, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 1992. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di- Pertua: Dijemput Setiausaha Parlimen menjawab

7.13 mlm.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Ada 4 orang semuanya, insya-Allah, secara ringkas saya akan jelaskan.

Pertama mereka yang bersara sebelum daripada tarikh penguatkuasaan Rang Undang-undang ini akan diberi juga keistimewaan ini. Ini sudah pasti, bahawa Kerajaan telahpun menetapkan tarikh tertentu yang akan diberikan ganjaran, yang diberikan kemudahan dan keistimewaan ini sebabnya apabila perkhidmatan itu ditamatkan sebelum sesuatu Rang Undang-undang itu diluluskan, maka perkhidmatannya itu dikira tamat pada tarikh dia meletakkan jawatan.

Jadi, orang-orang ataupun pegawai yang meletakkan jawatan sebelum daripada tarikh ini, sudah pasti mereka tidak akan berkecukupan untuk mendapat taraf yang sama sepertimana yang telahpun saya huraikan di dalam Akta ini.

Perkara yang kedua ialah mengenai mengapa persoalan sampai 45 dan 50 tahun bagi wanita dan lelaki mendapat bayaran pensyen mereka sedangkan mungkin seorang pegawai itu meletak jawatan umurnya 40 tahun, 5 tahun kemudian baru dia mendapat pensyen. Ini sudah dijelaskan bahawa supaya setiap yang berpensyen ini, bagi mereka yang berpensyen bermakna mereka telah mengambil keistimewaan mereka di situ tetapi kalau bagi pegawai Kerajaan yang sedang bertugas,

ianya terpaksa bekerja 3 jam sehingga umur mereka mencapai 55 tahun bagi persaraan wajib, 45 tahun bagi wanita dan juga 50 tahun bagi lelaki yang kita bawakan ini.

Jadi, untuk samakan itu supaya pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat yang terus berkhidmat tetapi mereka tidak mendapat keistimewaan yang sama. Sebab itulah Kerajaan mengambilkira bahawa pada tarikh umur 45 tahun bagi perempuan dan 50 tahun bagi lelaki, mereka yang akan diberi ganjaran kemudahan-kemudahan ini untuk mendapat keistimewaan sepertimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat berkenaan.

Bagi Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali dan juga Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri, dalam soal 10 tahun yang diturunkan kepada 3 tahun ini, sememangnya benar bahawa Kerajaan berusaha untuk mengurangkan saiz ahli-ahli Perkhidmatan Awam. Sekarang kita menanggung Lebih 300,000 kakitangan Kerajaan dan saya dapati dalam satu bentuk yang besar ini, Kerajaan tidak mampu untuk menanggung perbelanjaan mengurus yang besar juga untuk negara. Dengan sebab itu, Kerajaan berusaha dengan memberi kemudahan-kemudahan dan insentif-insentif tertentu agar pegawai Kerajaan mendapat kemudahan untuk bersara awal supaya dapat kita kurangkan saiz perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, keraguan bahawa mungkin yang terbaik akan bersara, tiap-tiap seorang yang hendak bersara pilihan, mereka terpaksa memohon kepada Kerajaan dan Kerajaan mempertimbangkan. Jika jawatan itu adalah jawatan kritikal, jawatan yang sukar untuk

diganti, jawatan kepakaran misalnya, maka sudah pasti Kerajaan tidak akan membenarkan dia berpencen pada umur pilihannya itu.

Jadi, saya rasakan karaguan-keraguan ini diambilkira oleh Kerajaan supaya memang tidak berlaku pegawai-pegawai yang berkebolehan, yang, kita perlukan perkhidmatan mereka, kepakaran. mereka berkhidmat, berpencen pada umur pilihan. Insya-Allah, memang itulah kedudukannya, Kerajaan akan mengkaji kepentingan kedudukan sesuatu jawatan sebelum meluluskan permohonan bagi seseorang pegawai untuk berpencen.

Saya juga tidak ada apa-apa jawapan untuk Yang Berhormat Rosalind, saya ucapkan terima kasih kerana pandangan beliau terhadap perkhidmatan Kerajaan kita yang sekarang dikatakan di kedudukan yang baik. Pandangan beliau, saya ucapkan terima kasih dan Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit maklumat-maklumat yang dapat saya berikan.

Tuan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA**BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN)****Bacaan Kali Yaag Kedua dan Ketiga****7.20 ptg.**

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, Akta 239 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pertamanya saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah melaksanakan saraan ada had dengan syarat-syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) bagi pegawai-pegawai awam yang mengikut syor-syor Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji. Sektor Awam, SSB. ini mulai berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1992. Dua daripada syor-syor Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam yang telah diterima oleh Kerajaan atau menyentuh perbekalan Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

Sebagaimana Dewan yang sedia maklum, Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa. Berkanun dan Tempatan 1980 ialah Undang-undang Pencen yang mentadbirkan urusan persaraan dan pengurniaan faedah persaraan bagi anggota pihak-pihak berkuasa berkanua dan tempatan. Akta berkenaan

telah berkuatkuasia pada 1hb Januari, 1976. Rang Undang-undang Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1992 yang dicadangkan ini, bertujuan untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 bagi melaksanakan antara lain dua keputusan Kerajaan yang berkaitan dengan hal ehwal saraan anggota pihak berkuasa berkenaan, iaitu:

- (1) Mengenai keputusan mengurangkan tempoh perkhidmatan bagi tujuan pemberian taraf berpencen daripada 10 tahun ke 3 tahun;
- (2) Mengenai keputusan membolehkan anggota perkhidmatan awam sama ada lelaki atau perempuan yang bersara secara pilihan sendiri pada umur 40 tahun dibayar ganjaran dan gantian cuti rehat sebaik sahaja anggota berkenaan mula bersara. Pembayaran peacen mereka masih dibuat mengikut perbekalan undang-undang yang ada sekarang ini, iaitu pada umur 45 tahun bagi anggota perempuan dan 50 tahun bagi anggota lelaki yang dilantik sebelum 12hb Disember, 1991, dan pada umur 55 tahun bagi mereka yang dilantik pada atau selepas pada tarikh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, saya ingin memaklumkan bahawa menurut perbekalan seksyen 8, Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, majikan perlu merabuat caruman bulanan

kepada Kumpulan Wang Disatukan. Dengan berkuatkuasanya Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991, Akta 454, peraturan itu hendaklah diselaraskan dengan mana majikan boleh terus membuat caruman kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen.

Ketiga. seterusnya saya ingin memaklumkan bahawa semasa Dewan ini meluluskan piadaan kepada Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, Akta 239, dalam tahun 1980 terdapat sedikit kesilapan teknik percetakan di mana naskah Bahasa Malaysia Akta tersebut dicetak "55 tahun" sebagai umur yang boleh diambil kira seseorang lelaki sebagai setelah bersara apabila dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan lain. Sebenarnya umur yang ditetapkan oleh Kerajaan. bagi maksud itu ialah 50 tahun seperti tercetak di dalam naskah bahasa Inggeris. Perbezaan umur yang terdapat dalam naskah Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris perlu diselaraskan..

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah perihal mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan:-

Pindaan seksyen 6 - Buat masa sekarang, seseorang bertaraf tetap boleh diletak di bawah berpencen jika dia telah genap tempoh tidak kurang daripada 10 tahun perkhidmatan yang boleh dimasuk kira. Peruntukan ini berdasarkan Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenal Gaji pada tahun 1976. Di bawah SSB, Kerajaan telah ber-setuju supaya tempoh perkhidmatan bagi tujuan pemberian taraf berpencen dikurangkan daripada 10 tahun kepada 3 tahun.

Bersesuaian dengan keputusaa Kerajaan itu, seksyen 6 di cadangkan dipinda bagi membolehkan seseorang anggota tetap diberi taraf sebagai anggota berpencen jika dia telah genap tempoh selama tidak kurang daripada 3 tahun perkhidmatan yang boleh dimasuk kira.

Piadaan seksyen 8 - Pada masa sekarang seksyen 8, Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, Akta 239, memperuntukkan supaya caruman bulanan pada kadar 17% daripada gaji anggota yang telah diberi taraf berpencen dan hendaklah dibayar oleh majikan kepada Kumpulan Wang Disatukan. Dengan berkuatkuasanya Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen, 1991, Akta 454, caruman berkenaan sepatutnya dimasukkan terus ke dalam Tabung Amanah Pencen. Oleh itu, cadangan pindaan kepada seksyen 8 ialah untuk membolehkan caruman majikan berkenaan dimasukkan terus ke dalam Labung amanah pencen tersebut.

Pindaan seksyen 12 - Di bawah SSB, Kerajaan telah bersetuju supaya anggota perkhidmatan awam yang memilih bersara pada umur 40 tahun dibayar ganjaraa dan gantian cuti rehat sebaik sahaja meceka mula bersara. Pada rnsa sekarang, pembayaran ganjaran dan gantian cuti rehat kepada.- anggota perkhidmatan awam yang bersara secara pilihan sendiri pada umur 40 tahun dibuat pada genap 45 tahun bagi anggota perempuan dan 50 cahun bagi anggota lelaki yang dilantik sebelum 12hb April, 1991.

Bagi anggota yang dilantik pada atau selepas tarikh tersebut, pembayaran adalah dibuat pada umur persaraan wajib iaitu 55 tahun. Berikutan dengan pelaksanaan SSB, seksyen 12 dicadangkan dipinda untuk membolehkan ganjaran dan gantian cuti rehat juga dibayar kepada semua anggota pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan yang bersara secara pilihan sendiri pada umur 40 tahun. Walau bagaimanapun, tarikh pembayaran pencen kepada mereka masih dikekalkan iaitu genap 45 tahun bagi anggota perempuan dan genap 55 tahun bagi anggota lelaki yang dilantik sebelum 12hb April 1991, dan apabila genap umur 55 tahun bagi mereka yang dilantik pada atau selepas tarikh tersebut.

Pindaan seksyen 13 - Seksyen 13 naskah Bahasa Malaysia, Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, Akta 239 dicadang dipinda kerana terdapat kesilapan teknik percetakan, iaitu mengenai umur yang membolehkan seseorang pekerja lelaki disifatkan telah bersara apabila dilantik oleh/atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat pada mana-mana pertubuhan lain. Begitu pindaan yang telah dibuat ke atas seksyen 13 Akta berkenaan pada 1985, seksyen 13(1), naskah Bahasa Malaysia, Akta berkenaan telah memperuntukkan bahawa jika pekerja lelaki yang berumur 55 tahun dilantik atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan lain bila beliau disifatkan telah bersara, sedangkan naskah bahasa Inggeris menyebutkan umur 50 tahun. Bagi maksud yang sama, kesilapan percetakan dalam Akta naskah Bahasa Malaysia perlu diperbetulkan. Dasar yang telah ditetapkan oleh

Kerajaan adalah pekerja lelaki yang berumur 50 tahun boleh disifatkan talah bersara setelah dilantik atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat: dalam mana-mana pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng lum]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tiada ahli yang hendak berucap, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 dan 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan,

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pada pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.